



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 20)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006	(Halaman 21)
USUL: Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2006	(Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP

28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC

11. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO

16. Yang Berhormat Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato' Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS

54. Yang Berhormat Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO

91. Yang Berhormat Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO

- 126. Yang Berhormat Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 127. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
(Jawatan kosong)

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
UNIT PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 28 Ogos 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, setakat manakah undang-undang yang ada pada masa ini dapat mengatasi masalah penipuan tanda halal kepada barangan yang dijual kepada orang-orang Islam. Adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi hak eksklusif kepada orang-orang Islam sahaja dalam industri penyediaan dan pemprosesan makanan halal.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang digunakan bagi mengawal penyalahgunaan penandaan atau perbahasan 'halal' adalah Akta Perihal Dagangan 1972 dan Perintah-perintah di bawahnya iaitu Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan 'Halal') 1975 dan Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Makanan) 1975.

Di bawah perintah tersebut, penggunaan perbahasan 'halal' atau apa-apa perbahasan lain seperti 'ditanggung halal' dan 'makanan orang Islam' pada makanan adalah dianggap sebagai menunjukkan atau mungkin boleh difahamkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan dari segi hukum syarak memakan makanan tersebut. Perintah tersebut juga merangkumi penggunaan logo atau sijil yang dikeluarkan untuk menentukan halal atau haram sesuatu makanan.

Walau bagaimanapun, perintah tersebut tidak mewajibkan pihak peniaga untuk menandakan apa-apa barangan makanan sebagai halal, namun begitu sekiranya perbahasan 'halal' digunakan, pihak-pihak tersebut perlulah memastikan ianya halal sebagaimana ditakrifkan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasan 'Halal') 1975.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan tegas terhadap penipuan tanda halal termasuk menggunakan logo halal JAKIM dan JAIN, MAIN tanpa kebenaran. Sepanjang tahun 2005, sebanyak 91 kesalahan telah dikesan yang melibatkan sitaan barangan berjumlah RM448,545.95. Jumlah kompaun yang dikutip berjumlah RM220,150, manakala sehingga 15 Ogos 2006 tahun ini, sebanyak 34 kesalahan telah dikesan yang melibatkan sitaan barangan berjumlah RM1 juta. Kutipan kompaun bagi 11 kes berjumlah RM57,700. Peniaga-peniaga yang gagal membayar kompaun akan didakwa di mahkamah.

Kerajaan menyedari bahawa terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki bagi mengawal penyalahgunaan dan penipuan tanda atau perbahasan halal. Ini termasuklah cadangan meminda Akta Perihal Dagangan 1972 dan peraturan subsidiari di bawahnya bagi memperluaskan skop pemakaian Perintah Penandaan atau Perbahasan Halal' bukan sahaja kepada makanan tetapi juga kepada barangan dan pakaian. Kini kerajaan sedang giat mengkaji perkara-perkara berkaitan isu penipuan atau penyalahgunaan tanda halal dan akan membuat pindaan ke atas akta atau perintah berkenaan dalam jangka waktu terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat untuk memberi hak eksklusif kepada orang-orang Islam sahaja dalam industri penyediaan pemprosesan makanan halal. Ini kerana kerajaan berpendirian bahawa mana-mana syarikat yang memenuhi piawaian prosedur persijilan halal yang ditetapkan, maka ia berhak diberikan sijil halal sekiranya ia memohon berbuat demikian. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kerajaan ada satu polisi untuk menjadikan kawasan ini, terutamanya Malaysia menjadi satu *centralize system*, di mana menjadi pengeksport barang-barang buatan berkenaan dengan makanan halal. Apakah syor-syor atau pendirian atau pendekatan yang telah dibuat oleh kerajaan supaya bukan sahaja kita mengikuti undang-undang yang sedia ada di negara kita tetap juga akan memberi manfaat kepada pengimport-pengimport di luar negara kepada barang-barang makanan dari Malaysia.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai halal *hub* di mana kita dapat menghantar, menjual barang-barang kita kepada seluruh dunia. Jadi, tentang perkara ini beberapa tindakan sedang diambil oleh kerajaan, mempromosi barang-barang kita di luar negara sambil itu juga menyelaraskan penggunaan logo di negara kita. Kerajaan telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan negeri-negeri supaya JAKIM menjadi pusat utama yang mengeluarkan logo, yang boleh digunakan di seluruh negara, yang boleh diguna pakai oleh tiap-tiap negeri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, tidak ada soalan?

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi jawapan tadi iaitu kenapa kerajaan tidak memberi hak eksklusif kepada orang Islam, jawapannya saya rasa tidak berapa kemas, tidak berapa boleh diterima... [Ketawa] Saya hendak tahu kenapa sebenarnya kerajaan tidak dapat membuat satu undang-undang, terutamanya barangan makanan supaya hak eksklusif diberi kepada orang Islam sahaja untuk mengeluarkan. Pasal dari segi undang-undang ataupun dari segi tangkapan tidak dapat menyelesaikan masalah makanan haram ini.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada..., saya sebut tadi tidak ada apa-apa hasrat untuk hanya memberi kepada orang Islam tetapi sesiapa sahaja yang menyediakan makanan, kilang-kilang dan lain-lain lagi mesti ikut apa perintah yang dikenakan, apabila dikeluarkan Sijil Halal maka mereka mesti ada yang *food handlers*, mereka mesti ada orang-orang Islam. Ada beberapa syarat yang perlu diikuti sebelum Sijil Halal dikeluarkan. Sesiapa yang ada Sijil Halal, mereka berhak untuk mengeluarkan makanan untuk kegunaan orang Islam.

Lagi pun JAKIM juga akan menyiasat dari semasa ke semasa tempat-tempat ini supaya mereka mengikut segala hukum supaya barang-barang itu yang dikeluarkan adalah halal. Terima kasih.

2. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, adakah Kementerian bercadang mengadakan program turun padang bagi membantu para pengusaha mendapatkan permit bas/van sekolah dan kilang kerana masih terdapat banyak van atau bas kilang/sekolah yang tiada permit menjalankan operasi tanpa kesedaran mengenai kemudaran operasi mereka kepada pengguna dan juga diri mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sentiasa mengadakan program turun padang, bukan sahaja untuk membangunkan usahawan kenderaan perdagangan termasuk bas sekolah dan bas pekerja bahkan juga untuk memastikan peraturan pelesenan yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, agensi ini telah dan sedang mengatur beberapa program turun padang seperti berikut:

- (i) perjumpaan dengan persatuan-persatuan pengusaha pengangkutan awam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan;
- (ii) operasi bersepadu dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia untuk menguatkuasakan peraturan pelesenan kenderaan perdagangan;
- (iii) melaksanakan program gerak usahawan di setiap negeri di Malaysia bagi memberikan peluang perniagaan dalam bidang pengangkutan serta memberi penjelasan kepada orang ramai mengenai peraturan pelesenan yang perlu diikuti; dan
- (iv) merancang penyusunan semula sistem pengangkutan awam di bandar-bandar utama termasuklah di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sekali gus dapat mengurangkan operasi bas sekolah atau bas pekerja yang tidak berlesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat, lambatlah, kena cepat sedikitlah.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih. Saya tidak berapa jelas, saya dengar tetapi saya tidak nafikan bahawa proses untuk kita memutihkan pengusaha-pengusaha bas sekolah ataupun bas-bas kilang ini perlu bagi membantu penumpang-penumpang ataupun anak-anak sekolah jikalau berlaku proses ataupun kemalangan.

Mengikut penjelasan yang telah dinyatakan tadi juga bahawa kementerian mengadakan program turun padang tetapi kita tidak nafikan. Buat masa sekarang masih lagi banyak terdapat bas-bas kilang ataupun bas-bas sekolah yang beroperasi tanpa permit. Soalan saya bagaimanakah cara yang sebenarnya yang hendak dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan proses pemutihan ini betul-betul terlaksana, dan bilakah jangka masa diperuntukkan supaya semua bas kilang dan juga bas-bas sekolah diberi permit ataupun diberhentikan proses operasi mereka jikalau mereka tidak mempunyai permit.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Pertama sekali proses permohonan lesen atau permit itu bagi bas sekolah dan juga bas kilang ini tidak dibekukan atau tidak diberhentikan, tetapi masih terbuka. Untuk itu ia adalah mengikut keperluan dan sekiranya ada permohonan daripada pengusaha atau pihak-pihak yang berkenaan maka kementerian akan memberikan pertimbangan, dalam hal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi iaitu cara mana pemutihan ini berlaku, maka ada beberapa kriteria untuk membolehkan sesuatu permohonan dibolehkan atau diluluskan.

Antaranya ialah bas sekolah misalnya, maka keperluan daripada sekolah berkenaan yang memerlukan perkhidmatan bas tersebut. Jika ada sokongan ataupun pengesahan daripada pihak sekolah maka tidak ada sekatan untuk mengeluarkan lesen. Bagaimanapun mereka hendaklah memiliki lesen dan juga mempunyai modal yang dibenarkan dan begitu juga dengan keperluan bas kilang.

Di samping itu dari segi pemutihan juga, iaitu dari segi usia bas atau usia bas tersebut hendaklah tidak terlampau uzur iaitu dalam keadaan yang usang dan tidak terjamin keselamatannya. Dari segi usia misalnya tidaklah melebihi sehingga 20 tahun, sekurang-kurangnya dalam tempoh sepuluh tahun atau 15 tahun dan dengan pengesahan daripada pihak PUSPAKOM, maka bas itu boleh beroperasi dan lesen juga boleh dikeluarkan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita sering mendengar bahawa ada bas-bas sekolah atau van-van kilang yang sering berlaku kemalangan dan kita tahu tadi bahawa ada had umurnya iaitu 20 tahun. Ini saya rasa agak tinggi umur bas atau van yang diberikan kepada pihak penguasa.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila sering berlaku kemalangan dan juga membabitkan nyawa pekerja kilang dan juga nyawa kanak-kanak sekolah. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pengusaha bas dan adakah satu jawatankuasa pemantauan untuk memantau pengusaha bas tadi supaya jangan membawa lebih penumpang disebabkan umur bas ataupun keadaan bas, kerana itu tidak akan menjejaskan..., untuk mengangkut dan membawa kanak-kanak sekolah dan juga pekerja kilang, pemantauan dan tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap pengusaha bas ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa usia bas yang dimaksudkan itu bukanlah yang melebihi 20 tahun. Apa yang telah saya nyatakan tadi ialah tidak melebihi daripada had usia.

Contohnya, bas ekspres tidak lebih daripada sepuluh tahun dan bagi bas sekolah, bas berhenti-henti dan bas kilang yang memerlukan perjalanan yang dekat iaitu kurang daripada 15 tahun dan yang selebihnya itu tertakluk kepada pemeriksaan pihak PUSPAKOM bahawa bas itu juga selamat untuk digunakan.

Dari segi pemantauan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kementerian memang mewujudkan beberapa cara ataupun mekanisme dari segi pemantauan. Antaranya selain daripada penguat kuasa LPKP adalah juga melalui aduan orang awam melalui SMS yang dipaparkan setiap kenderaan perdagangan ini, maka orang awam adalah menjadi mata dan telinga kepada pihak kementerian ini untuk memastikan bahawa tingkah laku ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan pengangkutan ini dapat dikesan.

Selain daripada itu, LPKP memanglah akan sentiasa menerima beberapa proses permohonan lesen-lesen untuk pembaharuan dan sebagainya. Sekiranya terdapat rekod-rekod yang tidak baik, maka inilah juga menjadi asas kepada pertimbangan kementerian untuk memantau dan mengawal bahawa perusahaan ini dapat berjalan dalam keadaan yang baik dan selamat. Terima kasih.

3. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan doktor-doktor pakar swasta sebenarnya memiliki kelayakan profesional yang dinyatakan dan kelayakan itu diiktiraf oleh kerajaan. Apakah pendekatan untuk menambahkan bilangan doktor pakar di hospital kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan mempunyai peruntukan undang-undang khusus untuk memantau pakar-pakar swasta. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan sedang dalam proses membuat pindaan Akta Perubatan 1971 yang akan memperuntukkan perwujudan keperluan di mana seorang pakar perlu berdaftar dengan *Specialist Register* sebelum dapat mengamal sebagai seorang pakar.

Seseorang pengamal perubatan hanya akan didaftarkan sebagai pakar jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan meliputi kelayakan profesional iaitu kelulusan akademik, pengalaman dan latihan yang diterima dalam bidang kepakaran yang berkenaan. Di samping itu juga di bawah *Private Health Care Facilities And Services Act 1998*, setiap pemilik hospital swasta adalah bertanggungjawab untuk memastikan pakar-pakar yang diambil bekerja dengan mereka mempunyai kelulusan dan kelayakan yang bertauliah.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan bagi menambahkan bilangan pegawai perubatan pakar di hospital kerajaan. Antaranya ialah:

- (i) menggalakkan dan menyediakan peluang mengikuti latihan yang lebih luas kepada pegawai perubatan di peringkat sarjana dan *fellowship* di sub kepakaran di universiti-universiti tempatan dan luar negara;

- (ii) kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran pulang ke tanah air untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan pakar hospital kerajaan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa; dan
- (iii) beberapa insentif telah diwujudkan seperti menyediakan peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih baik, syarat dan terma perkhidmatan yang menarik dan juga menawarkan perkhidmatan secara kontrak kepada pegawai perubatan selepas kursus wajib dengan syarat sihat tubuh badan dan mempunyai prestasi yang cemerlang sehingga mencapai umur 65 tahun.

Sekian.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya dimaklumkan oleh seorang mekanik di Johor Bahru bahawa bayaran rawatan untuk mencabut sebatang gigi oleh seorang *dentist* swasta setelah pemeriksaan gigi beliau ialah RM700... [Disampuk] Bagi sebatang gigi sahaja yang dicabut RM700! Jadi, mekanik ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] Gigi orang kah gigi gajah?... [Ketawa]

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Mungkin gigi pontianaklah... [Ketawa] Jadi, mekanik ini enggan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah cakap itu mungkin gigi apa..., mungkin itu kena RM700.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: [Ketawa] Jadi, mekanik ini enggan menerima rawatan. Dia terus pergi ke poliklinik kerajaan untuk mencabut gigi yang sama itu dan hanya dikenakan bayaran RM2 sahaja dengan selamatnya dicabut gigi itu. Soalan saya, apakah mekanisme yang sedia ada untuk memantau bayaran rawatan yang dikenakan oleh doktor-doktor swasta khususnya *dentist* yang disebutkan tadi, dan ini adalah kes yang sebenarnya.

Jadi, apakah mekanisme untuk memberi perlindungan kepada orang ramai atau pengguna-pengguna supaya mereka tidak dianiayai oleh doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab ini. Jika tiada sebarang mekanisme pemantauan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk melindungi kepentingan orang ramai. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan kes yang dikatakan tadi, itu adalah kes spesifik. Saya tidak tahu apakah prosedur yang telah dijalankan oleh doktor gigi itu tetapi secara amnya dahulu memang betul, kita tidak ada mempunyai apa-apa kawalan di atas *fee* yang telah dikenakan oleh doktor-doktor kita, tetapi dengan adanya *Private Health Care Facilities And Services Act 1998*, dengan peraturannya yang telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006 ini iaitu pada tahun ini, kita telah mewujudkan satu *fee schedule* atau senarai yang boleh dikenakan oleh doktor-doktor di Malaysia ini. Ini bermakna pada masa sekarang, selepas kita menguatkuasakan peraturan-peraturan ini, Kementerian Kesihatan akan dapat memantau melalui peraturan yang telah digazet ini untuk memantau harga-harga yang dikenakan oleh doktor-doktor di negara kita. Sekian.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada membuat pengumuman bahawa seramai 118 orang doktor pakar luar yang telah ditamatkan perkhidmatan kerana tidak menepati peraturan syarat yang dikenakan. Kita juga diberi maklum seramai 698 orang doktor di hospital kerajaan yang sedang dipantau dari segi perkhidmatan ini sebelum kita tawarkan kepada doktor-doktor yang lain.

Akan tetapi soalan tambahan saya, dengan syarat-syarat yang kita sediakan ini, saya nampak ada satu perkara dari segi komunikasi di antara doktor dan pesakit yang menjadi masalah besar di mana kebanyakan doktor pakar ini tidak dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik malahan tidak dapat juga menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Kita tidak mahu nanti doktor suruh makan ubat dia sapu, ubat sapu pesakit makan. Ini boleh mendatangkan masalah kepada pesakit-pesakit kita. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam kita meningkatkan doktor pakar dari luar. Unsur-unsur komunikasi penguasaan bahasa sama ada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris dapat dipertingkatkan supaya masalah-masalah yang saya sebutkan tadi tidak berlaku kepada pesakit. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang sedar berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan kita sedang mempertingkatkan lagi iaitu *communication skill* atau skill komunikasi doktor-doktor kontrak ini. Pada masa sekarang kita memang ada memantau mereka selama tiga bulan sebelum mereka dihantar ke tempat-tempat yang ditetapkan oleh kementerian kita dan dalam masa itu kita memantau kebolehan mereka dan juga kita memantau *communication skill* mereka supaya perkara-perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak timbul.

Yang kedua, selalunya kita juga ada jururawat-jururawat tempatan di mana mereka kadang-kadang digunakan sebagai orang pertengahan di mana mereka dapat berkomunikasi dengan pesakit-pesakit yang datang ke fasiliti kerajaan kita.

4. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, setakat manakah pelaburan daripada Republik Rakyat China di Malaysia secara amnya dana pelaburan mereka di dalam pasaran bursa saham secara khususnya. Apakah halangan-halangan dalam menarik lebih banyak pelaburan dari negara China.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh yang perlu dijawab pada 14 September 2006.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh dari kawasan mana?

Tuan Ng Lip Yong: Gopeng.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Ng Lip Yong: Kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih. Jumlah pelaburan daripada Republik Rakyat China yang telah diluluskan dalam projek perkilangan bagi tempoh 2001 sehingga Julai 2006 adalah sebanyak RM634.6 juta yang melibatkan 76 buah projek. Lima industri tertinggi yang telah menerima pelaburan daripada China bagi tempoh tersebut adalah:

- (i) barangan logam asas;
- (ii) kimia dan barangan kimia;
- (iii) kayu dan barangan kayu;
- (iv) kelengkapan pengangkutan; dan
- (v) barangan elektrik dan elektronik.

Berkenaan dengan pelaburan di dalam pasaran Bursa Saham, sistem *depository* untuk pasaran saham Malaysia telah diliberalisasikan dan pelabur dari mana-mana negara bebas membuat pelaburan. Walaupun maklumat khusus mengenai pelaburan daripada China dalam pasaran Bursa Saham sukar diperoleh secara amnya pelaburan portfolio daripada China berjumlah RM10 juta untuk tahun 2005 sebanyak RM1 juta bagi suku tahun pertama tahun 2006. Maklumat terperinci mengenai pelaburan portfolio dari negara China serta negara-negara lain boleh diperoleh dari laman web Bank Negara Malaysia.

Jumlah pelaburan rakyat Malaysia di negara China pula, bagi tahun 2003 - RM243 juta, pada tahun 2004 - RM405 juta, tahun 2005 - RM914 juta. Maklumat ini merujuk kepada pelaburan ekuiti dan pembelian harta tanah dan pemberian pinjaman kepada bukan pemastautin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menumpukan perhatian kepada halangan dalam menarik pelaburan dari China tetapi menganggapnya sebagai cabaran. Dalam pada itu, kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dari Republik Rakyat China ini termasuk dengan:

- (i) mengadakan misi pelaburan perdagangan ke China seperti yang telah diadakan pada 27 Mac hingga 2 April 2005 dan untuk tahun ini 24 sehingga 31 Mei;
- (ii) membuka pejabat luar negara MITI, MIDA dan MATRADE di China bagi memudahkan urusan untuk pelabur dari negara tersebut iaitu di Beijing, Shanghai, dan Kwangtong;
- (iii) menterjemahkan laman web MIDA di dalam bahasa Cina untuk memudahkan para pelabur dari China;
- (iv) menerbitkan bahan bacaan rujukan seperti *brochure* di dalam bahasa Cina yang ditujukan kepada pembaca dari negara China;
- (v) mengadakan kerjasama dalam pertukaran ekonomi di kedua-dua negara; dan mengenal pasti rakan niaga yang berminat dalam pelaburan; dan
- (vi) menjadi penyelaras bersama untuk seminar promosi pelaburan.

Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan di dalam Dewan ini mengenai pelaburan negara China ke Malaysia selepas itu pelaburan rakyat Malaysia dan syarikat Malaysia ke negeri China. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dari jumlah pelaburan rakyat Malaysia termasuk syarikat Malaysia memasuki negara China berapa buah GLC negara kita telah berjaya mendapat projek-projek negara China dan yang kedua berapa orang, berapa syarikat kepunyaan bumiputera telah pun berjaya masuk melabur di pasaran negara China. Saya tanya soalan ini sebab kalau syarikat bumiputera yang besar-besar, gergasi di Malaysia ini dapat memasuki ke negara China maka tidaklah mereka seolah-olahnya bergantung pada kerajaan kita untuk mendapat projek dan peluang ini akan diberikan kepada syarikat bumiputera yang lebih kecil. Sekian, terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star, soalan ini spesifik dan tetapi saya ada sedikit sebanyak maklumat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sedikit sebanyak, jangan banyak sangat, [*Ketawa*] kalau banyak secara bertulis.

Tuan Ng Lip Yong: Syarikat Malaysia besar yang beroperasi di negara China termasuk Sime Darby China Limited, Ramatesc Apparel (Suzhou) Limited, Lion Group dan UMW dan FACB. Saya tidak ada maklumat tentang GLC lain atau syarikat-syarikat bumiputera lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, minta maaf Yang Berhormat bagi Bakri lambat sedikit, tetapi tak apalah nanti saya boleh bagi Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang terbaru itu memang yang cantik, molek semua, tetapi saya hendak tanya satu soalan tambahan yang senang iaitu baru-baru ini kita ada Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah menyatakan bahawa bersedia untuk menyenaraikan syarikat-syarikat yang besar daripada luar negara termasuklah syarikat daripada negara China dengan 100% dimiliki oleh pelabur asing.

Ini satu langkah terbuka adalah baik untuk negara kita tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Menteri MITI telah menyatakan bahawa kalau sesiapa pelabur yang datang ke Malaysia tidak setuju dengan dasar kerajaan yang 30% untuk bumiputera bolehlah pergi ke tempat lain. Saya hendak tanya apakah pendirian kerajaan sekarang ini mengenai keterbukaan atau 'ketertutupan' negara kita dalam menggalakkan lebih pelaburan daripada negara asing. Saya ingin mendapat sedikit pengertian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Sebenarnya saya tidak ada sidang akhbar pada hari itu, tetapi selepas itu saya pun minta penjelasan dari pegawai-pegawai yang ada dalam sidang akhbar pada hari itu. Saya diberitahu apa yang telah disampaikan oleh pemberita adalah dasar negara kita atau dasar kerajaan sangat jelas, ini menunjukkan ada sesuatu pihak, bidang yang kita langsung tidak ada limit atau bumiputera ekuiti atau apa ke, tetapi ada juga bidang di mana kita ada *limitation* untuk bumiputera dan maksud Menteri MITI adalah kalau kita sudah ada undang-undang ini, kalau tidak berminat mengikut undang-undang atau syarat-syarat itu tak perlu datang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini diterangkan oleh pegawailah, bukan Menteri yang berkenaan.

Tuan Ng Lip Yong: Akan tetapi saya rasa itu pun pendirian Menteri. Ini sebab pada masa sekarang, pagi ini ada satu rombongan yang besar dari Jerman seramai lebih kurang seratus lebih yang sedang bermesyuarat dengan Menteri pada pagi ini, kalau kita halau pelabur asing kita tidak akan bermesyuarat dengan mereka. Ini termasuk Menteri Ekonomi dan Teknikal daripada *Republic of Germany*. So, pandangan saya macam inilah, kalau untuk pengilang-pengilang tidak ada limit lah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak ada syarat-syarat tentang ekuiti dan tidak ada syarat juga untuk barangan mesti dieksport atau yang dijual di dalam negara. Tidak ada syarat lagi. Terima kasih.

Dato' Chua Jui Meng [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebahagian daripada soalan tambahan saya sudah diculik oleh Yang Berhormat bagi Puchong yang lebih cepat daripada saya naik. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kita tahu pada masa dahulu, MITI khasnya iaitu pada tahun 60-an, 70-an, 80-an, negara Jepun memainkan peranan yang amat besar di dalam ekonomi bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh ASEAN. Satu sebab ialah ada syarikat-syarikat besar di Jepun, yang kedua rizab luar Jepun adalah yang tertinggi di dunia iaitu pada hari ini *US\$830 billion*. Dahulu China dia miskin tetapi oleh sebab kegiatan ekonomi mereka yang begitu tegas, yang positif, pada hari ini tahun ini rizab luar negara China sudah melebihi Jepun dan China sekarang adalah yang pertama di dunia daripada segi rizab luar dengan *US\$940 billion*.

Soalan saya ialah pada masa dahulu Jepun, sekarang kita nampak satu ekonomi gergasi dengan kebolehan kewangan dan tetapi saya hendak membuat satu perbandingan. Soalan saya berkaitan dengan pasaran Bursa Saham Malaysia. Pada masa dahulu, Bursa Saham Malaysia lebih besar daripada Bursa Saham Singapura tetapi oleh sebab mereka menyelaraskan dasar-dasar mereka di Singapura, maka hari ini pasaran mereka lebih besar daripada kita. Satu antara sebabnya ialah negara China telah melabur secara besar-besaran di Bursa Saham Singapura. Umpamanya pada hari ini sudah lebih daripada seratus buah gergasi Republik China, rakyat China telah disenaraikan di papan Bursa Saham Singapura tetapi pada hari ini tiada satu pun yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya sudah cuba menarik pelabur-pelabur masuk. Baru-baru ini dengan mengadakan satu persidangan ekonomi Malaysia-China. Galakkan mereka datang ke Malaysia melabur, tetapi baru-baru ini kita mendapat komen daripada Menteri MITI yang tidak menggalakkan mereka.

Tambahan lagi bila saya tanya mereka, "Kenapa tidak mahu masuk ke Malaysia?" Dia cakap, "Dasar-dasar Malaysia tidak selaras dengan minat kita". Saya hendak tahu apakah langkah-langkah yang lebih tepat dan lebih berfokus lagi yang diambil oleh MITI, oleh Kementerian Kewangan dan lain-lain lagi untuk syarikat-syarikat besar daripada China melabur di Malaysia?

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bakri. Tadi saya pun telah sebutkan beberapa langkah yang kita galakkan pelaburan dari negara China. Saya tidak tahu dari gambaran yang diberi oleh Yang Berhormat, gambaran itu saya rasa tidak berapa tepat.

Sebab tiap-tiap minggu pun saya dapat rombongan yang datang dari negara China yang hendak melabur di negara kita ini. Baru-baru ini, kita telah melancarkan *Industrial Master Plan 3*, di mana kita sudah fokus atau mengenal pasti 12 sektor perkilangan dan lapan sektor perkhidmatan yang di mana mereka boleh menyertai juga. Pada pandangan sayalah, kita masih ada banyak kekuatan di Malaysia ini dan salah satu ialah barangan halal atau *halal hub* yang kita galakkan sekarang. Banyak syarikat dari negeri China sekarang berminat. Mereka sedang berbincang dengan rakan niaga di Malaysia supaya bukan sahaja masuk ke pasaran Malaysia tetapi ke pasaran Islam di negara lain. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Perdana Menteri menyatakan, statistik terkini rakyat termiskin dalam negara, dan apakah langkah berterusan bagi mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perangkaan penyiasatan pendapatan isi rumah terkini iaitu tahun 2004 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan di bawah Jabatan Perdana Menteri, bilangan isi rumah miskin tegar keseluruhan pada tahun 2004, dianggarkan sebanyak 67,300 isi rumah atau 1.2%. Daripada jumlah tersebut, 14,100 adalah di bandar dan 53,200 di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kadar kemiskinan tegar keseluruhan berada di tahap yang rendah iaitu 1.2% pada tahun 2004, kerajaan adalah komited untuk menghapuskan sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antara strategi utama pembasmian kemiskinan luar bandar dan bandar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti berikut:

- (i) memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan bagi menjana lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan;
- (ii) usaha mempergiatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar akan ditumpukan antara lainnya kepada pembangunan pusat pertumbuhan baru serta mempelbagaikan pembangunan industri berasaskan sumber seperti industri kraf tangan, *eco-tourism*, pertanian dan sebagainya. Di bandar pula, pertumbuhan yang berterusan juga akan menjana lebih banyak peluang meningkatkan pendapatan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di sektor formal dan tidak formal;
- (iii) mempergiatkan pembangunan modal insan menerusi program pendidikan dan latihan. Tumpuan khusus diberikan kepada usaha menggalakkan latihan sepanjang hayat serta meningkatkan akses kepada ICT di kalangan belia di luar bandar;
- (iv) meningkatkan pembangunan luar bandar dan sektor pertanian melalui program ekonomi seperti projek penternakan, akuakultur, bantuan peralatan dan input pertanian, khidmat nasihat, kemudahan pinjaman kredit mikro, pembangunan industri desa dan sebagainya. Strategi ini akan memberi peluang kepada masyarakat di luar bandar terutamanya di kalangan petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan pendapatan. Bagi golongan miskin bandar, program penjana pendapatan, pendidikan dan latihan serta penubuhan pusat maklumat akan memberi peluang kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah meningkatkan akses kepada peluang meningkatkan pendapatan masing-masing;

- (v) menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti perumahan, bekalan air bersih, elektrik, kemudahan infrastruktur, kesihatan dan pendidikan di kawasan luar bandar. Manakala di kawasan bandar, tumpuan diberikan kepada penyediaan kemudahan perumahan dan infrastruktur kepada penduduk setinggan, kampung tradisional dan kampung baru;
- (vi) memberi tumpuan khusus kepada kelompok-kelompok miskin di bandar dan di luar bandar serta negeri-negeri yang mempunyai bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar yang tinggi. Melalui pelaksanaan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Program Pembangunan Masyarakat Orang Asli, Pembangunan Tanah Wakaf, Pembangunan Tanah Peribumi dan Adat terutamanya di luar bandar. Manakala Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang meliputi penyediaan perumahan, penjaan pendapatan dan sebagainya pula ditumpukan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar; dan
- (vii) menggalakkan sektor swasta dan badan bukan kerajaan untuk memainkan peranan lebih besar dalam melengkapkan usaha kerajaan bagi menghapuskan sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan menjelang 2010. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) juga akan memperluas dan meningkatkan jangkauan operasi mereka untuk merangkumi kumpulan sasar yang lebih besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua tetapi sebelum saya tambah, saya hendak ucap tahniah kepada MCA, pada Mesyuarat Agung yang ke-53 semalam. Tuan Yang di-Pertua terlibat samalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terkeluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, tapi tak juga Tuan Yang di-Pertua. Fasal UMNO, MCA, MIC...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau boleh memang saya tak jemput Yang Berhormat tanya soalan, tapi terpandang... *[Ketawa]* Tak apalah nak buat apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah cantiknya Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Cantik Parlimen Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja kita memperkatakan tentang cabut gigi, macam mana kita nak jadikan negara maju. Bukan sahaja kita hendak menceritakan tentang orang miskin. Bukan soal kastam sahaja Tuan Yang di-Pertua. Macam-macam cerita ada di Parlimen ini... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada soalankah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada soalankah? Kalau tak ada, kita jemput Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada soalan Tuan Yang di-Pertua. Nantilah Tuan Yang di-Pertua. Jangan gopoh-gapah sangat Tuan Yang di-Pertua ya. Saya ucapkan tahniah...

Beberapa Ahli: Apa soalnya?... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Kepada kerajaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab dengan penuh tanggungjawab dan jawapannya mencerminkan bagaimana rasa kepekaan kerajaan Barisan Nasional dalam menangani masalah kemiskinan ini. Tahniah! Kita turunkan peratus kemiskinan menjadi 1.2% peringkat negara dibandingkan dengan golongan yang lain 25 juta penduduk Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tengok jam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi Yang Berhormat bagi Bakri panjang lebar, tidak tanya buat apa? Saya baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia setahun sekali sahaja. Yang Berhormat setiap hari... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam-macam program yang telah pun diutarakan tadi dan saya yakin itulah hasrat kerajaan Barisan Nasional hendak menangani kemiskinan terutama kemiskinan tegar kerana tidak guna negara kita maju Tuan Yang di-Pertua 2020, kalau masih ada rakyat kita yang merempat, yang uzur, yang tidak berdaya. Jadi, saya berharap kalau bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengambil saranan saya ini. Semua agensi yang melaksanakan bagi mengatasi dan mengubat kemiskinan ini menubuhkan satu Jawatankuasa Pemantap supaya semua program untuk menghapuskan kemiskinan di negara ini benar-benar dapat kekesan yang benar-benar sampai dan agaknya jawatankuasa ini boleh memberikan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan baru bagaimana seluruh program baik di luar bandar mahupun yang di dalam bandar. Sekarang ini kemiskinan di bandar Tuan Yang di-Pertua, dia nampaknya lebih membesar kerana kemiskinan dari luar bandar telah pindah ke bandar. Di kampung alhamdulillah, dia ada JKKK, Penghulu, Ketua Kampung, cawangan UMNO...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kemudian di bandar.....soalan saya itu tadi, boleh tidak tubuhkan sebuah jawatankuasa pemantau kerana agensi yang menolong untuk mengatasi kemiskinan ini pelbagai agensi supaya boleh agaknya dan mungkin agaknya Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan kemiskinan ini. Kalau tandas pun Timbalan Perdana Menteri pun boleh campur, jadi tidak ada masalah agaknya, jadi biar satu jawatankuasa yang betul-betul kukuh di peringkat kerajaan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, kalau tidak cukup orang, boleh lantik Yang Berhormat Sri Gading. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dengan senang hati Tuan Yang di-Pertua, saya terimalah... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jangan marah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading yang memberikan pandangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa memang sekarang ini, di peringkat kementerian dan agensi kerajaan di peringkat pegawai, kita sudah pun mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa untuk memantau tentang aktiviti-aktiviti membasmi kemiskinan ini tetapi, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat untuk menubuhkan di peringkat lebih tinggi lagi, *insya-Allah* kita akan bawa perkara ini kepada pihak yang lebih atas untuk makluman Yang Berhormat.

Akan tetapi ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana ia dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia tidak berdasarkan kepada sektoral, tetapi menyeluruh, maknanya kali ini, peranan untuk membasmi kemiskinan mestilah ditangani oleh semua kementerian dan semua agensi kerajaan. Tidak diberikan kepada satu-satu kementerian atau agensi sahaja, seperti mana yang lalu dan *insya-Allah* jika mekanisme yang dirancang ini, boleh berjalan dengan baik, maka penghapusan miskin tegar pada 2010, adalah menjadi '0', ataupun *zero*, sifar Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Assalamualaikum*, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya keliru kerana banyak agensi, Pembangunan Luar Bandar, Pertanian, Jabatan Perdana Menteri, tidak ada yang memantau perkara yang sebenarnya berlaku. Pertama soalan saya, kalau sekiranya kemiskinan ini 1.2% dari penduduk seluruh negara, berapa di Sabah dan berapa di Sarawak? Keduanya kita nampak agensi banyak tetapi apabila kita minta bantuan nelayan, petani, minta bantuan, tidak ada peruntukan. Jadi apa macam agensi-agensi ini dibagi peruntukan berbilion-bilion, tetapi tidak menjalankan tugas untuk memastikan hasrat kerajaan membasmi kemiskinan.

Jadi kita minta mungkin Jabatan Perdana Menteri seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading, kita ada satu *High Powered Committee* yang memantau semua kementerian di mana kita dapat sebagai mana kita ada Biro Pengaduan Awam, jika sekiranya ada wakil rakyat, ada Ahli Parlimen mengemukakan cadangan di kawasan-kawasan. Kementerian kata tidak ada peruntukan. Maka wakil-wakil rakyat ini, ahli-ahli Parlimen ini boleh membawa ke pengetahuan *High Powered Committee* ini untuk memantau dan menyelesaikan masalah. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi bahawa untuk memastikan pembasmian kemiskinan ini dapat dijayakan kerana ini adalah janji kerajaan iaitu kita hendak menghapuskan kemiskinan tegar pada tahun 2010. Sudah pastilah bahawa kerajaan akan mencari jalan sebagaimana yang baik mungkin untuk memastikan bahawa matlamat kita ini menjadi kenyataan dan saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, memang benarlah Sabah adalah termasuk dalam kategori kemiskinan yang agak tinggi iaitu pada 2004. Ia merupakan 11.4% daripada negeri-negeri lain dan ini adalah satu kadar yang agak tinggi, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di mana seperti mana yang kita tahu bahawa kerajaan telah pun menetapkan koridor-koridor ini salah satu tujuannya ialah untuk memastikan bahawa pembasmian kemiskinan ini secara menyeluruh bukan lagi tertumpu kepada satu-satu tempat sahaja, ataupun lokasi tertentu sahaja.

6. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan dan memperluaskan lagi tanaman nanas negara berikutan dengan berita menyatakan bahawa kilang-kilang yang memproses nanas untuk minuman menghadapi masalah bekalan bahan ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Kerajaan memang bercadang untuk memulih dan memperluaskan Industri Nanas Negara bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan nanas. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menetapkan sasaran pertumbuhan tahunan bagi industri ini pada kadar 22.1%. Bagi mencapai hasrat tersebut, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) sedang dan akan mengambil langkah-langkah berikutan;

- (i) meluaskan skop aktiviti-aktiviti ke negeri-negeri di luar Johor, seperti Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kedah, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak;
- (ii) mengusahakan tanaman nanas secara berkelompok dengan kerjasama Kerajaan Negeri atau dengan pihak-pihak swasta;
- (iii) mewujudkan Pusat Pengumpulan Teknologi Tanaman Nanas untuk mengembangkan industri nanas di seluruh negara secara teratur dan terancang;
- (iv) menyediakan bantuan input sebanyak 2,400 seekar kepada pengusaha-pengusaha kecil nanas dan; memilih baka-baka nanas yang bermutu dan mengeluarkan hasil tinggi.

Adalah dianggarkan menjelang tahun 2010, pengeluaran nanas negara adalah sebanyak 1,076,700 metrik tan dengan keluasan tanaman 47 hektar iaitu 32,000 hektar kawasan baru dan 15,000 hektar kawasan sedia ada. Di samping itu usaha-usaha untuk mempergiatkan industri asas tani berasaskan nanas turut diberi perhatian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan dan tahniah kepada kementerian kerana telah menceritakan tentang masa hadapan dan apa yang hendak dibuat oleh kementerian kerana pada hari ini untuk makluman kementerian, sebagai orang Malaysia pun kita naik malu. Kita mempunyai tanaman nanas yang berpotensi dan boleh dikembangkan di seluruh negara.

Hari ni di *hypermarket*, di *supermarket* nanas pun diimport daripada Filipina. Soalan dia, yang saya hairankan mengapa Melaka tak dimasukkan? Hari ini di Jasin sahaja, di Jasin sahaja masyarakat Jasin dah mula menanam nanas. Nanas pula nanas Sarawak. Nanas Sarawak ini Yang Berhormat Sri Gading, dia lebih besar, lebih manis, lebih berair. Nanas Sarawak dan di Jasin sedang diperkembangkan dan kalau Jasin tak masuk dalam kawasan yang nak dibangunkan tok...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang bukan masa untuk bahas *budget* lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini belum Tuan Yang di-Pertua, ini saya nak minta kementerian kerana Lembaga Tembakau, Lembaga Tembakau ibu pejabat dia di Kota Bharu tetapi dia punya wakil-wakil tiap-tiap negeri ada pejabat dia. Nanas, ibu pejabat kat Johor. Takkan orang Johor jer nak tanam nanas Tok, orang Melaka nak tanam juga, Kelantan nak tanam juga. Mengapa tidak diwujudkan Lembaga Nanas di semua cawangan-cawangan di seluruh negara supaya tanaman ini yang mempunyai potensi untuk dieksport dapat kita perembangkan dengan secepat mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Jasin. Kita, Kementerian mengakui bahawa sejak lima tahun kebelakangan ini, kemungkinan kita ada kurang keluaran dan kita terpaksa import terutamanya dari Indonesia dan Filipina tetapi untuk dari tahun depan, dari tahun depan dengan peningkatan pengeluaran, kita harap pada tahun depan memulainya kita dapat mengurangkan import kita.

Lembaga Perindustrian Nanas pada bulan depan akan bermula satu *roadshow* ke setiap negeri di Malaysia. Supaya bukan sahaja ditumpukan di Johor, dan dalam *roadshow* ini, kita akan juga berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya menyediakan tanah. Kita akui, kita akui sebab dalam beberapa tahun dahulu, kita telah menggalakkan penanaman nanas di estet-estet kelapa sawit.

Selepas eksperimen itu, selepas pokok kelapa sawit lebih dari tiga tahun, kanopi dia akan tutup, halang matahari dan oleh itu projek itu tidak berapa jaya. Dan inilah tindakan-tindakan yang akan diambil supaya kita akan meningkatkanlah pengeluaran nanas dan kementerian juga selarasilah dengan pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Memang kalau kita dengar jawab daripada Timbalan Menteri, memang senang hatilah... [Ketawa] Akan tetapi apa dapat kita lihat di dewan yang mulia ini tidak sampai di bawah. Macam tadi apa Yang Berhormat bagi Jasin cakap, banyak negeri minat nak tanam nanas, tetapi Bintulu banyak nanas tapi agensi kerajaan atau pun daripada kementerian langsung tidak lihat nanas.

Bintulu punya nanas memang banyak air... [Ketawa] Bukan kering punya nanas, banyak air. Itu kulit dia pun banyak licin... [Ketawa] Akan tetapi masalah dia, nanas di Bintulu tidak ramai orang beli, orang sudah makan puas, makan nanas dia orang kasi buang sahaja. Itulah sekarang sapa petani tanam ini nanas, orang tak mahu tanam sudah. Dia banyak rugi. Saya mahu tanya di sini apakah tindakan kementerian akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini. Saya haraplah Menteri jawab dengan betul, jangan jawab untuk senang hati sahaja.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Pada pendapat saya, jika terlalu air pun tak mungkin sedap, okey?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu air banyak manis, Semenanjung tak dapat.

Datuk Mah Siew Keong: Sebab ada juga *variety* nanas dia kering sikit tetapi sedap, saya telah cuba. Saya hendak memberi maklumat kepada Yang Berhormat bagi Bintulu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Sarawak dianggarkan akan menambah 2,000 hektar penanaman nanas. Tadi ada di maklumkan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kawasan mana?

Datuk Mah Siew Keong: Sarawak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sarawak kawasan banyak besar lah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Mah Siew Keong: Dan tadi dimaklum bahawa ada kelemahan. Tadi saya sudah memberi tahu kita mengakui dan saya hendak memberitahu ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia sebenarnya pada tahun 2000 telah menghentikan operasi untuk empat tahun dan operasi telah di mula balik sahaja pada September 2004.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi jawapan Yang Berhormat bagi Bintulu sudah jawablah. Dia hendak siasat pejabat, kehendak Yang Berhormat yang tadi sudah jawablah.

Datuk Mah Siew Keong: Okey, so saya..

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu perkara yang lain tak dibangkit, saya fikir tak perlu jawablah... [Ketawa]

Datuk Mah Siew Keong: *But I just* habiskan sedikit. Lembaga ini telah di mula operasi September 2004, dan dalam proses *restructuring* dan meningkatkan *staff* lah. Saya harap kita akan dapat meningkatkan perkhidmatan kepada Bintulu, bukan sahaja Bintulu kepada seluruh negara. Terima kasih.

7. **Datuk Ismail bin Abd. Mutalib [Maran]** minta Menteri Penerangan menyatakan, berapakah jumlah Komuniti Bestari yang telah ditubuhkan di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri. Apakah terdapat pertindihan fungsi dan program-program sosial yang dijalankan oleh Komuniti Bestari dengan agensi-agensi lain seperti KEMAS dan sebagainya.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sebanyak 449 buah Komuniti Bestari telah ditubuhkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia di seluruh negara. Pecahan jumlah Komuniti Bestari mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Komuniti Bestari
Johor	33
Kedah	25
Kelantan	59
Melaka	18
Negeri Sembilan	33
Pahang	36
Perak	35
Perlis	11
Pulau Pinang	16
Sabah	62
Sarawak	31
Terengganu	28
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	17
Wilayah Persekutuan Labuan	9
Selangor	28
Jumlah	449

Komuniti Bestari merupakan program gerakan rakyat Malaysia yang berasaskan kesukarelaan dan bercorak berdikari. Komuniti Bestari akan merancang program-program mereka sendiri dengan bantuan Jabatan Penerangan Malaysia dan lain-lain agensi untuk melaksanakan program-program di komuniti masing-masing. Aktiviti yang dirancang adalah untuk meningkatkan kesefahaman kepada ahli-ahli Komuniti Bestari berhubung dengan dasar dan program-program kerajaan. Penubuhan Komuniti Bestari melengkapkan aktiviti-aktiviti jabatan dan agensi-agensi lain di dalam sesebuah komuniti tersebut.

Ini kerana Komuniti Bestari bertindak sebagai penerima, penyampai dan menjadi pelengkap kepada agensi-agensi kerajaan di dalam komuniti tersebut. Oleh yang demikian, ahli-ahli Komuniti Bestari akan turut serta menjayakan program-program kerajaan. Aktiviti-aktiviti dirancang supaya ahli-ahli komuniti dapat menerima maklumat-maklumat seharian seperti program-program pertanian, pendidikan, kesihatan atau maklumat berkenaan kehidupan harian masyarakat dan juga dasar-dasar kerajaan.

Aktiviti-aktiviti ini melibatkan bukan sahaja dari agensi-agensi di bawah Kementerian Penerangan tetapi juga seluruh agensi-agensi jabatan kerajaan yang berada di dalam komuniti tersebut. Sekian, terima kasih.

Datuk Ismail bin Abd. Mutalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kalau tak ada silap saya, Komuniti Bestari ini sebelum ini ialah kita kenali dengan K3P. Penonton, pendengar dan juga pembaca. Dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan kementerian kerana dapat mengolah program-program yang dijalankan oleh kementerian sesuai dengan masa yang ada.

Jadi saya ingin tahu daripada jumlah 449 Komuniti Bestari yang telah dibina ini, yang ada di negeri-negeri, apakah kerajaan bercadang untuk membina satu pusat khas yang serba lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuklah ICT dan sebagainya yang membolehkan masyarakat yang terlibat dengan program ini mendapat berbagai-bagai maklumat dan setakat ini berapakah pusat khas ini yang telah dibina oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Maran. Memang betul, dahulunya Komuniti Bestari dikenali sebagai K3P dan sejak bulan Julai tahun 2000 memang merupakan satu *re-branding* memang dinamakan Komuniti Bestari yang senang difahami dan menjadi satu jenama atau *branding* di mana sekarang boleh adakan Rapat Bestari dan juga Anjung Bestari. Seperti mengikut cadangan Yang Berhormat bagi Maran, Anjung Bestari merupakan satu mini pusat maklumat rakyat di bidang komuniti dan dengan kelengkapan buku-buku dan juga lain-lain maklumat dan termasuk kalau mampu dan boleh, komputer dan sebagainya. Dan melalui program seperti ini apa yang dikatakan Anjung Bestari, kita dapat menyebarkan maklumat kerajaan dan juga program-program kerajaan khususnya setakat ini ialah Rancangan Malaysia Kesembilan melalui Anjung Bestari ini, kita dapat memberi laluan yang lebih lengkap dan boleh sampai ke akar umbi masyarakat. Sekian terima kasih.

8. Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu] minta Menteri Kesihatan menyatakan, kriteria pemilihan doktor luar negara untuk berkhidmat di Malaysia, kenapa timbul banyak masalah disiplin di kalangan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Kontrak untuk mengkaji dan menilai kelayakan seseorang calon sebelum memperakukan mereka untuk dilantik berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan secara kontrak. Walau bagaimanapun, kemampuan untuk menilai seseorang calon itu adalah terhad kepada kertas-kertas kelayakan dan surat perakuan daripada tempat-tempat mereka berkhidmat terdahulu, berserta dengan *Letter of Good Standing* daripada Majlis Perubatan di negara terakhir mereka berkhidmat. Namun begitu, pihak kementerian mempunyai kuasa untuk menamatkan mereka yang mempunyai masalah disiplin di tempat kerja, tidak mencapai tahap kecekapan yang dikehendaki dan kerap kali menimbulkan masalah di tempat kerja. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong dululah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya memang tertarik pada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Ini belum satu lagi soalan. Kita tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua ini setakat ini bilangan yang di lulus oleh pihak Jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, dan adakah Yang Berhormat sanggup itu mengambil iktibar dari negara-negara lain seperti di England dalam berapa dekad ini mereka ada cara-cara untuk memantau untuk mengkaji dan untuk mengambil doktor-doktor daripada India daripada Pakistan dan lain-lain negara dengan cara itu pun mereka timbulkan masalah yang besar di United Kingdom. Begitu juga bagi Malaysia, kita akan menghadapi masalah ini untuk bertahun-tahun dan bagaimana untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Selain daripada itu, bagaimana Jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita dapat mengatasi masalah ini.

Dato' Lee Kah Choong: Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 16 Ogos 2006 iaitu tahun ini, terdapat seramai 554 orang pegawai perubatan kontrak warganegara asing yang berkhidmat dengan kementerian. Seramai 118 orang pegawai perubatan kontrak ditamatkan di atas faktor-faktor yang berkaitan. Berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa United Kingdom memang mempunyai ramai pengamal-pengamal perubatan luar negara, di sini kita hendak mengatakan keadaan di United Kingdom adalah berbeza daripada negara kita. Sebab di Malaysia ini kita upah mereka. Mereka datang sini mereka kerja.

Akan tetapi di United Kingdom kalau tidak salah saya, kebanyakan pengamal-pengamal itu mereka pergi kepada United Kingdom untuk mendapatkan pelajaran, pendidikan mereka sebagai doktor atau selepas mereka untuk melanjutkan kepakaran atau sub kepakaran mereka di United Kingdom. Ini bermakna di United Kingdom mereka mempunyai satu masa yang panjang supaya mereka dapat dinilai oleh pihak-pihak tertentu di United Kingdom dan berbeza dengan di negara kita, di mana mereka datang ke sini untuk diupah untuk bekerja. Sekian terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik, sebahagian jawapan itu betul tetapi sebahagian besar tidak. Mereka itu daripada misalnya daripada India...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah kalau tidak betul nanti akan dibetulkan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua saya kira permasalahan kita yang sebenarnya berpunca daripada nisbah doktor dengan pesakit ataupun rakyat di Malaysia ini yang saya kira perlu diperbaiki. Oleh yang demikian, perlu kepada doktor-doktor kontrak daripada luar negara. Yang kedua permasalahan berbangkit kerana kualiti dan profesionalisme itu. Maka kita memerlukan tenaga luar tetapi yang berlaku sebaliknya yang kita dapat adalah yang selekeh. Dan tadi telah disebut bahawa seramai 118 orang telah di berhentikan ataupun di hantar balik.

Saya hendak tanya apakah bentuk kecuaihan yang telah dilakukan oleh doktor-doktor kontrak luar negara ini? Apakah masalah dari segi komunikasi mereka yang tidak memahami bahasa dan juga nilai budaya tempatan yang menyebabkan masalah-masalah ini. Dan yang satu lagi apakah jenis mutu kawalan ataupun *control mechanism* yang digunakan untuk memastikan kita benar-benar mendapat doktor-doktor yang baik, berbaloi dengan perbelanjaan yang telah kita keluarkan?

Dato' Lee Kah Choong: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan nisbah, pada masa sekarang nisbah doktor pada penduduk negara kita adalah satu doktor kepada 1200 orang penduduk negara kita. Kita memang sentiasa mengambil tindakan supaya nisbah ini kita dapat kurangkan kepada satu doktor kepada 600 penduduk Malaysia ini pada tahun 2020. Berkaitan dengan sebab-sebab mereka ditamatkan kerja. Doktor-doktor asing ini adalah:

- (i) prestasi kerja yang tidak memuaskan;
- (ii) tidak hadir bertugas;
- (iii) masalah kesihatan.

Ini adalah beberapa sebab mengapa mereka dihantar balik, dan berkaitan dengan *control mechanism* yang dikatakan tadi. Iaitu apabila mereka sampai ke Malaysia ini menempatkan mereka di bawah Pengarah-pengarah Hospital, supaya mereka akan dipantau selama tiga bulan. Jikalau kerja-kerja mereka tidak memuaskan mereka akan terus dihantar balik dan hanya selepas pengarah hospital mereka memberi perakuan bahawa mereka adalah bekerja dengan memuaskan barulah mereka akan ditempatkan kepada tempat-tempat yang ditentu oleh kementerian. Sekian.

9. Dato' Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh] minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam yang tidak diisi begitu banyak dan kesannya kepada perkhidmatan kerajaan dan kepada rakyat jelata.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua mohon izin untuk jawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 12 Disember 2006 yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua pengambilan kakitangan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam dijalankan secara berterusan mengikut keperluan semasa dan kekosongan jawatan. Pengambilan kakitangan perkhidmatan awam yang baru juga dijalankan berdasarkan sumber dan maklumat kekosongan jawatan daripada setiap kementerian atau jabatan kerajaan. Sehubungan itu, suruhanjaya perkhidmatan akan menguruskan pengambilan baru kakitangan perkhidmatan awam berdasarkan kekosongan jawatan yang ada pada setiap kementerian atau jabatan. Urusan pengambilan pula adalah berasaskan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam skim perkhidmatan berkenaan di samping beberapa kriteria ditentukan dalam proses pengambilan. Kekosongan yang berlaku ini adalah fenomena berterusan berikutan daripada pengambilan jawatan disebabkan penstrukturan semula organisasi, kenaikan pangkat, persaraan dan peletakan jawatan pegawai awam.

Adalah tidak logik dan tidak adil kalau saya katakan langsung tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada *client* dan rakyat tetapi saya ingin maklumkan bahawa ianya masih boleh dikawal dan sangat minimum. Sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan pihak berkuasa yang melantik supaya mempercepatkan pengisian jawatan-jawatan yang kosong.

Namun begitu, langkah-langkah jangka pendek sentiasa diambil bagi memastikan kesinambungan tugas-tugas jawatan-jawatan berkenaan melalui pengisian secara kontrak, secara pinjaman dan secara sementara. Terdapat juga jawatan-jawatan kosong diisi secara penangguhan kerja.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dengan begitu jelas dan tepat. Soalan saya, soalan tambahan. Bolehkah tidak kita tahu berapakah jumlah kekosongan setiap agensi yang terutamanya agensi yang kritikal dan baru *establish* yang memerlukan tenaga, kerana tanpa jentera, agensi akan pincang. Bolehkah tidak dapat jumlah kekosongan yang berlaku. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kekosongan yang akan saya sebut ini adalah berlaku kepada 717 agensi iaitu sebanyak 124,665 iaitu 11.77% daripada jumlah keseluruhan jawatan sebanyak 1,058,460. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekosongan ini terbahagi kepada dua iaitu bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 35,347 dan Kumpulan Sokongan sebanyak 89,318. Ini menunjukkan bahawa kekosongan banyak berlaku kepada Kumpulan Sokongan, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional sekitar 35,347.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, termasuk soalan Padang Serai tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Jawab serentak tadi termasuk dalam soalan Padang Serai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa tadi terdapat banyak kekosongan dan alasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah bekas pentadbir yang berpengalaman. Saya hendak tanya, apakah masalah kelewatan mengisi kekosongan ini? Adakah kerana calonnya tidak layak ataupun peruntukan yang tidak mencukupi? Kerana kita tahu bahawa masalah kekosongan ini sentiasa disebut. Malah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, untuk meningkatkan lagi prestasi jentera pentadbiran.

Kita tahu pegawai daerah sendiri mengadu bahawa mereka terpaksa memegang jawatan begitu banyak, beratus-ratus jawatan Tuan Yang di-Pertua, kerana pengisian ini tidak disegerakan, dalam jawatan-jawatan yang tertentu. Jadi apakah pihak kerajaan, terutamanya Ketua Setiausaha Negara ini dalam mengatasi masalah ini? Jadi, tidak payahlah Ketua Setiausaha Negara terlalu sibuk untuk mempersoalkan soal imuniti Ahli Parlimen, kerana ini yang lebih penting, dalam pengisian jawatan-jawatan kosong yang memerlukan untuk kita menjamin meningkatkan mutu perkhidmatan awam ini. Jadi apakah jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kekosongan ini seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa ia berlaku kerana beberapa sebab. Pertama sekali ialah, setiap tahun kita adakan bajet ataupun pemeriksaan bajet. Jadi setiap tahun, jawatan-jawatan ini akan ditambah di tiap-tiap barangkali agensi kerajaan, kementerian tertentu. Di samping itu, lima tahun sekali, kita ada buat kajian penstrukturan semula.

Dengan keadaan yang demikian, sudah tentulah ada jawatan-jawatan yang ditambah dan peningkatan dari segi *grading* jawatan-jawatan itu sendiri. Di samping itu, kita juga maklum bahawa terdapat setiap tahun, bahkan barangkali setiap bulanlah, pegawai-pegawai yang bersara dan juga kita mengadakan pengambilan bagi menaikkan pangkat. Kita kena faham bahawa ada jawatan yang dapat diisi secara langsung, ada jawatan yang terpaksa diisi secara lantikan kerana ini adalah keperluan mengikut skim perkhidmatan yang diaturkan oleh pihak kerajaan.

Akan tetapi, kita kena faham di kalangan jawatan-jawatan yang banyak ini, saya ingin maklumkan tadi tentang pertanyaan ialah jawatan-jawatan di Kementerian Pelajaran, jawatan-jawatan di Kementerian Kesihatan dan juga PDRM kerana mereka ini diperlukan. Sebahagiannya diperlukan sebelum berkhidmat, kena dapat latihan-latihan tertentu. Umpamanya, pegawai perubatan perlu ada *housemanship* dahulu. Jadi kita sudah tahu bahawa kekosongan akan diisi tetapi tahun depan kerana ada pegawai-pegawai yang di dalam *housemanship*.

Begitu juga pegawai pelajaran. Kita sudah tahu, bahawa ada guru-guru yang akan keluar tahun hadapan dan guru-guru hanya tunggu lantikan lagi. Walaupun jumlah saya sebutkan banyak tadi, insya-Allah, dalam sedikit masa ini, setelah lantikan semua dibuat, maka jawatan-jawatan itu akan diisi sepenuhnya.

10. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Pelajaran menyatakan, kedudukan sekolah-sekolah lama di pusat bandar raya yang menghadapi tindakan berpindah keluar berperingkat-peringkat seperti *Batu Road School* dan apa usaha untuk menyelamatkan bangunannya yang mempunyai nilai sejarah dan warisan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai rancangan untuk memindahkan sekolah-sekolah di bandar raya Kuala Lumpur termasuk sekolah-sekolah di Batu Road Kuala Lumpur. Sebaliknya Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan keceriaan sekolah-sekolah tersebut dikekalkan kerana bangunan sekolah-sekolah tersebut mempunyai nilai sejarah dan warisan yang sangat berharga kepada negara.

Di samping itu, seni bina bangunan sekolah tersebut mempunyai daya tarikan khususnya kepada para pelancong. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak sekolah lama di pusat bandar menghadapi tindakan berpindah, keluar dari bandar walaupun sekolah ini ada mempunyai nilai bersejarah dan warisan seperti Sekolah Menengah Perempuan Bukit Bintang, pun telah dipindah keluar dari Bukit Bintang. Apa yang kita harus tekan di sini bahawa bangunan sekolah yang ada nilai bersejarah dan warisan, harus dikekalkan dan dalam rancangan DBKL, ada masuk satu cadangan bahawa sekolah *Batu Road School* akan dipindahkan.

Saya ingin tahu, apa tindakan susulan yang akan diambil oleh kementerian, bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga pihak berkuasa tempatan seperti DBKL untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah yang bersejarah dan warisan ini haruslah dikekalkan dan saya juga difahamkan bahawa tidak ada apa-apa rancangan dan semua rancangan yang di atas tapak tanah bersejarah haruslah dibekukan. Apakah tindakan kementerian dan adakah kementerian berhasrat untuk bekerjasama dengan kedua-dua kementerian yang saya tadi sebut. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang kita kena mengambil notis bahawa perpindahan beberapa sekolah sebelum ini adalah berdasarkan sebab tapak sekolah adalah mempunyai nilai komersial yang tinggi dan keputusan kadang-kadang dibuat oleh pihak sekolah. Umpamanya Sekolah Kebangsaan St. Marry di mana tanah dimiliki oleh Gereja St. Marry dan mereka telah pindah ke satu lagi lokasi yang juga dimiliki oleh gereja untuk membangunkan tapak sekolah.

Dari segi sama ada kerjasama di antara Kementerian Pelajaran Malaysia dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memang ada dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini empat buah sekolah telah diwartakan sebagai sekolah warisan. Ini termasuk:

- (i) SMK Penang Free di Pulau Pinang;
- (ii) Sekolah Kebangsaan Velesley Jalan Sultan Ahmad Shah Pulau Pinang;
- (iii) SMK St. John Institution Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan
- (iv) SMK St. Francis di Melaka.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, empat lagi buah sekolah telah dikemukakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk diwartakan oleh Kabinet dan kami menunggu kelulusan permohonan ini. Terima kasih.

11. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana program industri asas tani telah dapat dijalankan. Apakah bentuk industri yang telah dijalankan mengikut negeri. Adakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian industri berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Program Pembangunan Industri Asas Tani telah bermula daripada Program Pembangunan Ekonomi Rumah Tangga di mana penglibatan adalah terdiri dari kaum wanita dan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian sejak tahun 1968 dan Program Kumpulan Ekonomi Nelayan dan Jabatan Perikanan.

Antara aktiviti yang dijalankan melibatkan aktiviti pertanian asas serta aktiviti pemprosesan kecil-kecilan. Program ini diteruskan hingga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan melalui Program Pembangunan Industri Hiliran berasaskan pertanian yang memberi penekanan kepada peningkatan pengeluaran, peningkatan kualiti dan pengurusan perniagaan. Jenis-jenis aktiviti pemprosesan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha di seluruh negara pada seketika ini adalah produk berasaskan tanaman, ternakan dan perikanan.

Maklumat berhubung dari industri mengikut negeri-negeri sedang dikumpulkan. Contoh produk berasaskan tanaman ialah seperti sos, kuih sejuk dan kuih tradisional manakala proses berasaskan ternakan adalah seperti sate, daging, sosej dan lain-lain. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan penglibatan usahawan terutamanya dari luar bandar untuk berkecimpung dalam industri asas tani. Secara langsung aktiviti ini akan dapat membantu mempelbagaikan aktiviti pertanian melalui aktiviti nilai tambah dan mengkomersialkan produk makanan bagi memantapkan lagi pembangunan industri asas tani dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Satu pelan tindakan Program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani telah disediakan dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17 Ogos 2006 di Sik Kedah. Pelan tindakan berkenaan antara lain mengandungi pendekatan program-program yang berasaskan pengurusan rantaian, pembangunan modal insan dan program bagi menggalakkan siswazah atau usahawan muda menceburkan diri dalam bidang ini.

Pelan tindakan berkenaan juga menyasarkan seramai 10,000 usahawan industri asas tani akan diwujudkan sehingga tahun 2010 dengan perolehan pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada 1 September 2006.

RANG UNDANG-UNDANG HAK MILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran hak milik anak negeri di Labuan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri, urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan Rizab Anak Negeri dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus dua belas juta tiga ratus dua puluh tujuh ribu sembilan ratus sepuluh ringgit (RM4,312,327,910) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan." [24 Ogos 2006]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menyambung semula ucapan.

11.35 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia pada masa sekarang menikmati perjalanan dengan *surplus* yang baik dengan Amerika syarikat dan ianya adalah jelas bahawa Amerika Syarikat yang berkurangan daya saing dalam beberapa sektor pembuatan ini mendapat lebih banyak akses terhadap pasaran-pasaran negara-negara sedang membangun seperti Malaysia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita boleh membaca ini dalam kenyataan-kenyataan persatuan-persatuan industri Amerika Syarikat dan wakil perdagangan Amerika Syarikat atau *US Trade Representative* (USTR). Semasa pusingan kedua rundingan di Washington pada bulan Julai satu laporan Bernama dari Washington yang bertarikh 15 Julai 2006 telah menyatakan bahawa saya *quote* dengan izin:

"Producers of rubber footwear, facing competition from Malaysian rubber footwear and oleo-chemical producers which produce bio-diesel fuel, soap and detergent, face competition from palm oil and its products. They are concerned that duty-free products of their competitors would flood the US market and harm US industries. The US Automotive Trade Policy Council (ATPC) which represents Daimler Chrysler Corporation, Ford Motor Company and General Motors, has expressed 'skepticism' for Malaysia's new National Automotive Policy."

For some important changes have been announced, the new policy retains some of the major features of the prior system. It appears that government is still committed to maintaining a national auto industry and some elements of its bumiputera policy both in the manufacturing, importing and retailing side of the business - the ATPC said in a statement."

Barbara Weisel ialah US chief negotiator said, "It was still too early to project how far Malaysia would go to open up its automotive market and dismantle its trade barriers, we have not reached that stage yet".

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dengan Amerika Syarikat telah menjadi semakin kontroversial seperti yang dilihat dalam debat-debat kongres Amerika Syarikat terhadap ratifikasi setiap FTA. Penangguhan rundingan Amerika Syarikat-Thailand dan bantahan daripada rakyat Korea yang meluas terhadap rundingan Amerika Syarikat-Korea. Di Malaysia banyak kumpulan kepentingan awam dan pertubuhan-pertubuhan sektor swasta domestik telah membangkitkan keprihatinan mereka walaupun pandangan mereka tidak diterbitkan oleh kebanyakan media tempatan.

Dalam sesi Parlimen yang lepas Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjamin kepada Dewan ini bahawa Malaysia tidak akan terikat dengan satu jadual waktu yang ditentukan oleh Amerika Syarikat jika ianya tidak berpadanan dengan kepentingan-kepentingan negara. Yang Berhormat Menteri MITI juga memberi jaminan yang sama dan mengulangi melalui laporan-laporan akhbar tetapi beliau juga mengulangi bahawa FTA dengan Amerika Syarikat disasar selesai pada akhir tahun ini. Mengapakah ini terus berlaku sedangkan *US Trade Representative* sendiri pun kurang pasti sama ada beliau boleh membawa pulang semua FTA ke Kongres sebelum penguasaan rundingan *fast track* yang diberikan oleh USTR oleh kongres tamat. Kerajaan mesti membentangkan kepada Parlimen laporan-laporan terperinci terhadap status rundingan dengan Amerika Syarikat dan Australia.

Soalan-soalan yang telah dibangkitkan berkenaan dengan *Japan-Malaysia Economy Partnership Agreement* (JMEPA) dalam sesi Parlimen yang lepas masih belum dijawab. Sekarang pula JMEPA telah berkuat kuasa daripada Julai dan kerajaan harus membekalkan Parlimen satu penilaian terhadap apa yang telah diberi dan apakah obligasi yang diperlukan terhadap negara ini. Bagaimanakah pula kerajaan berurusan dengan obligasi *most favourite nation* status di bawah JMEPA dan sama ada ianya akan dituntut dalam FTA. Masa depan dengan negara-negara yang lain seperti Amerika Syarikat dan Australia. Kalau di bawah obligasi *most favourite nation* setiap konsesi utama diberi kepada seseorang rakan perdagangan perlu diberi secara saksama kepada rakan-rakan perdagangan lain.

Masa depan dan konsesi baru juga berkuat kuasa terhadap rakan sebelumnya maka akan wujud satu kesan kumulatif. Adakah kesan ini kesan positif atau kesan negatif untuk Malaysia. Peralihan utama untuk meletakkan pelaburan ke atas satu asas senarai negatif secara khusus telah membuka satu *Pandora's Box*. Kita dapat melihat satu senarai pengecualian dan *reservation* dalam JMEPA indeks, tapi JMEPA juga memerlukan usaha-usaha berterusan untuk mengurangkan dan menghapuskan pengecualian dan *reservation in the Article 8, 9, JMEPA*.

Saya ingin mengetahui bagaimana ini akan menjejaskan rundingan dengan Amerika Syarikat dengan Australia yang sedang berjalan, adakah negara-negara ini meminta lebih banyak. Bagaimana MITI sedia untuk beri perlindungan atau *safeguard* biarpun FTA ini akan membawa lebih banyak pelaburan di mana ianya belum lagi terbukti kerajaan telah pun membuka pintu kepada pelabur-pelabur asing untuk mendapatkan lebih banyak hak di bawah FTA ini khususnya hak untuk setiap pelabur untuk mendakwa kerajaan dan malahan mencetuskan sekatan terhadap Malaysia di bawah keadaan-keadaan tertentu.

FTA Amerika Syarikat juga meminta satu senarai yang negatif untuk sektor-sektor perkhidmatan. Bagaimana kerajaan berurusan dengan ini? Terdapat implikasi serius dalam pembayaran seimbang melalui liberalisasi sektor perkhidmatan kerana industri-industri Amerika Syarikat berpeluang mendapat keuntungan yang lebih besar melalui kemasukan mereka ke dalam sektor-sektor kewangan dan telekomunikasi. Apabila syarikat-syarikat Malaysia mempunyai peluang sedikit untuk memasuki mana-mana sektor perkhidmatan di Amerika Syarikat secara signifikan.

Dalam keadaan yang tidak menentu dan di mana Parlimen sering kali tidak diberitahu tentang perkembangannya pengumuman penandatanganan *US-ASEAN Trade and Investment Arrangement* pada 25 Ogos merupakan satu kejutan besar. Cita-cita ASEAN untuk menjadi satu entiti ekonomi serantau yang bersepadu boleh terjejas dan mungkin perpecahan akan berlaku di kalangan Ahli ASEAN jikalau perjanjian perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat yang kebanyakannya berat sebelah terus ditandatangani menjadikan negara-negara Asean terjerumus ke dalam persaingan tidak sihat. Hubungan perdagangan di antara negara-negara Ahli ASEAN dan China juga nampak sebagai satu daya peneraju utama kepada Amerika Syarikat terus berkuasa di rantau ini. Oleh sebab wujudnya negara-negara dengan ekonomi yang lebih lemah di kalangan Ahli-ahli ASEAN, Malaysia tidak harus bertukar menjadi '*Trojan horse*' kepada perjanjian-perjanjian ekonomi yang akan memudaratkan negara-negara ini lebih daripada Malaysia.

Pada minggu lepas Timbalan USTR, Barbara Weisel berjumpa secara berasingan dengan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang untuk bertukar pandangan dalam Perjanjian-perjanjian FTA Malaysia dan Amerika Syarikat. Ahli-ahli Parlimen DAP ada menggunakan peluang itu menunjukkan keprihatinan dan kekhuatiran kami ke atas banyak perkara seperti *access* pasaran, perkhidmatan, hak milik intelektual, pelaburan dan perolehan kerajaan. Jikalau Timbalan USTR boleh menghabiskan masa, mengadakan had masa untuk berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen Malaysia berkenaan dengan Malaysia-Amerika Syarikat FTA, mengapakah Yang Berhormat Menteri MITI tidak boleh memberi taklimat kepada Ahli-ahli Parlimen secara peribadi terhadap subjek yang sama. Di Parlimen bulan April Yang Berhormat Menteri Kedua telah memberi maklum balas yang positif terhadap cadangan saya untuk menubuhkan satu jawatankuasa pilihan terhadap FTA untuk menjaga kepentingan kebangsaan dengan memastikan penglibatan yang lebih besar oleh Parlimen dan masyarakat madani dalam rundingan-rundingan ini. Ini nampaknya bahawa cadangan ini telah digagalkan, ditolak oleh Menteri MITI. Saya berharap Parlimen boleh diberi penjelasan mengapakah kerajaan tidak bersedia untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan dengan FTA semasa ucapan menggulung *debate* ini kerana saya akan terus membangkitkan perkara ini semasa *debate* Bajet 2007 minggu depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu integriti yang telah dibawa ke Parlimen pada minggu lepas oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang meminta supaya senarai nama 155 orang yang membeli kereta mewah daripada Jabatan Kastam dan Eksais diumumkan. Beliau menyatakan daripada apa yang beliau dapati tujuh daripadanya telah dijual kepada ahli politik. Senarai nama ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan Integriti dan telah pun memanggil Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Datuk Abdul Rahman Hamid dan pegawai-pegawainya untuk hadir memberi maklum balas terhadap isu-isu ini. Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Jasin pun telah menghadiri sesi yang sama dengan Jawatankuasa Pilihan Parlimen mengenai Integriti. Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Parlimen berkenaan Integriti adalah diikat oleh peraturan-peraturan Parlimen untuk tidak mendedahkan apa-apa yang berlaku di dalam prosiding sehingga satu laporan telah dibentangkan kepada Parlimen.

Untuk itu saya tidak akan berucap apa-apa tentang senarai nama itu yang mana saya memang pernah lihat biarpun saya terkejut dengan angka Yang Berhormat daripada Jasin iaitu 159 nama. Biar begitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan Dato' Dr. Ng Yen Yen daripada Raub telah mengakui bahawa dia telah membeli Mercedes Benz 320 dengan harga RM50,000 yang mana pada tahun 2004 harga kereta baru masa itu RM590,00 dan harga kereta terpakai RM180,000. Demi keadilan kepada Parlimen begitu juga kepada semua Ahli-ahli Parlimen, semua mereka ini pernah menerima habuan itu atau tidak Kementerian Kewangan harus mengumumkan senarai kakitangan-kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Parlimen, ahli-ahli politik dan lain-lain yang telah...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*] Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Habis ini dahulu. ...Dan yang lain-lain yang telah membeli kereta mewah daripada Kastam dengan harga-harga yang amat rendah dengan memberi semua maklumat dan kita tidak boleh menahan mana-mana Ahli Parlimen untuk mengumumkan sama ada mereka pernah atau tidak membeli kereta mewah yang ditahan oleh kastam dengan harga yang sangat rendah.

Saya hanya boleh memberitahu bahawa saya tidak pernah membeli kereta seperti ini, dan sebenarnya saya tidak pernah tahu tentang peruntukan sedemikian yang membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk membeli kereta-kereta ini sehingga isu ini dibangkit pada bulan Julai.... Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Yang Berhormat bgi Ipoh Timor terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga duduk dalam Jawatankuasa Integriti, ini yang saya minta ialah untuk membersihkan semua ahli politik termasuk saya, termasuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, termasuk semua orang dan saya hendak minta supaya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang juga Jawatankuasa Integriti ini mintalah Jawatankuasa ini percepatkan laporan ini ke Parlimen supaya nama baik Ahli Parlimen ini jangan disalah anggap oleh orang kerana akhbar sudah keluar, akhbar muka depan ini keluar Ahli Parlimen tidak boleh lagi membeli kereta melalui terus daripada kastam.

Jadi anggapan masyarakat kereta-kereta ini dikhaskan untuk orang politik sahaja tetapi daripada senarai yang akan dikemukakan telah nyata dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tahu bukan semua senarai itu adalah di kalangan kita ahli politik tetapi banyak daripada bukan ahli politik. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Yang Berhormat tidak faham apa saya kata tadi. Saya setuju sebab itu saya ada menyuruh bahawa Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan atau nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengumumkan senarai hari ini tidak perlu tunggu oleh sebab ini perlu membersihkan nama baik semua Ahli-ahli Parlimen dan institusi Parlimen itu saya setuju. Jawatankuasa Pilihan Integriti oleh sebab terikat dengan peraturan-peraturan tidak boleh umumkan sehingga laporan ada disediakan bukan sahaja satu perkara ini tetapi perkara-perkara yang lain kepada Parlimen dan itu tentu akan ambil beberapa bulan.

Akan tetapi perkara ini boleh diumumkan hari ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya harap dia boleh buat begitu tetapi apa yang amat saya kesal ialah selepas tiga bulan masih tiada tindakan diambil terhadap isu integriti yang berkenaan dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen Jasin dalam skandal tutup sebelah mata yang berkaitan dengan import kayu balak haram dari Indonesia seolah-olah ianya telah menjangkit mereka yang terlibat dalam siasatannya sama ada Badan Pencegah Rasuah ataupun Kabinet untuk sekurang-kurangnya tutup sebelah mata. Dalam akhbar *New Straits Times* hari Khamis yang lepas satu lagi kes dilaporkan terhadap Yang Berhormat bagi Jasin yang menyalahgunakan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen untuk mengugut seorang pegawai atasan Jabatan Kastam di Melaka daripada menjalankan tugasnya melalui SMS.

Yang Berhormat telah mengakui bahawa menghantar SMS kepada Pengarah Pencegahan Kastam Adnan Arifin terhadap tindakan jabatannya berkenaan dengan syarikatnya. Walaupun beliau mengakui bahawa beliau menghantarnya sebagai seorang kawan yang beliau kenali lebih daripada sepuluh tahun dan ianya tidak bermakna mengugut. SMS yang dihantar dalam bahasa Malaysia yang berbunyi: *"Ass kum Ji. Kau hendak ajak berjumpa si Rumainor d Mka, tidak habis-habis mencari fasal dengan co aku. Kalau ini berterusan, jangan marah kalau aku bangkitkan hal2 Kastam lagi. TQ"*...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak dinafi bukan? Ini ada dihantar. Rumainor Sarif merupakan Ketua Pencegahan Jabatan Kastam Melaka yang menolak permintaan Yang Berhormat bagi Jasin untuk menutup semata-mata terhadap satu *consignment* kayu balak kepunyaan sebuah syarikat yang mana *firm* Yang Berhormat bagi Jasin merupakan ejen penghantar. Dengan mengetepikan sama ada SMS itu satu mesej ugutan atau mesej mesra...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh sedikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh, boleh. Dengan mengetepikan sama ada SMS...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sekejap Yang Berhormat, dia belum bagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya akan beri. Habiskan tajuk ini iaitu dengan mengetepikan sama ada SMS itu satu mesej ugutan atau mesej mesra. Apa yang jelas ialah Yang Berhormat bagi Jasin telah menyalahgunakan kedudukan Parlimennya untuk membawa kepentingan syarikatnya yang mana ini merupakan satu percanggahan kepentingan yang jelas, *clear case, conflict of interest*. Saya tidak ingin terlibat dalam persengketaan di antara Yang Berhormat bagi Jasin dengan Kastam tetapi Parlimen telah ditarik ke dalamnya apabila Parlimen tidak harus membiarkan integritinya terus terjejas. Khususnya apabila terdapat tuduhan serius pelanggaran hak istimewa oleh Yang Berhormat bagi Jasin yang telah menyalahgunakan kedudukannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, Yang Berhormat bagi Sri Gading sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat kita Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Apakah SMS yang bermula dengan Assalamualaikum iaitu sejahteralah ke atas kamu dalam terjemahan Melayunya.

Selepas itu haji. Haji ini satu gelaran penghormatan dari seorang rakan lama kepada seorang rakan, adakah itu boleh dianggap sebagai ugutan? Bolehlah dibaca macam-macam tetapi apabila saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Jasin, dia kata dia kata hendak berjumpa hendak bermesra. Jadi dia bertanya kenapa pula ada pegawai yang terus mencari kesalahan dia. Jadi itu pertanyaan dia. Jadi seolah-olah macam hendak mencari kesalahan Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Jasin saya rasa tidak menyalahgunakan kedudukan dia sebagai Ahli Parlimen untuk kepentingan diri tetapi ada kaitan dengan kepentingan negara.

Saya difahamkan kenyataan itu pun salah. Dia bukan orang Indonesia menyeludup kayu balak, dia datang ke pelabuhan secara sah. Kalau penyeludupan secara haram, barulah dikatakan penyeludupan. Ini datang ke *port* ataupun pelabuhan kita yang sah dan yang dibawa ialah kayu bergergaji yang memang boleh dibenarkan masuk ke dalam negara kita. Jadi saya sudah cakap siang-siang kes ini sudah salah daripada mula kerana apabila Yang Berhormat bagi Jasin bawa perkara di dalam Parlimen dijawab secara akhbar dan secara media oleh yang empunya diri.

Itu sudah menjadi kesalahanlah. Sebab itu saya kata perkara itu sudah salah daripada peringkat permulaan lagi kerana macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor apa kurangnya hebat, dalam Parlimen ini menghentam macam-macam. Itu hak Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen boleh bangkitkan apa juga perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, nanti boleh cakaplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi bukan saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, bukan minta peluang untuk berucap... [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, tetapi Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun hendak ambil peluang ini untuk hentam Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, okey. Nanti boleh berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi tambah lagi dia punya itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti boleh minta masa untuk berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tambah untuk menyebabkan lagi kecoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak boleh. Saya boleh jawab permintaan penjelasan itu, okey?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor patut bela juga Yang Berhormat bagi Jasin sebab sebagai Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cukuplah ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, cukuplah. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, okey ya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi saya sudah kata, saya tidak mahu terlibat dalam perkara sama ada itu satu SMS ugutan atau tidak ugutan tetapi apa yang sangat jelas ialah timbul masalah *conflict of interest*. *Conflict of interest* apa di sini? Si Romainor di Melaka tidak habis-habis mencari pasal *dengan company* aku. *Company* aku! Kalau ini diteruskan jangan marah kalau aku bangkitkan hal-hal kastam lagi. Itulah *conflict of interest*. Ugut atau tidak ugut, ini terpulang kepada mereka yang bertanggungjawab untuk mengadililah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, beri saya peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor cuba lihat seperti yang telah saya nyatakan dahulu memang saya ada kepentingan di pelabuhan itu kerana saya mempunyai agensi penghantaran dan bukan saya seorang, tujuh agensi atau *foreign agency* yang lain tetapi kalau si Romainor ini selalu telefon di Kuala Linggi bertanya pegawai bertugas apabila ada bot kena tangkap itu Yang Berhormat bagi Jasin punyakah, ataupun bin Yusof punyakah? Dan selepas itu pemberita pula datang tanya, asal tertangkap itu bin Yusof punyakah? Kerana tujuannya hendak membesarkan, kalau ada *company* saya, dia hendak keluar dalam surat khabar untuk memalukan saya. Adilkah itu? Sila Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey ini apa yang saya prihatin ialah dari segi *conflict of interest*. Ugut atau tidak ugut, itu hal yang lain. Demi menjaga maruah dan integriti Parlimen, Yang Berhormat bagi Jasin harus dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya satu *enquiry* yang komprehensif dapat dijalankan terhadap pelanggaran hak keistimewaan apabila berurusan dengan kastam dan begitu juga hak keistimewaan Parlimen telah disalahgunakan dalam persengketaan di antara beliau dengan kastam khususnya sama ada beliau berucap di Parlimen tentang perkara-perkara yang mana beliau mempunyai kepentingan kewangan.

Dalam pada itu saya terkejut dengan laporan berita semalam bahawa Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsuddin Othman akan berjumpa dengan Peguam Negara untuk berbincang imuniti Ahli-ahli Parlimen khususnya dalam membidas jabatan-jabatan kerajaan di Parlimen. KSN yang akan bersara tidak lama lagi, mungkin akhir minggu ini berkata agensi-agensi kerajaan perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka tanpa pilih kasih. Beliau ingin mengetahui apa yang dirangkumi dalam imuniti Parlimen. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkata bahawa tidak ada batasan kepada imuniti Parlimen kerana Ahli-ahli Parlimen mempunyai kebebasan yang secukupnya untuk berucap di Parlimen. Tertakluk kepada empat isu yang sensitif yang dilarang oleh Perlembagaan. Begitu juga dengan peraturan-peraturan hak dan kebebasan yang hanya boleh dibuat oleh Parlimen sendiri.

Hanya ada satu cara penyelesaian untuk kakitangan awam yang dibidas dengan tidak adil oleh Ahli-ahli Parlimen kerana ianya merupakan tanggungjawab menteri yang bertanggungjawab terhadap jabatan itu untuk tampil mempertahankan kakitangan ini di Parlimen. Jikalau tidak, menteri itu akan dikatakan sebagai gagal dan cuai dalam menjalankan tugas menterinya. Dalam kes ini kita merujuk kepada Menteri Kewangan. Terdapat juga seorang Menteri Kewangan Yang Kedua, mengapakah kedua-duanya mendiamkan diri apabila menyentuh tentang mempertahankan Jabatan Kastam atau perlu memberi satu maklum balas yang sesuai terhadap Ahli Parlimen Jasin atau mereka mengakui bahawa apa yang dituduh oleh Ahli Parlimen Jasin terhadap kastam adalah benar.

Menteri yang bertanggungjawab terhadap sesuatu jabatan itu mestilah mempertahankan atau menegur kakitangan awam yang terlibat memikul sepenuhnya tanggungjawab menteri terhadap apa yang berlaku di dalam kementerianannya sepenuh masa. Atau adakah kita sudah sampai kepada satu keadaan di mana menteri-menteri yang bertanggungjawab di atas sesuatu jabatan tidak bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab menteri mereka dan mempertahankan kakitangan awam yang telah dibidas oleh Ahli-ahli Parlimen. Kerana dengan menidakkan mesej SMS yang telah menunjukkan Ahli Parlimen Jasin telah terlibat dalam situasi percanggahan kepentingan yang serius. Isu yang penting sekarang ialah bukannya untuk meminta pandangan daripada Peguam Negara tetapi ialah sebab mengapa Menteri Kewangan dan Menteri Kewangan Yang Kedua tidak bersedia untuk melaksanakan prinsip kebertanggungjawaban menteri (*ministry's responsibility*) mereka dalam kejadian Jabatan Kastam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sebut mengenai jawapan Parlimen pada soalan saya pada hari pertama berkenaan dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang langsung tidak menyatakan sesuatu yang baru. Malahan beliau dengan petah menjawab bahawa Kuala Lumpur adalah selamat untuk sesiapa pun pada pukul 3.00 atau 4.00 pagi.

Terima kasih kepada 255 buah CCTV dan semua CCTV trafik di persimpangan jalan. Seseorang itu boleh dimaafkan jikalau beliau fikir bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dan polis sudah menemui cara baru untuk membanteras jenayah iaitu melalui CCTV. Jika CCTV boleh membanteras jenayah, maka sudah pasti tiada kegiatan jenayah di negara-negara maju dan kaya di dunia ini. Tetapi rakyat Malaysia tidak tertarik dengan ini.

Ini termasuk bekas Ketua Polis Negara yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Diraja Polis, Tun Hanif Omar yang perlu melengkapkan diri dengan satu *shotgun* untuk melindungi dirinya sendiri apabila beliau memandu di luar rumahnya di Kuala Lumpur. CCTV bukanlah pengganti kepada kaedah pempolisan yang efektif dan *visibility* untuk memerangi jenayah. Paling tidak pun, CCTV hanya merupakan alat pembantu sahaja..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang masih mempunyai banyak kelemahan seperti penyelenggaraan serta kewujudan golongan penjenayah yang celik CCTV. Daripada beberapa kes jenayah traumatik yang bertambah baru-baru ini, nampaknya polis langsung kehilangan arah dan tidak mampu untuk melaksanakan tugas yang paling asas iaitu menjamin keselamatan peribadi dan melindungi mereka daripada kegiatan jenayah serta ketakutan terhadap jenayah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan supaya Rukun Tetangga dihidup dan diaktifkan semula untuk membantu pasukan keselamatan dari segi menjaga keselamatan dalam kawasan-kawasan tertentu dan juga dalam masyarakat-masyarakat tertentu. Adakah ini Yang Berhormat setuju supaya maklumlah pasukan polis tidak boleh berada di mana-mana sahaja di setiap waktu kerana kita kekurangan anggota polis. Jadi mungkin Rukun Tetangga ini boleh kita wujudkan dan kita aktifkan untuk menyokong pasukan polis bersama dengan Rakan Cop yang dilancarkan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Memang *community policing* satu aspek yang sangat mustahak untuk menjaga keselamatan peribadi setiap warganegara, tetapi ini tidak boleh dijadikan satu helah di mana polis boleh melarikan diri daripada tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang pokok dalam satu masyarakat moden ialah keselamatan persendirian, *personal safety, free from crime and the fear of crime*. Ini tidak boleh dijadikan satu helah untuk lari daripada tanggungjawab dan tentu ada kecuai dan kegagalan dalam aspek pihak polis dalam perkara ini.

Dalam empat minggu yang lepas, rakyat Malaysia digemparkan dengan satu demi satu laporan pembunuhan kejam daripada kegiatan jenayah yang traumatik sama ada ianya pembunuhan seorang pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman yang berusia 18 tahun, Lee Kean Yip dari Ipoh yang dibunuh dalam satu insiden curi ragut di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, jurusolek, Indra Shahril Mohd Salleh yang dibunuh di kedainya di Johor Bahru, atendan pam, Chai Joon Boi yang dirompak dan dibunuh di rumahnya di Serian, Sarawak, gadis jurujual, Ng Chew Lim yang berusia 25 tahun yang mati akibat kecederaan dalam kepala apabila dia jatuh daripada tangga semasa berlawan dengan seorang penagih dadah di pusat membeli belah Mega Mall di Kuantan.

Sekarang pula seorang kerani, Goh Poh Yee, 24 tahun di Johor Bahru perlu mencari kehidupan normalnya kerana beliau telah lumpuh bermula dari bahagian pinggang hingga ke bawah apabila dua orang cuba meragut begnya pada hari Isnin menyebabkan kecederaan *spinal* dan kecederaan-kecederaan yang lain. Semalam polis Johor Bahru mendedahkan bahawa di Johor Bahru hanya terdapat 1,018 anggota polis untuk populasi sebanyak 1.8 juta orang termasuk pelancong dan pekerja-pekerja asing iaitu satu anggota polis kepada 1,800 orang. Ini jauh tersasar daripada nisbah kebangsaan, satu anggota polis kepada 266 orang dan ini langsung tidak boleh diterima.

Tindakan serta-merta dan keutamaan tertinggi mesti diberi untuk melipatgandakan bilangan anggota polis di Johor Bahru untuk membersihkan namanya sebagai "bandaraya jenayah negara". Polis, malahan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri sering kali bertindak keras terhadap media atas laporan mereka terhadap kegiatan jenayah daripada memerangi jenayah seolah-olah kerajaan boleh mengabaikan kegiatan jenayah yang *rampant* yang tidak disemak sekian lama kerana ianya tidak dilaporkan di media.

Mentaliti yang begitu tidak bertanggungjawab ini mesti dibidas. Benar situasi di mana jenayah berlaku begitu kerap dan *rampant* bukan sahaja merupakan satu ancaman kepada keselamatan warga Malaysia, ianya juga akan menakutkan para pelabur, pelawat dan pelajar asing tetapi ianya juga tidak masuk akal untuk menangani masalah ini dengan melarang media daripada melaporkan kegiatan jenayah kerana dalam era berita pantas dan dari komunikasi maklumat, kita tidak boleh menyembunyikan berita kegagalan undang-undang dan *order* sebegini di kawasan-kawasan hitam di negara ini daripada pengetahuan orang ramai.

Apa gunanya untuk kita bercakap tentang Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara yang betul-betul maju apabila nyawa menjadi begitu tidak bernilai di Malaysia di mana kegiatan-kegiatan jenayah traumatik telah menjadi asam garam kehidupan dan ketakutan terhadap jenayah dan keselamatan peribadi yang disayangi sama ada di jalan, tempat awam ataupun rumah sendiri menjadi satu mimpi ngeri yang sering membayangi kita.

Bagaimana pula kerajaan berharap untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pelaburan syurga pelancong asing ataupun satu hub kecemerlangan akademik antarabangsa untuk menarik pelajar-pelajar asing apabila kerajaannya tidak mampu untuk melaksanakan tugas yang paling asas iaitu menjamin keselamatan peribadi warganegara dan pelawat-pelawatnya. Ini seolah-olahnya menunjukkan bahawa Suruhanjaya Diraja Malaysia merupakan satu pembaziran wang dan masa setakat ini kerana objektif-objektif utamanya menurunkan kegiatan jenayah, korupsi dan tidak puas hati rakyat terhadap prestasi dan konduksi polis yang tinggi.

Di Dewan yang mulia ini terdapat permintaan dalam Perbekalan Tambahan untuk emolumen polis sebanyak RM237.5 juta. Sebulan selepas laporan Suruhanjaya Diraja Polis, kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.5 bilion untuk perumahan dan keadaan bekerja yang lebih baik untuk polis. Dalam Bajet 2006 yang dibentangkan pada bulan September yang lepas, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan supaya insentif bulanan anggota polis dinaikkan daripada RM375 ke RM600 untuk mereka yang telah berkhidmat di antara satu hingga sepuluh tahun, RM750 di antara 11 hingga 15 tahun dan RM900 untuk mereka yang melebihi 16 tahun. Ini bersama dengan kenaikan pembayaran gaji di antara 60% hingga 140%.

Bajet 2006 juga memperuntukkan sejumlah RM107 juta untuk penyelarasan gaji polis. Rakyat Malaysia tidak membantah, rakyat Malaysia tidak protes atau tidak bersetuju mengenai penambahbaikan dalam gaji, elaun dan keadaan perkhidmatan anggota-anggota polis kita yang telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja Polis. Kita sokong tetapi 15 bulan telah berlalu setelah persembahan Laporan Suruhanjaya Diraja untuk mewujudkan satu perkhidmatan polis yang bersih, efisien, profesional dan bertaraf dunia, tetapi ianya seolah-olah menunjukkan bahawa tujuan utama Suruhanjaya Diraja Polis iaitu untuk mengurangkan kegiatan jenayah dan mempertingkatkan standard dan prestasi polis telah pun diabaikan.

Pada akhir 2004, Suruhanjaya Diraja Polis telah menjalankan satu *survey*, pandangan umum terhadap 600 orang meliputi semua kumpulan etnik, 44% Melayu, 33% Cina, 14% India, 5% bumiputera yang lain dan 4% lain-lain. Ini menunjukkan;

- (i) bahawa 17.6% pernah menjadi mangsa jenayah;
- (ii) bahawa hanya 75.3% daripada mereka yang pernah menjadi mangsa telah melaporkan kepada polis; dan
- (iii) bahawa 89% berasa daripada bimbang kepada amat bimbang terhadap kejadian kegiatan jenayah di tempat tinggal mereka.

Dalam satu forum umum di Ipoh bulan lepas, baru-baru ini saya telah menjalankan satu kutip suara umum yang cepat dengan menanyakan tiga soalan untuk mendapat satu *fee/* terhadap situasi sebenar, tiga soalan yang sama. Daripada 200 orang hadirin, lebih daripada 70% pernah menjadi mangsa jenayah ataupun mempunyai seorang ahli keluarga yang pernah menjadi jenayah. Lebih daripada 50% tidak membuat laporan polis, manakala hampir 100% bimbang terhadap kegiatan jenayah di tempat tinggal mereka.

Ini mencerminkan pandangan umum dengan jelas dan menunjukkan bahawa jenayah dan *Law and Order* menjadi lebih serius padahal ianya sepatutnya menjadi lebih baik dengan penubuhan Suruhanjaya Diraja Polis dengan 125 perakuan-perakuannya. Seperti yang dinyatakan oleh Suruhanjaya Diraja Polis buat dari permulaan dalam laporannya, ianya ditubuhkan;

“Apabila timbul kebimbangan yang meluas tentang kejadian jenayah yang tinggi. Persepsi gejala rasuah dalam Polis Diraja Malaysia, rasa tak puas hati orang ramai terhadap perilaku dan prestasi anggota polis dan keinginan untuk melihat penambahbaikan dalam perkhidmatan dan disediakan oleh polis”.

Ini sebabnya mengapa antara beberapa cadangan utamanya adalah untuk menjadikan pengurangan jenayah sebagai keutamaan nombor satu untuk PDRM yang mana ianya perlu disokong oleh satu lagi cadangan utama penubuhan IPCMC demi menjamin keamanan polis supaya ianya dapat melaksanakan misi utama ini.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat untuk berhenti, berlengah-lengah lagi dan mengumumkan keputusan kerajaan untuk menubuhkan IPCMC dalam ucapan Bajet nya pada 1 September, yang mana ini ia akan membawa kesan positif dalam memajukan lagi iklim pelaburan dan pelancongan di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis apabila saya ucap dengan pendek mengenai subjek ini dalam rang undang-undang di hadapan kita, saya ada sebut mengenai pentingnya bahawa kita menumpukan mengenai faktor-faktor yang boleh memudaratkan kestabilan ekonomi, oleh kerana boleh mengakibatkan unsur-unsur yang negatif. Dan ada sebut mengenai satu kes ialah mengenai permainan kad perkauman oleh Ahli-ahli Politik untuk kepentingan mereka sendiri. Saya ada sebut mengenai kes Khairy Jamaludin, Naib Pengerusi Pemuda UMNO. Saya ada menyeru bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada *weekend* lepas ini patutlah memberi satu petunjuk yang jelas, satu pendirian yang jelas bahawa mengutuk kelakuan semacam ini yang tidak bertanggungjawab yang rela untuk menggadaikan kepentingan negara untuk kepentingan sendiri yang begitu 'sempit' politik sendiri.

Tetapi sangat malangnya, ini tidak dibuat, sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kata bahawa dia tak tahu apa sebenarnya diucap oleh menantunya. "*I do not know what he really said. I told him, if people asked for an explanation, then he has to answer*". Ini *source* dekat sepuluh hari dia masih kata dia tak tahu. Ini berlaku pada 18 hari bulan apabila Naib Ketua Pemuda UMNO berucap di Jerlun di Kedah. Dua hari kemudian, Yang Amat Berhormat ada ditanya oleh pemberita-pemberita mengenai pandangan beliau, dan inilah ada butir di sini. Dan dia ada kata bahawa dia tak tahu apa yang dikatakan dan sebab itu dia enggan buat apa-apa komen. Itu dua hari selepas itu, bahawa dia ada ditanya pandangan beliau mengenai ucapan yang *extreme* itu, yang boleh merosakkan perpaduan negara dan tentu memberi kesan yang negatif terhadap iklim pelaburan. Dia kata dia belum tahu apa yang dikatakan.

Akan tetapi, kita perlu contoh kepimpinan, *leadership*, kita perlu *leadership* ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya tidak ada seorang dalam Barisan Nasional khususnya, UMNO khususnya memainkan politik kaum supaya untuk *survivor* sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti. Sekarang dia menjadi *target*, sasaran antara lain bekas Perdana Menteri, itu hal yang lain tetapi janganlah oleh kerana itu, kata bahawa apabila UMNO lemah, orang Tionghoa, kaum Tionghoa akan menggunakannya untuk mengeksploitasi kes ini. Dan dia ada memberi contoh-contoh mengenai Suqiu sebelum pilihan raya besar 1999, dia ada beri contoh masa reformasi apabila UMNO menghadapi desakan, dan dia pun ada memberi contoh mengenai apa yang berlaku dalam tahun 1987. Bahawa orang Tionghoa akan mengeksploitasikan kelemahan UMNO untuk kepentingan mereka. Tidakkah kita semua sedar, insaf bahawa dalam pilihan raya besar 1999, UMNO begitu lemah, orang Melayu lari daripada UMNO, orang Melayu, pengundi-pengundi orang Melayu tolak UMNO, *all* pengundi-pengundi orang Tionghoa selamatkan UMNO. 1999, selamatkan UMNO, ini menunjukkan adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bera bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Adakah ini dinafikan? Kalau bukan pengundi-pengundi orang Tionghoa tahun 1999, 2/3 majoriti Barisan Nasional sudah hilang. Tak terima kasih, tetapi hentam, ada perkara semacam ini yang tidak begitu bertanggungjawab dan saya harap bahawa perkara ini tidak diteruskan. Kita ada tengok bahawa di sini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan Yang Berhormat, nak bagi jalan kepada Bera?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Hishammuddin *blasts MCA Youth*, oleh kerana dengan izin UMNO *do not challenges. UMNO Youth Chief, Dato' Sri Hishammuddin issued this warning as he lambasted MCA Youth for calling on his deputy Khairy Jamaludin to apologize for his remarks that Barisan Nasional component parties would take advantage over weak UMNO*". Itu selepas MCA dan MCA Youth Conference, masa itu dia sangat lembut, *very soft*. Lepas itu *very hard*, apa permainan politik ini? Bila menghadiri mesyuarat, *very soft*, apa-apa pun boleh, lepas itu hentam. Dan sekarang siapa yang salah? Oleh kerana, lepas penjelasan yang diberi ialah bahawa *misunderstood, misinterpreted*, bukan salah Khairy Jamaludin, salah orang-orang yang *misinterpret*. Semacam masa tahun lalu apabila dalam persidangan UMNO Youth, Ketua Pemuda menayang keris Melayu, apa ertinya keris Melayu? Dan menuntut bahawa Dasar Ekonomi Baru patutlah dihidupkan semula. Apa, adakah ini *contribute* terhadap...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Saya akan bagi. Persefahaman pelbagai kaum, tidak tetapi sekarang ia diselamatkan oleh Koh Tsu Koon. Boleh cari seorang dalam Barisan Nasional, Gerakan Koh Tsu Koon untuk menyelamatkan dengan kata bahawa keris itu, Koh Tsu Koon pun ada menggunakan keris baru-baru ini. Mungkin Gerakan pun boleh selamatkan Khairy Jamaludin tetapi kita ada beberapa hari kita akan meraikan Merdeka, Hari Kemerdekaan 49. Kenapa kita sering kali ada berlaku ini? Tidakkah 49 tahun, lagi menggunakan politik-politik perkauman semacam ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ipoh Timor?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya dulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mana Yang Berhormat, Bera ke?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa tujuan ucapan itu bukan kepada semua kaum Cina. Tidak MCA dan tidak Gerakan, tetapi ditujukan kepada *extremist* kaum Cina yang biasanya disokong oleh DAP. *Extremist* ini yang tidak sepatutnya misalnya mempersoalkan isu yang dipersetujui di dalam Perlembagaan. Apabila timbul masalah di kaum Melayu, maka timbullah isu sehingga sanggup mencabar sesuatu yang dipersetujui dalam Perlembagaan. Misalnya dulu isu hak keistimewaan bumiputera, dipersoalkan yang sepatutnya tidak dipersoalkan. Dan apabila timbul krisis yang baru, di dalam soal mungkin ada pergeseran antara Yang Amat Berbahagia Tun dengan kepimpinan sekarang. Timbul isu yang mempersoalkan hak keistimewaan agama Islam. Apabila IFC dan sebagainya mempersoalkan tentang kesucian agama Islam, mempersoalkan tiba-tiba anak-anak orang Islam yang lahir tidak boleh dianggap sebagai Islam sehingga 18 tahun dan sebagainya, yang semuanya menghiris hati orang Islam.

Yang ditujukan adalah kepada ekstremis, ekstremis ini sebenarnya yang menyebabkan perpecahan kaum. Kita tidak ada masalah dengan MIC misalnya, tidak ada masalah. Kerana mereka tidak pernah mempersoalkan, MCA misalnya, dan perkara ini telah pun dibincangkan di dalam mesyuarat kepimpinan Pemuda, dan perkara ini sudah pun boleh diselesaikan daripada dalam. Saya tidak faham bagaimana kumpulan yang ekstremis seperti DAP, yang selama ini mempersoalkan hak yang telah dipersetujui bersama antara orang Melayu dengan orang Cina, yang termaktub dalam Perlembagaan, tiba-tiba pada hari ini mempersoalkan dan mengambil kesempatan untuk mempersoalkan apa yang saudara Khairy cakapkan. Khairy tidak tujukan kepada semua, tetapi Khairy tujukan kepada ekstremis Cina, termasuk ekstremis seperti DAP yang sentiasa meniupkan api perkauman.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Yang Berhormat dengan kenyataan itu, yang pertama jurucakap Khairy, dan kedua, adakah ini bererti bahawa semua anggota-anggota MCA dalam dua hari ini yang ada hentam Khairy, semua ekstremis, bahawa MCA sudah menjadi ekstremis, mungkin ada Ahli-ahli Parlimen MCA yang rela berdiri untuk..., adakah berani berdiri? Sama ada mereka mengakui mereka yakin tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan ini, mereka sendiri ekstremis. Itulah sikap ekstremis.

Apa yang ditujukan, apa yang didengarkan oleh Yang Berhormat bagi Bera adalah sikap yang ekstremis, yang tunjuk bahawa dia belum benar-benar menjadi rakyat Malaysia, sungguhpun negara sudah 49 tahun. Dia belum adalah fikiran, falsafah, pendekatan *Malaysian*, dia belum...*he is not full Malaysian yet*. Itulah, kalau *full Malaysian*, kita perlu menerima pandangan-pandangan semua kaum, semua sektor. Apa yang perlu kita melihat di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Yang Berhormat Ipoh Timor, sebenarnya perikatan wujud di atas pakatan tiga kaum yang besar, ini saya hendak cerita sedikit sejarah. Nantilah..., tidak, tidak! Lepas itu saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk ucapan, tungguilah peluang, minta penjelasan sahaja, minta penjelasan bagi, mahu ucap, nantilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Okey, okey*. Saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar, tingkah laku, perangai, dan kata-kata Yang Berhormat itu kadang-kadang menguris hati orang Melayu. Adakah Yang Berhormat sedar, perbuatan Yang Berhormat, rakan-rakan juga dalam Parlimen ini, menyakiti umat Islam. Apabila biasa Yang Berhormat bagi Kepong memohon supaya suara azan, ditiadakan di dalam Dewan Rakyat mulai, Yang Berhormat biasa mengungkit kedudukan orang Melayu, Yang Berhormat biasa memutar belitkan ucapan saya, mengatakan kalau orang Cina, tidak suka duduk dalam Malaysia kerana negara Islam, boleh balik 'Tong San'. Saya tidak pernah kata itu, yang saya kata kalau Yang Berhormat tidak setuju, kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak setuju, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor boleh balik 'Tong San'. Saya tidak pernah kata dalam Dewan Rakyat ini bahawa orang Cina, orang India tidak ada kedudukan dalam negara ini. Saya berkata....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Okey..okey..itu ucapan*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:orang Cina, orang India kena kongsi dalam negara ini. Yang Berhormat silap Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Okey...okey*, nanti boleh ucap...nanti boleh ucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat suka memutar belitkan, yang mewujudkan bara-bara pergaduhan dalam negara ini. 13 Mei, siapa yang mula 13 Mei? Ini soalan saya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik, *thank you... thank you*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat kena jangan selalu menuding jari, melagakan kami dalam Barisan Nasional, ini tidak adil Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Jerai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Dan kami pertahankan perpaduan, saya sedar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Orang Cina juga mengundi saya, orang India juga mengundi saya, kami dalam komponen Barisan Nasional. Jadi Yang Berhormat mintalah demi untuk perpaduan negara, Yang Berhormat seorang tokoh politik yang veteran, harus menghormati perlembagaan negara dan jangan cuba mempolitikkan perkauman dalam negara ini. Khairy menyuarakan kehendak masyarakat Melayu, dia bukan menghina orang Tionghoa, tidak. Dan saya tidak pernah menghina orang Tionghoa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang pertama apabila Yang Berhormat bagi Jerai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, nanti Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat sikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apabila Yang Berhormat bagi Jerai kata bahawa dia akui, dia kata bahawa kalau Ahli-ahli Parlimen, saya Ahli Parlimen tidak suka boleh keluar daripada negara. Kalau untuk Ahli Parlimen boleh ada itu pandangan, tentulah kita tahu, dia tidak begitu *sympathetic* kepada rakyat Malaysia yang ada fikiran semacam itu, dan kita ada sokongan yang ramai, bukan di negara kita. Dan itulah dia patut minta maaf dan bukan kata...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat orang lain tidak pernah mempersoalkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti saya bagi jalan..dan kita tahu siapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Saya berucap dengan Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bagi jalan, nanti, dan kita tahu siapa yang berdiri dalam perhimpunan Agung yang mengugutkan 13 Mei akan berlaku. Bukan Yang Berhormat bagi Jerai? Bahawa akan berlaku 13 Mei kalau ada...kalau apa-apa yang tidak memuaskan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat itu untuk mengingatkan orang-orang ekstrem macam Yang Berhormat supaya jangan mengungkit-ungkitkan hak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang yang rela untuk menggunakan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Untuk mengelakkan peristiwa itu berlaku.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Pengugutan, ugutan melalui peristiwa 13 Mei...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat telah memutar belitkan ucapan saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Apabila kita tahu perkara itu begitu sensitif...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti..tak..saya mahu menjawab ini, saya mahu menjawab ini, mereka yang rela mengeluarkan perkataan bahawa boleh berlaku peristiwa 13 Mei menunjukkan mereka yang tidak bertanggungjawab langsung. Sebenarnya tidak patut dan layak dalam satu perhimpunan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu, mahu teruskan...!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya kesal apabila Yang Berhormat kata *I'm not a true Malaysian*, dengan izin. Saya rasa yang tidak bersemangat Malaysia dan tidak faham sejarah ialah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Orang yang mempersoalkan perlembagaan itulah orang yang tidak bersemangat Malaysia dan tidak faham sejarah, seperti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Perkara yang sudah dipersetujui yang saya sudah sebutkan tadi, soal kaum, soal hak kaum bumiputera, soal hak agama Islam, memang tidak boleh disentuh. Semasa Inggeris menjadi *resident*, Inggeris tidak pernah sentuh tentang hal Islam, itu zaman pra-merdeka. Ini zaman selepas merdeka kita sudah ada perlembagaan masih wujud manusia yang bersemangat lebih teruk daripada *resident* British di negara kita ini. Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini pandangan sempit, pandangan sempit Yang Berhormat bagi Bera bahawa apabila kita bangkit apa-apa perkara kita sudah *cross the line*. Tidak. Ini saya mahu timbulkan satu perkara bahawa bukan kita yang mencabar Perlembagaan. Semalam...ya surat khabar, betul, surat khabar Barisan Nasional, di mana Timbalan Presiden MCA berkata bahawa di negara ini sebenarnya bukan *Islamic state but Islamic Country*. *Islamic country*, bukan *Islamic state*, bahawa Malaysia bukan *Islamic state*, tetapi *Islamic country*. Apabila disebut negara Islam, apa itu negara Islam, adakah negara Islam istilahnya ialah *Islamic state* atau *Islamic country*, sama ada ia bermakna penduduk-penduduk majoritinya beragama Islam atau mahu ke arah satu *Islamic state*, di mana agama...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mempertikaikan Perlembagaan negara itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak..., tunjuk mana? Tunjuk mana saya ada mencabar Perlembagaan? Perlembagaan tidak kata bahawa negara ini *Islamic state*, tidak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Negara bermakna, negara *Islamic state* lah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itulah sebelum 2001 isu ini tidak pernah menjadi isu di Parlimen ini. Lepas ini barulah satu *revisionist interpretation* Perlembagaan Malaysia, bahawa Malaysia satu *Islamic state*, tetapi MCA kata dengan kata ini tidak betul, ertinya *Islamic country*. Sekarang apa yang kita lihat, UMNO kata *Islamic state*, MCA kata bukanlah, maknanya ialah *Islamic country*. Ini bukan sahaja memesong tetapi menipu rakyat. Kita mahu tahu sebenarnya apa dasar kerajaan mahu menjalankan satu *Islamic State* atau *Islamic country*, ertinya majoriti rakyat ialah Muslim.

Akan tetapi kita ikut Perlembagaan. Perlembagaan ialah sebuah negara sekular, sebuah negara sekular... [Tepuk] Kenapa kita sekarang takut untuk menggunakan perkataan '*Secular nation*'... [Tepuk] Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman; Perdana Menteri yang kedua, Tun Abdul Razak; Perdana Menteri yang ketiga, Tun Hussein Onn, jelas berkata negara Malaysia bukan *Islamic state*, Malaysia ialah sekular *state*. Siapa yang mencemari Perlembagaan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu dia orang kata. Perlembagaan kata macam mana, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang-orang semacam Yang Berhormat Jerai ialah mencabar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Baca Perlembagaan, jangan tidak membaca Perlembagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Jerai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita ada baca...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat tidak baca Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tunjuk! Mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dalam Perlembagaan menyatakan Malaysia adalah sebuah negara Islam.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perlembagaan! Baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan agama-agama lain boleh mengamalkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: MCA berkata itu bukan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu pandangan dia orang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh! MCA bohonglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang pentingnya Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: MCA bohong

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan saya kata, Yang Berhormat yang kata. Saya tidak kata.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah perkara yang Sabah bangkit. Kenapa dalam satu isu Barisan Nasional dan parti-parti komponen Barisan Nasional ada pelbagai *explanation*. UMNO kata *Islamic state*, bukan sahaja *Islamic state* tetapi ini sudah termaktub di dalam Perlembagaan. Ini tidak benar, ini tidak benar. Apa yang termaktub dalam Perlembagaan ialah Malaysia sebuah negara sekular. Fasal 3, Islam ialah *religion of the Federation*, pun tidak menggunakan perkataan rasmi, *is the religion of the Federation* tetapi MCA semalam oleh kerana tekanan yang hebat kata, "Oh, kita boleh tipu rakyat". Apabila UMNO kata *Islamic state* ertinya ialah *Islamic country* tetapi UMNO tidak bersetuju. Inilah satu permainan politik yang tidak bertanggungjawab. Sebenarnya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti! Dalam bulan Julai Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor pun ada pernah timbulkan perkara ini dan pada masa itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri pun ada kata, pun ada menolak pandangan-pandangan, pendirian-pendirian....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya gunakan *point of order*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa *point of order*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 36(c)

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: "Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum lain di Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan 1948." Ini *point of order* Yang Berhormat. Saya sakit hati sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mempertahankan asas Perlembagaan sebagai satu negara yang sekular sudah menjadi satu hasutan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya sokong Yang Berhormat Jerai. Saya pun sakit sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itulah sebab oleh kerana *intolerance* mengenai apa yang termaktub di dalam Perlembagaan ini makin serius sehingga apa yang diterima tanpa apa-apa...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia serius kerana DAP yang membangkitkan Yang Berhormat, yang menghangat-hangatkan. Dia tidak serius.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa yang diterima tanpa apa-apa pertikaian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Perlembagaan 3(1). Bacalah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa 3(1)? Islam ialah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lain agama boleh praktis, agama Islam, agama rasmi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Islam ialah agama Persekutuan, bukan kata *Islamic State*. Berapa negara ada *Islamic State*? Apa ertinya *Islamic State*? Kalau *Islamic State*, *Federal Constitution would not be the Supreme Law of the Country*. Sungguhpun sekarang ada orang yang berkata ini bererti penjelasan yang lain tetapi ini saya rasa sangat mustahak. Apabila ada orang yang kata bahawa cadangan mempertahankan Perlembagaan adalah sekular, satu pendirian yang dibuat bukan oleh saya sahaja oleh tiga Perdana Menteri.

Dari 2001 sampai... "929 declaration". Pada 21 September 2001 tidak ada orang mempertahankan dan pada masa itu bekas Tun Mahathir ada mengisytiharkan *Malaysia Islamic State* oleh kerana mahu lawan dengan PAS, oleh kerana mendapat sokongan pengundi-pengundi orang Melayu tetapi MCA itu bukanlah *Islamic State*, itu *Islamic Country*. Apa yang saya mahu tunjuk ialah *the hypocrisy Barisan Nasional* dalam pendirian ini sudah dibuktikan. UMNO kata *Islamic State*, MCA kata *Islamic Country* dan lebih dahsyatnya kata sesiapa yang mengeluarkannya ialah hasutan. Ini

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat jangan cuba hendak melaga-lagakan UMNO dengan MCA. Kami rakan baik, Yang Berhormat. Jangan cuba hendak melaga-lagakan. Yang Berhormat ini suka main isu sensitif.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, tidak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat jangan ikut perasaan. Sila duduk.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Dia tidak faham peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan Mesyuarat 36(1)...

Seorang Ahli: Jaga tertiblah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Tuan Yang di-Pertua *exercise* 36(1)

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang lain...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa hasut? Mempertahankan Perlembagaan, hasutan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menimbulkan perasaan sakit hatilah... [Dewat riuh]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat Ipoh Timor tidak faham *Islamic State*, dia pun tidak faham *State of Islam*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tentulah kita tidak boleh *bias* sebagai sebuah negara Malaysia.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia pun tidak faham apa *Religion of Federation*. Dia tidak faham, dia tidak faham...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi jerai.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Layan macam orang gila, hendak buat apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor beralih kepada tajuk lainlah kalau banyak lagi hendak cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hati sudah sakitlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hati sakit oleh kerana sudah lama untuk mendesak untuk menafikan kebenaran. Dan apabila kebenaran ditunjuk, sakit hati...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang menafikan kebenaran DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, beralih tajuk lainlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara telah berlaku minggu pertama mesyuarat Parlimen Bajet 2007 bahawa mentaliti projek mega, 'gajah putih' masih mendalam dan jelas di kalangan Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kerajaan. Kedua, ketiadaan komitmen yang benar terhadap keamanahan, ketelusan, integriti dan pentadbiran baik. Walaupun kedua-duanya merupakan kunci utama dalam janji-janji pilihan raya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari segi sebuah kerajaan yang bersih, tidak korup, efisien, mesra rakyat dan dipercayai apabila beliau menyandang jawatan Perdana Menteri 34 bulan yang lalu.

Saya ingin bermula dengan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan terhadap cadangan Pusat Latihan Berprestasi Tinggi, Brickendonbury di London apabila beliau melakukan suatu tindakan melanggar hak Parlimen yang begitu menyedihkan apabila beliau dengan sengaja mengelak Parlimen mengetahui maklumat terhadapnya. Soalan saya pada Selasa minggu lalu secara spesifik bertanya tentang jumlah yang dibelanjakan sehingga sekarang berkenaan dengan pusat sukan London yang dicadangkan termasuk kos kajian kesesuaian iaitu *feasibility study*, dengan memberi pecahan-pecahan dan nama pegawai juru perunding yang telah pergi ke London untuk projek ini.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri telah mengelak daripada menjawab dengan alasan bahawa semua pertanyaan tentang pusat sukan London akan dijawab apabila Jawatankuasa Kabinet Sukan membuat keputusan akhir terhadap projek ini pada akhir September. Apakah kaitan di antara Jawatankuasa Kabinet Sukan pada bulan September dengan soalan yang berkaitan dengan beberapa kos yang telah dibelanjakan sehingga hari ini terhadap cadangan ini? Atau Yang Berhormat Menteri tidak mempunyai sebarang maklumat terhadap kosnya setakat ini. Tidak! Beliau memang mempunyai perangkaan berkenaan dengan kos dibelanjakan setakat ini apabila beliau berdiri di dalam Dewan tetapi beliau enggan memberi Parlimen terhadap maklumat ini.

Kos yang dibelanjakan oleh Majlis Sukan Negara setakat ini terhadap kajian kesesuaian terhadap projek London ini ialah RM317,000. Mengapakah Yang Berhormat Menteri enggan memberitahu Parlimen maklumat ini apabila beliau berdiri pada hari Selasa untuk menjawab soalan ini. Adakah kerana beliau menyedari bahawa membelanjakan RM317,000 terhadap Pusat Sukan London, untuk *feasibility study* sahaja adalah cukup berskandal dan beliau mahu mengelak satu lagi pusingan publisiti yang memudaratkan. Biar apa pun sebabnya, tindakan yang enggan memberitahu Parlimen maklumat terhadap soalan yang ditanyakan oleh Ahli Parlimen merupakan satu tindakan yang menghina Parlimen dan melanggar hak Parlimen dan lebih-lebih lagi maklumat sebenarnya berada di tangannya apabila beliau menjawab di Parlimen.

Selain daripada menyatakan kos Pusat Sukan London, bukan RM490 juta, beliau juga memberitahu hanya terhadap soalan-soalan tambahan saya berikut tidak memberitahu terhadap soalan-soalan tambahan saya berikut mengapakah beliau begitu *persistent* dengan Projek Pusat Sukan London yang akan menjadi projek 'gajah putih' pertama di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Satu, khususnya apabila di bantah oleh rakyat dan Ahli-ahli Parlimen tanpa mengira parti kerana wang itu lebih baik dibelanjakan kepada pusat-pusat sukan di seluruh negara seperti di setiap kawasan Parlimen, di bandar, di desa, FELDA, FELCRA untuk mencungkil bakat-bakat baru Sukan.

Dua, berhati-hati dengan bantahan-bantahan daripada pihak berkuasa. Perancangan terhadap pembangunan sebegini kerana cadangan oleh Kementerian Perindustrian, dan sumber-sumber utama, yang dahulu untuk membina padang golf di Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (DARRC), di Brickendonbury, London pernah ditolak oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

Mengapakah Australia tidak dipilih untuk dipertimbangkan bagi membina pusat sukan, jikalau sesebuah negara luar perlu diberi khususnya Australia memenangi 84 pingat emas dan dalam Sukan Komanwel di Melbourne 2006 merupakan sebuah gergasi sukan berbanding dengan England yang hanya memenangi 36 pingat emas, sama ada dengan adanya sebuah pusat sukan di London boleh menyebabkan Malaysia memenangi Piala Thomas, meningkatkan taraf bola sepak Malaysia yang telah jatuh ke tempat ke 148 dalam kedudukan sedunia FIFA 2006. Ini lebih rendah daripada Korea Selatan, Singapura, Palestin, Hong Kong, Sri Lanka, Taiwan, Bangladesh dan Indonesia. Sedekad yang lalu kedudukan FIFA Malaysia adalah sekitar tempat ke 100 dan memecahkan rekod lari 400 meter Mani Jegadesan iaitu 46.3 saat yang dibuat pada 1965 tanpa sebarang pusat sukan di London.

Yang Berhormat Menteri bukan sahaja mempamerkan suatu contoh mentaliti projek mega gajah putih, tetapi juga suatu *bail out complex* dalam RM3.5 juta *bail out* terhadap *Le Tour de-Langkawi* dengan Kementerian Belia dan Sukan mengeluarkan RM2.3 juta dan Kementerian Pelancongan mengeluarkan RM1.2 juta.

Memang kita berperasaan betul dan salah di kalangan majlis-majlis tertinggi kerajaan di mana mereka yang telah melakukan kesilapan mestilah dihukum sebagai suatu pengajaran kepada mereka yang lain, sebaliknya kita berkali-kali mengulangi *bail out complex*, di mana kroni-kroni diselamatkan daripada memikul tanggungjawab akibat kegagalan mengurus yang mana rakyat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, terakhirnya, Timbalan Menteri Pengangkutan minggu lalu ada menggesa bahawa *Golden Handshake* atau Jabat Tangan Keemasan yang berjumlah RM699,000 telah dibayar dalam MAS, *Mutual Separation Scheme* atau MSS yang memakan kos RM495.5 juta dan bahawa terdapat 23 orang pekerja diberi *Golden Handshake* daripada RM600,000 hingga RM700,000.

Semasa menjawab soalan daripada Ahli Parlimen Tanah Merah, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa pembayaran MSS kepada 2,622 pekerja MAS adalah antara RM2,600 hingga RM699,000.

Dalam jawapan soalan tambahan saya, kita boleh dapat daripada jawapannya bahawa pecahan peratusan dan bilangan dalam kategori-kategori bayaran MSS ialah berikut:

- (i) kurang daripada RM100,000 – 28.3% atau 742 orang;
- (ii) di antara RM100,000 hingga RM200,000 – 29.8% atau 781 orang;
- (iii) di antara RM200,000 hingga RM300,000 – 24.2% atau 635 orang;
- (iv) di antara RM300,000 hingga RM400,000 – 12.3% atau 323 orang;
- (v) di antara RM400,000 hingga RM500,000 – 3% atau 79 orang;
- (vi) di antara RM500,000 hingga RM600,000 – 1.5% atau 39 orang;
dan
- (vii) di antara RM600,000 hingga RM700,000 - 0.9% atau 23 orang.

Ini bermakna bahawa 141 pekerja MAS bersamaan 54% daripada jumlah 2,622 orang dibayar lebih daripada RM400,000 di bawah MSS.

Jikalau kita mengambil median untuk setiap kategori dalam pengiraan, kita akan mendapati sejumlah RM71.95 juta ataupun 5.4% daripada RM495.5 juta telah dibayar kepada pekerja-pekerja MAS itu.

Yang Berhormat mengakui bahawa terdapat pekerja-pekerja MAS yang mempunyai tempoh perkhidmatan kurang daripada 24 bulan dengan syarikat penerbangan kebangsaan ini dibayar MSS apabila pembayaran MSS dihadkan kepada RM700,000, dan mereka yang mempunyai tempoh perkhidmatan kurang daripada 12 bulan dengan syarikat penerbangan kebangsaan ini tidak layak untuk memohon. Walau pun terdapat 410 rayuan, tetapi kesemua rayuan ini ditolak kerana MAS telah berjanji dengan Kesatuan Pekerja-pekerja MAS untuk tidak melayani apa-apa rayuan.

Mengapakah kesatuan sekerja bersetuju supaya tiada penilaian dijalankan semula untuk mereka yang ditolak yang mana ini bertentangan dengan prinsip keadilan sejagat. Saya telah menerima aduan bahawa beberapa pegawai kesatuan sekerja bersekongkol dengan pengurusan MAS dalam pembayaran MSS dan bahawa beberapa pegawai kesatuan telah mendapat pembayaran yang lumayan dalam MSS, adakah ini benar?

Saya menyeru supaya satu senarai nama diumumkan semasa jawapan diberi terhadap pembayaran MSS kepada pegawai-pegawai kesatuan sekerja untuk menunjukkan bahawa keseluruhan perjalanan MSS dijalankan dengan jujur dan bersih. Saya juga diberitahu bahawa di bawah pembayaran MSS ini terdapat pekerja-pekerja MAS mendapat bayaran tiga kali ganda atau lebih daripada apa yang mereka dapat jikalau mereka menghabiskan perkhidmatan mereka yang masih tertinggal dengan syarikat penerbangan kebangsaan ini.

Jikalau ini diambil kira ke atas 141 orang pekerja dan dibayar MSS melebihi RM400,000, MAS sudah dapat menjimatkan RM48 juta ataupun RM330 juta daripada keseluruhan perjalanan MSS yang melibatkan RM995.5 juta jikalau mereka dibenarkan untuk menghabiskan tempoh perkhidmatan mereka. MAS harus membuktikan bahawa pembayaran MSS ini dijalankan dengan beramanah, telus dan berintegriti khususnya apabila RM495.5 juta datang daripada wang rakyat untuk membantu MAS mengurangkan kos supaya menjadi sebuah syarikat penerbangan yang berdaya maju dan bukan sebuah syarikat penerbangan yang memberi bonanza atau mencipta jutawan secara cepat.

Parlimen hendak mengetahui apakah nisbah tertinggi pembayaran MSS berbanding dengan apa yang harus diterima oleh seseorang pekerja jika beliau menghabiskan jumlah tempoh perkhidmatan yang masih tertinggal, khususnya berkaitan dengan 141 orang pekerja yang menerima pembayaran MSS melebihi RM400,000.

Rancangan MAS yang asal ialah, satu MSS yang berjumlah RM850 juta untuk mengurangkan 6,500 pekerja demi mengurangkan saiz pekerja yang berjumlah 23,000 orang agar ia dapat mencapai bilangan yang sama dengan syarikat-syarikat penerbangan lain yang dapat keuntungan seperti:

- (i) Singapore Airline ada 14,000 orang pekerja;
- (ii) Cathay Pasific Airline ada 15,000 pekerja.

Ia dirangka untuk menjimatkan RM340 juta setahun dari segi kos buruh. Di bawah MSS ini hanya 2,622 pekerja MAS daripada 4,238 orang pemohon berjaya mendapat gaji pemberhentian mereka atau hanya 40% daripada sasaran 6,500 *staff* dapat dikurangkan di bawah MSS. Ini juga bermakna jikalau sasaran asas untuk mengurangkan saiz 6,500 staf dijalankan sepenuhnya, jumlah pembayaran akan melebihi RM1 bilion. Adakah Perbendaharaan akan diserbu sekali lagi untuk menyempurnakan perjalanan MSS di dalam MAS.

Oleh kerana MSS MAS dibuat melalui wang rakyat dan bahawa *turn around* MAS merupakan suatu projek *flagship* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pihak pengurusan MAS bukanlah sahaja perlu memberi penjelasan kepada pekerja-pekerja MAS.

Akan tetapi juga masyarakat awam Malaysia berlandaskan piawaian tinggi terhadap keamanan, ketelusan, integriti dan pentadbiran yang baik. Ini diperkukuhkan dengan dua sebab yang lain. MAS sebagai sebuah syarikat yang 80% dimiliki kerajaan dan para pembayar cukai Malaysia perlu berkali-kali membayar wang berbilion ringgit untuk *bail out* syarikat penerbangan kebangsaan untuk 12 tahun yang lepas, sesudah skandal penswastaan Tajudin Ramli saham kerajaan di dalam MAS.

Parlimen dan rakyat harus diberi satu jawapan yang lengkap dan memuaskan dalam isu MSS MAS yang telah dibangkitkan secara khususnya mengapakah MAS menghasilkan 141 orang jutawan separa dalam menjalankan MSSnya, membayar mereka tiga kali ganda daripada apa yang mereka akan dapat jika mereka menghabiskan tempoh perkhidmatan tertinggal dengan syarikat penerbangan kebangsaan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah berasa tidak puas hati dengan penangguhan penerbangan yang kerap berlaku. Ia telah menjadi satu penderitaan dalam penerbangan domestik untuk beberapa bulan yang lepas. Kita sebenarnya telah mundur ke situasi yang memalukan dan berskandal lebih daripada satu dekad dahulu apabila MAS dikatakan sebagaimana ada sistem apabila penangguhan penerbangan merupakan sesuatu yang sering kali dijangka berlaku.

Untuk MAS, Kementerian Pengangkutan harus menyiasat sama ada salah satu sebab penangguhan atau kelewatan penerbangan yang kerap berlaku sekarang sehingga menyebabkan kesulitan malah penderitaan terhadap masyarakat awam adalah berpunca daripada semangat moral yang begitu rendah dan perasaan tidak puas hati di kalangan staf MAS terhadap MSS. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin.

12.50 tgh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun juga untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2006. Pada bulan Mei tahun ini apabila saya bangun berbahas tentang rang undang-undang yang sama dan ketika itu saya telah membuat beberapa teguran berkenaan dengan Jabatan Kastam. Ketika itu apa yang saya minta, kerana saya lihat bahawa pungutan hasil negara, *revenue*, dengan izin, kalau dibandingkan dengan tahun 2005 berkurangan daripada bulan Januari sehingga bulan April.

Saya bercakap dalam bulan lima itu untuk menyedarkan kepada Jabatan Kastam apa yang sedang berlaku di dalam jabatan itu. Tidak ada satu sebab ataupun satu alasan lain apatah lagi bagai dituduh oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi saya mempunyai kepentingan peribadi tetapi masalahnya apabila kita tegur Jabatan Kastam ini, pada 3 Mei teguran dibuat dalam Dewan yang mulia ini, pada 4 Mei pula keluar di dalam *the New Straits Times*, muka hadapan bahawa ada ahli Parlimen mencampuri hal Kastam di Kuala Linggi, dedahkan di dalam akhbar. Walhal apa yang saya katakan pada 3 Mei ialah untuk memperbaiki sistem penyampaian dan benda ini berlarutan sehinggakan ada laporan polis dibuat oleh parti pembangkang. Anak kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor melaporkan kepada BPR berkenaan dengan penglibatan saya di dalam perkara kayu ini.

Akhirnya saya disiasat oleh BPR berasaskan kepada ucapan saya. Saya hadap ini semua. Ditubuhkan pula Jawatankuasa WHIP menyiasat soal ini, saya hadap. Ditubuhkan lagi Jawatankuasa Integriti untuk menyiasat, saya hadap. Semua saya hadap kerana saya yakin dan percaya apa yang saya sebutkan ini adalah untuk kepentingan negara. Apabila pula saya menyoalkan tentang jabatan yang menjual sesuka hati kereta-kereta mewah, esok lusa keluar di akhbar mengatakan bahawa MP Jasin juga ada memohon.

Dalam masa yang sama ketika itu saya meminta kepada jabatan supaya menyenaraikan nama-nama orang yang dapat kereta dengan cara murah tetapi jawapan yang sampai kepada saya bahawa adalah menjadi dasar jabatan tidak dapat menamakan orang-orang yang dapat atas maksud keselamatan tetapi nama MP Jasin disebut. Mengapa yang itu boleh, mengapa yang itu tidak boleh? Jadi, saya lihat seolah-olah Jabatan Kastam ini tidak boleh diusik. Bila timbul soal ini dia keluarkan lagi.

Yang terakhir baru-baru ini apabila membahaskan Akta Kastam. Dewan yang mulia ini memperuntukkan satu hari untuk semua Ahli Parlimen membahaskan Akta Kastam. Apabila kita sebut tentang Kastam satu hari, saya menimbulkan tentang ketirisan cukai oleh kerana saya dapati bahawa di seluruh negara didapati rokok-rokok seludup ini berleluasa. Di Chow Kit, sesiapa pun boleh beli rokok dengan RM2.50. Walhal dalam Belanjawan tahun sudah, kerajaan telah menaikkan duti tembakau yang membuatkan harga rokok daripada RM4.50 naik RM5, hari ini RM7 dan pada 1 hari bulan ini kemungkinan dengar-dengar dari pasaran, harga cukai tembakau ini akan naik lagi.

Daripada apa yang saya lihat, oleh kerana kerajaan menaikkan hasil tembakau ataupun cukai tembakau yang sudah, kerajaan mengharapkan mendapat lebih cukai sebanyak RM800 juta daripada kenaikan harga tembakau tetapi malangnya, apa yang berlaku yang membuatkan kawan saya dari Kinabatangan Sabah, timbul anginnnya naik dapati bahawa seludupan rokok ini berleluasa di Sabah, bukan sahaja di Sabah bahkan di seluruh negara. Pukul 5, pukul 6 di Sabah, ikut suka dia sahaja. Rokok *free duty*, arak *free duty* seolah-olah tidak ada kawalan.

Apabila saya kemukakan soal ini untuk perbaiki dan untuk menjaga hasil mahsul negara, keluar lagi di surat khabar, Yang Berhormat Jasin pula SMS ugut. Apakah ini tujuan Jabatan Kastam hendak menutup mulut saya atau hendak menakut-nakutkan Ahli Parlimen macam saya ini? Lepas ini, esok, saya tidak tahu apa pula surat khabar akan keluar .

Come on man, dengan izin. Ini kerja kita sebagai wakil rakyat. Kita menyuarakan apa yang kita lihat. Yang disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu menunjukkan berapa *frust* nya dia kerana di Sabah ini bukan kata jalan tikus, jalan tak tikus pun terang-terang penyeludupan berlaku. Terang-terang. Saya dimaklumi oleh Tuan Yang di-Pertua, dia kuat memancing, kata dia. Dia selalu memancing. Pukul 5 sahaja, bot-bot laju ini jalan begitu sahaja seolah-olah tidak ada kawalan. Cukai naik tetapi kerajaan tidak dapat hasil.

Hari ini saya dapat pula surat daripada kerajaan negeri minta tolong ahli Parlimen untuk memantau projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Surat bertarikh 21 Ogos Tuan Yang di-Pertua, dan surat daripada Jabatan Kastam kepada kerajaan-kerajaan negeri sehinggakan dia minta kita memantau bagi projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana perkhidmatan perunding arkitek, jurutera, juruukur, pengurusan projek dan lain-lain kontrak yang melibatkan perundingan pakar adalah tertakluk kepada 5% cukai perkhidmatan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan. Kastam lagi hendak naik. *Lawyer*, jurutera, perunding, semuanya hendak ambil kena 5% daripada *fees* rakan-rakan kita.

Hari ini kita lihat di *highway*, di R&R makan di sana ada 5% *sales tax*. Rokok kalau hendak beli di R&R selain daripada RM7 kena 35sen, 5% lagi *sales tax*. *Sales tax*, cukai-cukai ini makin lama makin naik. Yang saya soalkan pada hari ini dan apa yang saya dapati bahawa jumlah yang terkutip oleh Jabatan Kastam pada hari ini, walaupun dengan kenaikan cukai-cukai ini masih lagi rendah jika dibandingkan pada tahun 2005. Mesti ada benda yang berlaku!

Kita minta diperbaiki. Contohnya bagaimana yang sedang berlaku dengan keadaan negara kita dengan banjir pendatang asing. Jabatan Imigresen minta RELA sama-sama membantu untuk *flush out* pendatang-pendatang tanpa izin ini. Kalau pada hari ini Jabatan Kastam Bahagian Pencegah tidak dapat mencegah dengan 100% benda-benda ini, apa yang hendak disegankan. Beritahu kita, kita akan syorkan kepada kerajaan untuk bersama-sama dengan RELA untuk membanteras penyeludupan-penyeludupan yang berleluasa pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak sambung ke atau ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Hendak sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang pukul 1. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersambung semula. Saya jemput Yang Berhormat Jasin untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi mengizinkan saya menyambung perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan. Hanya saya kali ini hendak memberitahu Dewan, kadang-kadang orang kata kita bercakap remeh-temeh dalam Dewan ini dan kadang-kadang ada orang SMS saya, dia kata mengapa bercakap fasal Kastam banyak sangat.

Saya lagi hendak menjawab kepada mereka, Rang Undang-undang Perbekalan ialah kita membincangkan soal kewangan negara dan di antara agensi yang ditugaskan untuk mengutip hasil negara, selain daripada *income-tax*, Kastam. Tahun sudah *income-tax* kita ucap tahniah kerana dapat mengutip lebih daripada RM50 bilion. Tahun sudah juga Kastam mengutip RM25.1 bilion. Yang jadi persoalan saya, kita pada hari ini telah menyatakan di dalam akhbar dan pertanyaan-pertanyaan Menteri Perdagangan bahawa *trade* kita, perdagangan kita pada tahun ini sudah melihat perkembangannya dan kenaikan 11%. Tahun sudah mengikut daripada laporan Kementerian Kewangan, import, eksport kita RM967 bilion. Dan dijangkakan pada tahun ini kenaikan 11% lagi dan insya-Allah, sehingga akhir tahun import, eksport kita akan melebihi RM1 trilion.

Bila eksport naik, import naik, cukai mesti naik. Cukai ini adalah tanggungjawab Kastam untuk mengutip. Daripada persoalan saya dalam Parlimen, saya hendak juga tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah kenaikan hasil negara yang dikutip oleh Kastam sehingga bulan Julai tahun ini. Kalau bulan Ogos, belum selesai. Sehingga bulan Julai, berapa kutipan? Adakah trend itu sama juga 11%, tetapi mengikut daripada apa yang saya dengar dan apa yang diberitahu kepada saya, bahawa cukai yang dikutip adalah lebih rendah daripada tahun 2005...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin mengatakan bahawa kita di dalam Parlimen ini bukanlah hanya membincangkan perkara-perkara yang remeh, yang tidak mengambil berat langsung di dalam urusan kerajaan. Bahkan, kita macam Yang Berhormat katakan tadi, daripada apa Yang Berhormat bercakap, bahawa apabila Yang Berhormat, ini penjelasan saya mohon daripada Yang Berhormat. Menyentuh tentang sama ada Kastam baik, ataupun agensi yang lain. Kebetulan benda itu menyentuh tentang Kastam. Saya percaya Yang Berhormat tidak ada perasaan berendam ke atas mana-mana agensi.

Akan tetapi masalahnya ialah kadang-kadang bila kita melontarkan pandangan untuk kebaikan sesebuah agensi itu, tidak ada langsung mereka dan kita tidak langsung meminta sebarang ucapan tahniah dan terima kasih kerana menjadi tanggungjawab kita, tetapi yang menjadi masalah kita ialah, apabila kita cuba memberi pandangan-pandangan bagi kebaikan jentera pentadbiran kerajaan terutama sekali Perdana Menteri sendiri sentiasa menyebut pentingnya kita mempertingkatkan usaha yang bersungguh-sungguh, *delivery system* yang terbaik untuk menjadi *world class*.

Akan tetapi yang menjadi masalah ialah, kesempatan ini ada juga pihak yang cuba "menanggung di air yang keruh". Saya tidak tahulah pandangan Yang Berhormat bagaimana seorang pegawai tinggi kerajaan sendiri tiba-tiba hendak mengkaji tentang immunity Ahli Parlimen ini. Jadi apakah ini juga merupakan satu pandangan yang remeh-temeh sedangkan urusan kita dalam Parlimen ini ialah untuk membincangkan, memberi pandangan. Kalau kita tidak memberi pandangan, seolah-olah tergambar bahawa kita ini sebagai *rubber stamp*, seolah-olah Parlimen ini mati.

Kalau kita tidak bercakap, tidak memberi pandangan, maka matilah demokrasi Parlimen. Sedangkan itulah proses amalan yang dilakukan oleh semua Parlimen yang ada di dalam dunia ini. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, supaya kalaulah ini keadaannya, sudah tentulah gambaran masyarakat tentang peranan yang sewajarnya kita tunjuk dan kita tidak mahulah ada pihak lain pula cuba untuk mencampuri urusan kita sebagai penggubal undang-undang, apa pandangan Yang Berhormat setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Memang bagaimana saya cerita daripada awal tadi, rentetan peristiwa yang saya menghadapi sejak bulan Mei lagi. Pada 2 Mei saya berucap, saya kritik sedikit Kastam, besok keluar surat khabar yang saya pula terlibat dengan seludup balak. Bila saya cerita tentang kereta, saya juga dilibatkan pernah memohon kereta. Apabila saya mempertikaikan tentang kerja gudang garam ataupun rokok-rokok yang diseludup, keluar pula cerita SMS saya dengan pegawai kastam. Hari ini pula, timbul pula tentang imuniti kita pula dalam Parlimen hendak dipertikaikan orang tetapi saya cakap terus-teranglah untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, apa dia orang hendak cakap di luar, di luarlah. Kita sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, kita juga bertanggungjawab membentuk kerajaan. Kita juga menentukan kepimpinan negara. Kita berhak untuk menyuarakan. Bagi pihak rakyat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun terkilannya. Memang betul cakap sahabat saya, Yang Berhormat bagi Larut. Kalau semua agensi kerajaan menjawab apa yang kita suarakan, wakil rakyat, nama dia pun wakil rakyat. Kita suarakan dalam Dewan ini, bukan kita panggil media massa, media elektronik, kita buat *press conference*. Mereka menyampaikan melalui media massa dan media elektronik.

Kalau semua pegawai rendah macam kita *criticize* polis, pegawai polis bawahan menjawab. Kita tentera, pegawai tentera menjawab; kastam, pegawai kastam, tak tahu pegawai kira apa pun dia pergi jawab. Guru-guru menjawab. Apa sudah jadi dengan sistem perundangan kita Tuan Yang di-Pertua? Kita yang membentuk kerajaan, kita yang menghadapi pilihan raya dan rakyat!! Bukan mereka!! Kita ini tuan mereka!! Kita bukan bertuan dengan mereka!! Saya minta, bertanya Yang Berhormat. Kenapa boleh berlaku? Apakah menteri-menteri yang jadi *political master* mereka tidak bekerja, tidak memaklumkan kepada mereka? Timbalan Menteri Kewangan ada. Kenapa bebas, pegawai kastam menyuarakan? Mungkin Timbalan Menteri, Menteri tidak bekerja? Tidak memaklumkan bahawa mereka tidak ada hak untuk menyuarakan persoalan yang kita bangkitkan dalam Dewan ini? Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Kinabatangan bertanya saya, tetapi Yang Berhormat Kinabatangan juga menjawabnya. Jadi saya jadikanlah ucapan Yang Berhormat Kinabatangan sebahagian dari ucapan saya. Sila Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat Jasin. Memang ini isu kastam yang hebat. Kita dapat *media report* yang hebat juga tetapi satu hal, saya banyak cukup sedih. Kenapa kastam tidak boleh terima orang persoal kelemahan atau kesilapan teguran di Dewan yang mulia ini? Kita masa yang lepas, kita ada persoalkan kelemahan polis tetapi polis mengaku ada dia punya kesilapan, ada dia punya kesalahan tetapi kastam, nampaknya dalam surat khabar langsung tidak mengaku. Apa fasal ya? Juga CUEPACS pun keluar nak pertahan diri, pakai CUEPACS. Semua kakitangan kerajaan bersetujukah dalam CUEPACS? Kenapa kalau pandangan sendiri, seolah-olah dia daripada kastam, soallah dia sendiri punya pandangan. Jangan pakai CUEPACS.

Sekarang, baru-baru ini saya dengar, KSN pun pening kepala, campur tangan juga. Kata kalau kita bantai dia punya kastam punya integriti sudah tiada tetapi saya mahu tanya juga pandangan dari Yang Berhormat Jasin, macam mana, polis kena tabuh habis-habis, dia tak ada integritikah?

So, ini KSN, dia punya adil di mana, *justice* di mana, hah? Memang kalau macam ini cerita, saya pun tak tahulah dia pandai kerja kah tak pandai kerja? Ada jawatan kosong 120,000 tadi pagi baru jawab daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Belum lagi diisi. Bilalah nak isi? Kita banyak *graduate* punya *student* dari universiti, sampai hari ini belum ada kerja. Kenapa kita tidak boleh *promote*kan itu lama punya pegawai, siapa layak duduk itu kerusi? Gantilah!! Ambillah orang baru masuk kerja! Itu kerja kalau tak boleh buat, apa lagi negara kita nak bagi lagi sepuluh kali sambung, tiap-tiap kali sambung. Sambung, sambung, pun kerja tak boleh selesai!! Ha, kalau rakyat turun, badan masuk pergi jawatan atau pun agensi-agensi kerajaan, cari pegawai, cakap pegawai tak ada. Sudah pencen, sudah pengsan, tetapi tak ada isi... [Disampuk] [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jadi saya mahu mintalah pandangan sedikit dari saya punya sahabat Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu, saya setuju amat. Yang sebenarnya, kastam ini bukan semua yang nakal. Bukan semua yang jahat. Hanya segelintir sahaja. Serupa juga macam polis. Hanya segelintir sahaja *blacksheep* yang ada tetapi jangan kita pandangan semua tak baik. Itu biarlah, DAP suka pandang ikut waktu. So, polis, wahh! Ini sahaja tetapi tentang kastam ini, dia diam...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada syer kah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak berani, saya tak cakap begitu... [Ketawa] Akan tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bintulu, minta juga kerajaan, yang mana pegawai-pegawai yang sudah habis, tempoh pencen 56 tahun itu, jangan sambung lagi!! Bagikanlah peluang kepada rakan-rakan kita, pegawai-pegawai yang bekerja rajin ini, yang mana Timbalan naik Ketua Pengarah. Yang mana Penolong Pengarah naik Timbalan Pengarah... [Tepuk] Kalau tak ada, dok sambung itu pun cerita sama sahaja juga. Ini apa hal lagi Bintulu, tak puas hati lagi?... [Ketawa].

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tadi *you* kata, *you* tak berani cerita dia ada syer ke tak ada syer. Yang Berhormat Jasin setuju ke tidak, kalau kita biarkan ini isu kastam macam itu. Berhari-hari kita soalkan dalam surat khabar, dalam media. Untuk rakyat, macam mana dia fikir? Dia sekarang, rakyat sudah banyak persoal di bawah. Kata, "Kau tengok ini ratus-ratus ribu, puluh-puluh ribu, rasuah". Kita semua Kerajaan Barisan Nasional senyap, diam sahaja tetapi fasal dia orang dapat kongsi kawan-kawan. Polis punya rasuah 150, tak boleh kongsi. Itulah semua orang tunggu. Sekarang kita boleh nampak? CUEPACS pun bantu. KSN pun bantu. Tak tahu lagilah, besok mahu minta siapa bantu? Mungkin kita nak minta Tuhan bantu jugalah...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mereka pakat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Minta pandangan daripada Yang Berhormat Jasin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih pandangan Yang Berhormat, saya masukkan dalam ucapan saya. Kerana saya pun dah cakap tadi, mereka cuba *cover-up* yang atas, saya jangan kata SMS, CD juga orang hantar kepada saya Tuan Yang di-Pertua. Media coverage, on the *Porsche* issue tahun 1997. Yang mana melibatkan lima orang pegawai kanan kastam. Bukan beli *Porsche*. *Porsche* ini, yang melibatkan orang-orang tertentu, tahun 1997 ini masuk dalam negara melalui satu syarikat yang mana syarikat ini telah membayar cukai ataupun tidak mungkin dia ada *kowtim* tetapi AP-AP yang dikeluarkan kepada kereta ini, sudah di *print* bahawa cukai dibayar.

Yang mendukacitakan kita, orang yang pergi beli kereta porsche ini, dia tidak tahu sama ada kereta ini sudah dibayar cukai ataupun tidak. Dia percaya kepada kedai. Bila dia beli kereta itu dengan harga yang ditentukan, dia bawa balik rumah. Setahun selepas itu, kereta *Porsche* ini dirampas oleh pegawai kastam menyatakan bahawa tidak membayar cukai. Dia tunjukkan AP kereta itu. AP kereta yang dibeli daripada kedai itu sudah dibayar cukai, ada *print* di bawah tetapi pegawai kastam menyatakan bahawa *print* yang membayar cukai itu adalah palsu, dan akhirnya kereta itu dirampas. Semenjak tahun 1997, sampai sekarang tidak selesai. Sudah sepuluh tahun. Mengapa belum selesai lagi? Kerana lima orang pegawai kanan. Kot masih lagi disiasat, dan saya difahamkan, saya difahamkan juga bahawa kereta *Porsche* ini masih ada lagi di Jalan Bellamy. Sudah ada, sudah ada peruntukan untuk orang lain...

Beberapa Ahli: Ha!!!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Akan tetapi mujurlah, mujurlah Dewan ini apabila kita kemukakan tentang kereta-kereta yang dijual ikut suka hati, maka Menteri Kewangan sudah buat keputusan tidak ada lagi jualan secara terbuka. Semua kena tender.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kata dia *transparent*. Tak rasuah juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Akan tetapi kita nak tahu, banyak orang, banyak berita yang saya dapat melalui SMS, melalui telefon bahawa ramai rakyat kita yang telah menjadi mangsa skandal ini. Yang mana mereka meminjam bank, meminjam *finance company*, kereta mereka dirampas, dan akhir sekali mereka terpaksa membayar ataupun menghadapi *finance-finance company* untuk membayarkan habis ikut harga kereta yang mereka beli. Kan aniaya ini Tuan Yang di-Pertua. Sila Yang Berhormat Sabak Bernam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Jasin. Saya mungkin hendak bercakap perkara yang sama tetapi dalam nada yang sedikit berbeza. Kita ini hidup dalam *stress*. Macam-macam *stress*. Saya telah dihubungi oleh teman-teman malah saudara saya yang ada dalam kastam yang berasa panas dengan isu yang dibangkitkan. Jadi Yang Berhormat bagi Jasin tadi nampak telah menjawab sedikit daripada isu yang dibangkitkan. Golongan di dalam kastam ini sebenarnya yang terlibat dalam penyelewengan dan kelemahan ini sebenarnya golongan yang kecil sahaja. Malah apabila saya ditanya, saya memberi jawapan lebih kurang begini Yang Berhormat bagi Jasin. Saya kata, "Kita membangkitkan kepada mereka yang berkaitan iaitu siapa makan cili, dia rasa pedas".

Jawapan ini nampaknya semakin menimbulkan kemarahan. Oleh kerana itu, saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jasin, golongan manakah agaknya di dalam kastam ini sebenarnya yang sering kali terjebak dalam penyelewengan ini kerana saya rasa keluarga kastam ini begitu besar dan ramai di antara mereka tidak ada kaitan pun isu-isu ini. Oleh kerana itu, saya sangat berharap supaya perkara ini sebenarnya harus dilihat dalam konteks yang lebih besar Yang Berhormat bagi Jasin. Sebenarnya yang kita bicarakan ialah isu integriti nasional, isu kerajaan. Jadi ini bukanlah setakat menyentuh kastam sahaja, tetapi telah menyentuh kekurangan ataupun kelemahan di pelbagai jabatan kerajaan yang harus pihak kerajaan memberikan perhatian supaya pendapatan negara bukan sahaja dapat dikutip dengan baik tetapi dapat meningkat. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin mengenai pandangan saya ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, yang ini saya rasa...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Bolehkah ini macam?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua bagi, bolehlah. Kerana isu ini adalah isu yang amat serius.

Baru-baru ini saya telah minta tentang keputusan Jawatankuasa Integriti berhubung dengan kereta-kereta yang dirampas oleh kastam ini dikaji balik, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kalau kita tengok daripada statistik, ramai daripada anggota kerajaan yang terlibat, bukan daripada orang politik. Jadi maknanya bersihlah nama orang politik, tentang isu ini. Barangkali sudah tiba masanya dikaji balik, yang mana layak bagilah. Kita tidak kisah kalau ada kakitangan kerajaan dapat pun. Tidak apa, ambillah. Sebab bagi kita serupa kalau itulah kemudahan yang diberikan.

Akan tetapi apabila kita bercakap soal ketirisan, soal kebocoran, kita hendak memperbaiki sebarang kelemahan dalam agensi kerajaan tidak kiralah agensi apa, mungkin sekarang ini kita berakap soal kastam. Hari ini saya terkejut, saya bertanya dengan Timbalan Menteri Kewangan sendiri, apabila nama beliau turut disebut memiliki kereta daripada kastam, sehinggakan beliau terpaksa membersihkan nama dia Tuan Yang di-Pertua. Ini amat mendukacitakan dan memalukan. Kalau diheret seorang timbalan menteri yang tidak terlibat langsung tetapi bagaimana nama beliau disabitkan turut memiliki kereta yang dirampas oleh kastam. Ini kalau orang Bachok tahu, bukankah ini akan menimbulkan satu masalah yang besar, satu fitnah. Jadi apabila kita bercakap soal memperbaiki sistem, *delivery system* dan ketirisan, itulah dia.

Mustahil akhbar boleh melaporkan perkara sedemikian rupa Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada ketirisan dan kebocoran. Saya tidak menuduh, barangkali daripada pihak-pihak tertentu. Kalau tidak ada angin, tidak akan pokok itu bergoyang? Jadi saya minta apa pandangan Yang Berhormat, bagaimana perkara ini boleh berlaku dan berbalik kepada orang politik juga yang akan dapat nama yang busuk. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, tentang Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi, kita serahkanlah kepada BPR untuk menyiasat siapa yang bersalah atau siapa yang tidak. Kalau BPR tidak cukup kakitangan, insya-Allah minggu depan kita ada *Budget Speech*, kita akan minta supaya kerajaan menambah bilangan kakitangan BPR, bukan sahaja meliputi cerita-cerita kastam, tetapi semua sekali agensi-agensi penguat kuasa dalam negara ini. Jadi tidak payahlah hendak tubuh IPCMC, yang sebagaimana diminta oleh pembangkang itu. Cukup dengan kerajaan memperkasakan BPR, tambahkan lagi kakitangan dia, wujudkan BPR di kawasan-kawasan, di daerah-daerah dan di pejabat-pejabat cawangan supaya kita dapat melihat soal-soal penyelewengan ini tidak timbul dan meliputi semua sekali agensi-agensi penguat kuasa di dalam negara kita.

Tentang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, sekali lagi saya ingin menyatakan sama ada dibuat oleh kerajaan ataupun Jawatankuasa Integriti demi untuk menjaga nama baik orang politik. Demi untuk menjaga nama baik supaya mereka-mereka ini jangan sewenang-wenangnya mengeluarkan nama-nama orang yang tidak sepatutnya dikeluarkan konon dapat menerima kereta ini. Saya minta kementerian ataupun Jawatankuasa Integriti ini memberi kepada Dewan yang mulia ini. Ini Parlimen, kita meminta senarai itu dikeluarkan kepada kita supaya tuduhan yang orang politik ambil kesempatan berkenaan dengan kereta-kereta ini, dapat kita terangkan dan cerita-cerita ini dapat tahu kebenarannya. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Saya ingat sudah satu minggu kita minta dengan kementerian, pasal apa senarai penerima bagi kastam ini rahsia sangat. Apa yang rahsia? Justeru itu surat-surat khabar suka-suka pula, ini dapat, itu dapat. Keluarkanlah. Apa yang masalah terlalu rahsia? Kita mahu tahu siapa penerima dia, berapa bilangan ahli politik dan berapa bilangan kakitangan kerajaan? Sebab pegawai kastam, kalau ditanya, "Oh, ini orang politik punya". Sekali tengok, tujuh orang politik?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Lain?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang lain semua mereka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Mereka itu siapa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pegawai-pegawailah. Terutama sekali pegawai-pegawai kastam. Dia kata dia telus (*transparent*). *Transparent* apa? Dia ingat kastam ini syarikat bapa dia? Yang dia pandai-pandai, dia pegawai rendah pun tidak tahu asal usul, hendak cabar kita. Tugas kita menyuarakan masalah rakyat.

Apa yang saya suarakan, rentetan daripada rakyat. Rakyat suruh sampaikan, saya sampaikan di Dewan Rakyat, nama pun Dewan Rakyat. Apa dia hendak tanya? Kalau dia hendak masuk politik, berhentilah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ini penjelasan atau bahas?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tanding jadi calon, pembangkang pun boleh. Tidak payah masuk kerajaan, kalau tidak suka kita. Jangan dia mencabar kita dari luar. Justeru itu saya minta Yang Berhormat bertanya kepada Menteri Kewangan, timbalan dia ada sini, sudah maklumkan pegawai kastam bahawa mereka tidak ada hak menyoal apa yang kita suarakan, minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa itu pun Yang Berhormat bagi Kinabatangan sudah terjawab sendirilah. Apa yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya pohon, sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk melihat kembali akta-akta kastam ini. Saya hendak bagi tahu Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, hari ini kalau kita tengok kastam, dia punya uniform, kalau yang Pengarah Negeri itu macam *uniform brigadier general*. Kalau Pengarah Bahagian Pencegah itu dengan dia punya keris-keris bersilanglah, apa semua seolah-olah macam *general* tetapi, saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini....

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kejap Yang Berhormat, belum habis lagi Yang Berhormat. Dewan yang mulia ini sampai hari ini, uniform kastam yang rupa macam *general-general* ini masih lagi belum digazetkan. Mereka tidak boleh pakai uniform masuk dalam Dewan yang mulia ini. Mereka tidak boleh pakai uniform masuk dalam mahkamah kerana tidak digazetkan. Ini macam...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini salah guna kuasa.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi dia pakai uniform pun belum digazetkan, bagaimana? Jadi sila Yang Berhormat Johor Bahru tadi.

Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak campur sedikit dalam soal perbahasan mengenai dengan senarai kereta yang telah dicetak di dalam surat khabar. Sebenarnya saya pun ada satu salinan surat kepada Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini. Sebenarnya kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat kita peraturan 85 dan juga kepada seksyen 9M, *House Of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952*. Saya rasa sudah ada satu kesalahan yang telah dilakukan bahawa Peraturan 85, Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat menyatakan bahawa sesuatu maklumat yang dibentangkan dalam mana-mana Jawatankuasa Pilihan tidak boleh disiarkan oleh mana-mana pihak.

Kalau diikuti kepada seksyen 9M, ini merupakan satu penghinaan kepada Parlimen dan boleh dikenakan tindakan undang-undang, tindakan denda dan sebagainya. Jadi, saya rasa yang lebih baik, kerana perkara ini telah sebenarnya melanggar Peraturan Mesyuarat kita dan juga melanggar Akta Parlimen, lebih baik kalau perkara ini dirujuk balik kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Integriti untuk Jawatankuasa itu menyiasat. Kerana pertama kita hendak tahu sama ada maklumat yang dicetak dalam surat khabar ialah maklumat yang sama di bentangkan dalam Jawatankuasa mengenai Integriti.

Kalau sama, hendak tahu siapa yang membocorkan, mungkin ahli jawatankuasa kita juga yang membocorkan, ataupun kalau bukan ahli jawatankuasa kita yang membocorkan, mungkin pihak Kastam. Jadi kita kena ada sedikit penyiasatan sebelum perkara ini berlanjutan dan tidak patutnya kita bincangkan perkara ini selagi laporan jawatankuasa itu tidak dibentangkan kepada Majlis kita sendiri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Johor Bahru, tidak payah saya ulas, saya rasa maksud itu sudah faham semua. Saya berbalik kepada uniform Kastam tadi Tuan Yang di-Pertua. Tahun sudah, Kastam membelanjakan RM48 juta untuk penyediaan uniform dia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa punya uniform.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Uniform yang pada hari ini ada *circulars* yang dikeluarkan oleh kerana tidak digazetkan hanya pakai tiga kali satu minggu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa pasal uniform banyak mahal?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang sedih pada saya Tuan Yang di-Pertua, kakitangan rendah punya uniform kualiti dia amat rendah. Saya terima SMS daripada kakitangan peringkat rendah dia kata, baju yang dia pakai itu kata orang miang, gatal. Kualiti rendah, kalau tidak pakai *T-shirt* dalam Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh pakai, miang dia tetapi yang senior-senior *officer* dia Zecna, jangan kata Zecna....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini rasuah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Baton*, tongkat yang dia pakai oleh kakitangan yang tinggi ini, tongkatnya berharga RM700, tongkatnya Tuan Yang di-Pertua, dibuat di United Kingdom, kau suruhlah orang Jasin buat, batang nibong banyak lebih berkilat punya tongkat saya boleh buatkan Tuan Yang di-Pertua. *Overlap*, tahu *overlap*? Tali yang bersilang-silang itu, pun diimport dari Scotland berharga RM600 satu. Butang untuk pegawai-pegawai dia, dekat Jalan Masjid India butang apa yang tidak ada? Semua ada, besar mana pun ada, tetapi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Akan tetapi dia import daripada Scotland RM800 satu set. Kita...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Baju RELA kita serupa macam *bodyguard* sahaja...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Baju RELA yang kita dapat itu nasib baik ada benang kuning... [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Jasin, hendak tanya sedikit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, hairanlah apa fasal kewangan, bos dia izinkan pegawai-pegawai Kastam menggunakan kewangan yang sebegini, apa sudah jadi? Patutlah negara kita ini ekonomi dia tidak baik, rupanya ada perompak di siang hari, kalau ditegur dia marah tetapi, di kewangan pula dia tidak tahu masalah ini. Kalau seksyen-seksyen lain dia tahu, projek minta untuk rakyat dia kata tidak ada peruntukan. Yang mereka samun duit rakyat di siang hari, apa pasal? Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak hendak cakap lagi, saya ingat saya sudah faham. Yang *scanner* Tuan Yang di-Pertua, *scanner* yang saya cakap sudah jadi dekat airport, dekat pelabuhan *scanner* untuk *scan* barang-barang masuk, hari ini sudah jadi gajah putih. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua *Made In China*. Saya minta maaf, bukan kata saya itu... tetapi, *scanner* ini patut dia belilah yang mahal, dari US kah, dari *Germany* yang pada hari ini ketahanan dia..., saya tidak tahulah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu tengok harga mesti mahal juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Made in China*, yang butang ini tidak hendak beli pula China, yang *overlap* ini tidak mahu beli di China.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu tidak ada *class*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang tongkat waran dia itu yang harga RM700 tidak hendak beli pula China, tetapi *scanner* ini *Made In China*. Saya takut minta juga Menteri siasat ini. Jangan-jangan harga ikut Amerika dengan *Germany*, tetapi barang ini dia beli di China. Itu, Menteri... terpulang. Menteri Jawab.

Jadi ini yang perkara-perkara ini. Yang hairannya saya yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bintulu tadi Presiden CUEPACS, saya pun kenal dia Tuan Yang di-Pertua, dia itu warga Kastam. Engkau cakaplah bab-bab kakitangan rendah ini, yang pakai baju miang ini, yang mana tidak dapat imbuhan. Yang ini dia tidak cakap. Dia pun hendak ikut sama hendak menghentam kita ahli Parlimen.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pun terlibat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya pun hendak bagi tahu juga Tuan Yang di-Pertua dia orang ini, kalau setakat kail sejengkal jangan pergi ke lautan dalam. Ini Parlimen, dia belum tahu lagi. Dia belum kenal lagi Parlimen. Dia tidak tahu pengasingan kuasa, antara Parlimen, pentadbiran dan sebagainya, fahamlah dahulu. Kalau tidak faham, janganlah hendak menghentam-hentam kita, konon-kononnya apabila Yang Berhormat bagi Jasin bercakap, bukan musim bersidang, boleh jawab. Kita wakil rakyat kita bertugas 24 jam, kena bagi tahu dia. Kita bertugas 24 jam, kita memperjuangkan hak rakyat dan ini hasil negara.

Saya baru dapat tadi satu berita, orang telefon saya, daripada industri minuman keras, kita setiap tahun naikkan cukai dia kata, "Minggu depan Yang Berhormat, cukai akan naik, tetapi tahu tidak Yang Berhormat, ikut dalam industri minuman keras ini, 70% daripada minuman keras yang masuk dalam negara ini, tidak dibayar cukai." Jadi apa guna kita naik cukai, yang bayar cukai ialah *company-company* yang bawa *wine* yang terkemuka, nama-nama terkemuka sahaja yang bayar cukai, yang lain itu *smuggle*. Betul saya cakap, saya bukan hendak menuduh. Itulah sebabnya ada orang bagi tahu saya. Dia kata ramai antara kakitangan mereka ini masuk disko, masuk karaoke ini. Dia pergi sana...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Betul kah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Itu yang kadang-kadang tersesat. Dia pergi sana semua *on the house, free*. Kerana rata-rata yang ada di pasaran ini adalah *free*, tidak bayar cukai. Jadi *come on man, wake-up man*. Salahkah kita ini sebagai wakil rakyat mengetengahkan masalah-masalah ini yang kita tahu depan mata, adakah kita wakil rakyat yang bertanggungjawab ini hendak tutup mata kita? Saya suruh tutup mata sebelah sahaja... [Ketawa]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Habis

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan dua-dua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:Dua-dua sama hidung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia timbulkan soal balak yang konon saya mendakwa diri saya. Saya ada surat daripada ibu pejabat Kastam Diraja Malaysia. Kes melibatkan pengimportan dan pengekspornan kayu balak bertarikh 28 Julai tahun ini, kerana dia bertindak di atas Pelabuhan Linggi dia mengatakan bahawa atas nasihat daripada Pejabat Peguam Negara. Mengikut daripada ini, saya cakap dengan dia siapa yang buat masuk balak. Saya hendak beritahu juga Yang Berhormat Ipoh Timor, balak telah diharamkan masuk dalam negara kita tahun 2002 lagi. Yang mereka di Pelabuhan Kuala Linggi baik, Batu Pahat baik, Muar baik termasuk Tawau, termasuk juga di negeri-negeri lain yang dimasuk adalah kayu gergaji. *Sawn timber*, bukan kayu balak. Yang menjadi hal saya hari itu minta dia tutup mata sebelah kerana saiz yang dibenarkan 60 inci, Tuan Yang di-Pertua 10 kali 6.

Kadangkala oleh kerana dekat Indonesia ini tidak ada gergaji mesin pakai *chainsaw* terlebih sikit 1-2 inci terlebih sikit. Saya minta tutuplah mata, yang dekat Sarawak jalan tikus lori pun boleh masuk dia tutup mata. Di Golok, di Kelantan, di sempadan Kelantan dengan Siam barang terlarang dipikul, dilalu, dibiarkan begitu sahaja pun tutup dua belah mata. Saya suruh minta tutup sebelah mata sahaja... [Dewan riuh] Dan balak kayu gergaji ini Tuan Yang di-Pertua tidak bercukai. Kerajaan tidak rugi apa-apa. Kes besar kah ini? Yang Berhormat Ipoh Timor kata integriti, integriti!

Saya hendak beritahu dalam Dewan yang bahagia ini Tuan Yang di-Pertua apabila kes ini timbul di Melaka. Setiausaha DAP, anak kepada Yang Berhormat Ipoh Timor pergi berjumpa dengan tauke-tauke kayu ini mengatakan bahawa DAP sanggup bawa kes ini ke atas. Kata tauke-tauke ini *sorry* kerana kita ada MP Jasin. MP Jasin boleh bawa ke atas dan MP Jasin boleh bawa perkara ini tanpa apa-apa bayaran. Orang dekat Melaka pun sudah tidak percaya pada dia orang lagi Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab dia pukul saya bagai hendak rak. Yang Kastam pun ikut sama pukul fasal apa? Wah cakap dengan saya marilah Datuk kita ni..., kita ahli UMNO. Orang kalau ahli UMNO dia tidak bercakap rata-rata. Jangan-jangan dia sama juga bersengkongkol dengan DAP agak. Dia juga parti pembangkang untuk mendedah-dedahkan untuk melemah-lemahkan, untuk menjatuhkan kredibiliti Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Silakan Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Itu Yang Berhormat Ipoh Timor tidak tahu kayu. Dia tahu lain kayu, buang masa cerita sama Yang Berhormat Ipoh Timor. Tadi kita masuk isu kayu, selalu kita kata lebih sikit 60 inci kurang sikit 60 inci. Macam tadi Yang Berhormat bagi Jasin kata itu kayu bukan pakai *band saw* pakai *chainsaw*. Jadi minta pandangan dari Yang Berhormat adakah Kastam ada sistem atau formula macam mana hendak ukur dia punya kayu macam mana? Mungkin kadang-kadang ini kayu kita potong pakai *chainsaw* ada bengkok-bengkok tidak lurus. *Band saw* memang lurus. Lurus satu urusan...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini yang saya pertikaikan. Kalau pakai *bandsaw* memanglah lurus, pakai *chainsaw* kadang-kadang ada besar kecil tetapi apa yang berlaku dekat Melaka yang hari itu, apabila saya bertelagah dengan mereka ada yang besar ada yang kecil.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah tadi saya kata adakah sampai hari ini Kastam ada kaji satu formula untuk menyelesaikan masalah ini? Minta ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Bukan kerja mereka, ini yang kerja Jabatan Perhutanan ataupun MTIB. Jadi kita minta kementerian yang jaga MTIB ini, saya tidak menyalahkan kastam kerana mereka tidak pakar. Yang saya minta supaya kelonggaran sikit, itu sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itulah sampai hari ini kenapa kastam belum lagi berbincang sama Jabatan Perhutanan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Berkira hendak berbincang dengan saya pun macam di sebut dalam SMS itulah cara berkawan. Cara berkawan, kawan lama, dia sanggup juga keluar SMS wallahualam bisawab tetapi penuh yakin Tuan Yang di-Pertua saya berpegang bagaimana firman Allah dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Apabila timbulnya kebenaran yang batil itu akan hancur*". Insya-Allah itu janji Al-Quran. Itu yang diperkatakan oleh Allah. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat bagi Jasin saya melihat bahawa Kastam ini bukan melihat kayu apa saiz dan sebagainya tetapi dia dendam dengan Yang Berhormat sebab dia tahu dalam satu kelompok kayu itu bukan semua melebihi 60 inci cuma dua batang sahaja. Kenapa dia sita semua Tuan Yang di-Pertua? Bermakna apabila disuruh ukur dia kata tidak cukup tenaga kerja. Bermakna mereka memang ada niat jahat dengan Yang Berhormat tetapi dengan ayat Quran tadi, dia berniat jahat dia akan kena balanya Tuan Yang di-Pertua sebab dia melakukan kejahatan. Kita tidak, kita mempertahankan kerajaan kita, rakyat kita tetapi mereka merompak negara kita mereka yang akan ditimpa bala. Setujukah Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jasin...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini Kinabatangan dia cerita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jasin sila duduk sekejap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ya boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ada bersama-sama kita dalam Dewan ini Ahli-ahli Parlimen dari Jerman. Ataupun Ahli Parlimen Jerman, kita ucapkan selamat datang kepada mereka dan mudah-mudahan lawatan mereka akan mengeratkan lagi persahabatan dua negara Malaysia dan Jerman. Silakan terus.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *Welcome to Malaysia.* Tuan Yang di-Pertua apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi balak, bala saya pun dah naik pening kepala kerana saya penuh yakin apabila saya bercakap macam ini saya pun hendak tunggu esok pagi ini, surat khabar keluar apa ni kerana memang tujuan bagaimana disebut oleh Menteri mereka cuba hendak menutup mulut saya dan menutup supaya saya jangan bercakap berkenaan dengan benda-benda yang saya lalui kerana banyak yang saya tahu.

Itulah sebabnya saya tengok ini Gudang Garam ini, rokok yang haram ini sampai bila tidak selesai Tuan Yang di-Pertua kerana ada satu saya pergi ke Indonesia tiga, empat tahun yang sudah. Sejak jadi wakil rakyat ini kurang sikit pergi sana. Tiga, empat tahun sudah saya naik feri dari Melaka ke Dumai, di dalam feri itu hampir 50 orang rombongan daripada Ibu Pejabat Kastam pergi ke Dumai. Apabila sampai ke Dumai, Tuan Yang di-Pertua penyeludup-penyeludup Gudang Garam, penyeludup-penyeludup rokok ini menunggu kedatangan Kastam Diraja Malaysia ini sambut mereka dengan bunga manggar, sambut dengan komping... [*Dewan riuh*] Penyeludup sambut. Jadi macam mana hendak selesai masalah penyeludup ini? Sila Yang Berhormat Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat Jasin macam mana ini boleh berlaku? Kalau kita arif tentang Arahan Perbendaharaan, *general orders* kita tidak boleh ke luar negeri tanpa kelulusan dari pihak atasan. Sebagai *government servant* macam mana ini boleh berlaku?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Saya tidak tahulah macam saya cakap tadi saya tahu banyak benda kerana secara kebetulan Yang Berhormat bagi Sri Aman, saya berniaga *shipping agency* 11 tahun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Pejabat saya duduk di dalam Kompleks Kastam, apa yang saya tak tahu... [*Dewan gamat*] Apa yang saya tak tahu? Sepatutnya apa yang harus dibuat, Jabatan Kastam panggil saya ni, panggil saya ni..., dan juga Ahli-ahli Parlimen, apa yang tak betul cakap! Banyak rahsia saya tahu, kawan saya hari itu tunjukkan SMS saya pada dia, tapi saya tidak hendak tunjuk orang apa yang dia cakap dengan saya, panjang ceritanya Tuan Yang di-Pertua, 1001 malam pun tak habis, tapi yang pentingnya bagi kita pada hari ini kita bersama-sama bertanggungjawab kerana Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah kita paparkan kita mempunyai duit, hendakkan duit. Hasil negara ini hendak dikutip supaya kita hendak bersama membangunkan negara ini, sebagai contoh, saya buat contoh hari itu, kenaikan harga rokok kita jangkakan dapat RM800 juta.

Oleh kerana industri rokok telah beritahu kita banyak rokok-rokok haram sekarang menguasai 28% daripada pasaran rokok negara. Bila masuk 28% bermakna negara rugi RM244 juta disebabkan rokok haram ini. RM244 juta Tuan Yang di-Pertua, kalau kita beri kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita boleh membina 2,440 kilometer jalan kampung dari Kuala Lumpur pergi ke sempadan Siam di Kangar sana, pergi balik tiga kali.

Begitu banyak duit hilang begitu saja..., begitu banyak duit, itu baru rokok, ini yang 80% arak, 70% arak tidak bayar cukai ini, nanti saya balik lagi Tuan Yang di-Pertua, nanti minggu depan saya kira pula. Saya bertanggungjawab kerana apa? Saya menjadi Agen Kastam Berlesen, pergi *training* di kastam, pergi *training* kakitangan saya, minta datang ke AKMAL untuk membolehkan dapat lesen sebagai agen Kastam diberi latihan oleh Kastam bagaimana hendak mengikrarkan barang, ini barang sekian cukai, ini barang sekian cukai, jadi salakah saya cakap?

Ini satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok daripada kalangan kastam, ini Akta Kastam. Dalam Akta Kastam Tahun 1967 kita kerajaan terpaksa bagi *reward* kepada kakitangan atau mereka-mereka yang memberi *information* kerana dapat menyelamatkan dari penyeludupan dan larian cukai. Akta itu masih ada lagi, hanya tahun 2003 ini kerajaan telah menarik balik *reward* ini kepada kakitangan.

Jadi saya pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta Dewan yang mulia ini, Menteri, Timbalan Menteri ada, kita kena bagi balik, itu hak mereka. Di dalam Akta Kastam 1967, memang ada, bahawa mereka layak dan sebelum tahun 2003 Tuan Yang di-Pertua, kerajaan paling-paling satu tahun berbelanja untuk *reward* itu tidak melebihi daripada RM10 juta dalam masa yang sama, kerajaan keluar RM10 juta, kerajaan dapat menyelamatkan cukai lebih daripada RM300 juta...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau dapat gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Kenapa tidak kita bagi balik? Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, bagi akhirnya saya mintalah kepada warga Kastam, saya tak nak cakap lagi Tuan Yang di-Pertua, bab kastam ini. Cukup, *enough is enough*. Jadi saya seolah-olah pada hari ini menggulung, cerita-cerita yang saya dihadapakan, dengan cerita-cerita Kastam ini, saya tak nak cerita lagi. Banyak cerita lain, kita cerita soal luar bandar. Di Jasin banyak lagi yang kita hendak. Jalan kampung tidak cukup. Ini dalam *budget* ini... [Menunjukkan satu dokumen] Saya tengok MARA dengan peruntukan, itu dan sebagainya banyak saya hendak cakap.

Jadi, saya berharap apa yang kita kemukakan ini menjadi satu pengajaran ataupun kita minta kastam berubah dan saya pada bila-bila masa Tuan Yang di-Pertua, pada bila-bila masa, banyak orang nak jadi *match maker* konon hendak ketemuan saya dengan Ketua Pengarah Kastam, saya boleh jumpa dia *at any time of the day* siang malam pagi petang, di luar Parlimen dalam Parlimen. Dan kakitangan kanan dia supaya kita hendak membetulkan khazanah negara ini, kita hendak membetulkan keadaan yang ada supaya duit-duit negara ini jangan hilang begitu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai

3.22 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk... [Ketawa] ...Membahaskan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.1)2006.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hanya ingin mengingatkan iaitu pengagihan kekayaan negara kita ini Tuan Yang di-Pertua. Negara kita ini telah maju sedang menuju kejayaan dan insya-Allah dalam perjalanan Rancangan Malaysia Kesembilan banyak peluang dan juga kejayaan-kejayaan yang akan kita temui di penghujung ataupun di dalam perjalanan kita mengisi Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin menekan ialah soal pengagihan dari segi peruntukan, dari segi kekayaan yang ada dari peluang-peluang yang ada. Dari segi peruntukan saya hendak menekankan supaya pengagihan di antara bandar dengan luar bandar ini harus diseimbangkan. Kalaulah di kawasan bandar kita bagi RM1, di luar bandar kita bagi juga RM1 kerana Tuan Yang di-Pertua, di kawasan bandar ada majlis bandar raya, majlis perbandaran di kawasan luar bandar kita hanya ada majlis daerah yang tidak cukup yang miskin. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, lori sampah pun teruk daripada sampah yang mereka hendak angkut itu, itu lori sampah dengan lekehnya lori, *breakdown* memanjang. Jadi macam mana kawasan-kawasan di dalam daerah-daerah ini boleh kita bangunkan? Kita hendakkan kebersihan dan sebagainya.

Begitu juga dengan dewan-dewan Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan-kawasan di daerah luar bandar dewan ini kadang-kadang kita hendak buat perjumpaan pun susah. Dewan di dalam kawasan bandar ini dengan *air-condition* dan sebagainya, kami ini di luar bandar dengan kipas, berpeluh macam manalah kita hendak bersyarah, hendak menyampaikan maklumat kepada rakyat, perjumpaan dengan rakyat dan sebagainya. Jalan-jalan pun begitu juga.

Jadi saya harapkan pengagihan ini biarlah *balance* ataupun saksama supaya kita dapat lihat rakyat luar bandar pun mendapat nikmat dan salah satu sebab berlakunya pengangguran di luar bandar disebabkan perhubungan itu tidak ada, *communications* antara satu tempat ke satu tempat, jalannya tidak ada yang cukup sempurna, jadi pelajar-pelajar kita akan berhijrah ke kawasan bandar ini akan menambahkan lagi masalah sosial dalam kawasan bandar.

Jadi biarlah kalau ada infrastruktur yang secukupnya di kawasan luar bandar Tuan Yang di-Pertua, maka sudah tentu pelabur-pelabur ataupun industri kecil dan sederhana boleh membangun di kawasan luar bandar dengan kos pengeluaran yang murah dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita di kampung dan juga pelajar-pelajar kita yang menganggur pada hari ini.

Ini manfaatnya Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hanya tertumpu di dalam kawasan bandar ia akan menambahkan lagi masalah. Masalah tempat duduk, masalah jem dalam bandar, macam-macam masalah sosial yang berlaku di dalam kawasan bandar. Bukan semua masalah pergi ke bandar, tidak sekurang-kurangnya kalau adalah infrastruktur yang mencukupi di dalam kawasan-kawasan luar bandar, maka percayalah Tuan Yang di-Pertua, kita boleh selesai masalah kemiskinan. Kalau ada kilang tak besar, sederhana ataupun kecil, sekurang-kurangnya ibu tunggal yang miskin itu boleh bekerja, pergi kerja kilang pagi, anak ditinggalkan di mana-mana sebentar di taman asuhan dan sebagainya boleh dia mencari makan. Dia tidak payah naik kereta dan sebagainya dan mereka ini akan bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, macam kilang NAZA buat kereta di Gurun, sekurang-kurangnya rakyat dalam kawasan Gurun, dalam Parlimen saya tu boleh bekerja di situ. Walaupun kita dapat lihat ini akan melibatkan sedikit kos pengangkutan, untuk membawa kereta dari Gurun ke Kuala Lumpur, dari Gurun ke Johor, tetapi kita tengok lebuhraya kadang-kadang lori bawa kereta itu banyak.

Akan tetapi yang menguntungkan masyarakat di kawasan dan daerah luar bandar. Jadi ini pentingnya saya tekankan Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga peluang-peluang Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan tidak bersetuju sepenuhnya pemberian permit-permit ini kepada syarikat-syarikat. Contohnya kita bagi permit teksi kepada satu-satu syarikat kadang-kadang terlampau banyak Tuan Yang di-Pertua. Satu syarikat dapat beratus, 500 hingga 600 permit teksi. Tuan Yang di-Pertua, kita juga hendak tolong. Yang ini pengusaha teksi yang dapat lesen besar-besarnya. Yang hendak cari makan atas teksi ini Tuan Yang di-Pertua yang kita hendak bela hari ini. Yang saya hendak berucap ini hendak tolong bekas-bekas perajurit, bekas-bekas pasukan polis, pencen-pencen pegawai kerajaan yang gaji murah ini.

Bagilah mereka lesen permit teksi ini untuk mereka bawa cari makan hendak bela anak bini Tuan Yang di-Pertua. Anak hendak ke sekolah, anak hendak ke universiti. Kalau kita hanya bagi pada syarikat, hendak bagi pada syarikat bagi tapi jangan lupa juga kepada individu yang boleh menumpang cari makan. Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua saya naik teksi mereka merungutlah Tuan Yang di-Pertua. "Saya tanya abang dapat berapa sudah." "Duit minyak pun tidak lepas lagi dia kata". Lepas duit minyak baru hendak cari duit tauke. Lepas duit tauke baru boleh cari duit dia. Kadang-kadang pagi baru cari duit minyak. Tengah hari sedikit hendak cari duit tauke. Petang hujan lebat, jem duit dia tidak ada hendak makan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dia hendak balik duit sudah tidak ada kerana jem Kuala Lumpur ribut taufan tidak boleh cari makan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada kementerian tidak apa bagi kepada syarikat bagi tapi janganlah melupakan individu-individu. Kadang-kadang bekas askar dia bukan pandai kerja lain Tuan Yang di-Pertua. Sekurang-kurangnya dia dapat bawa teksi dia boleh bawa teksi cari makan dan bagi kawasan luar bandar pengusaha-pengusaha teksi ini dia guna teksi ini untuk macam-macam. Teksi itulah dia bawa anak bini dia pergi sekolah, anak bini dia pergi kenduri-kendera dan sebagainya. Bagi pilihan orang kampung ini hendak ambil teksi kampung, kereta sewa kampung biala pergilah. Kadang-kadang tengah malam terkejut tergepar orang hendak beranak apa semua guna teksilah, orang kampung semua bukan ada kereta. Ambulans bukan ada merata kampung. Jadi mereka gunalah teksi ini untuk muat sesiapa hendak beranak kah, sakit demam apa semua.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau peluang ini tidak diberi sebab itu kita dapat lihat kadang-kadang bekas-bekas tentera ini menganggur. Kadang-kadang dia jumpa saya dia kata Datuk tolonglah kami tidak ada apa. Dia berhenti pencen. Saya kata, boleh buat apa?

Tak akanlah mereka ini Tuan Yang di-Pertua hendak jadi *guard* dan sebagainya. Mereka sudah berumur. Sekurang-kurangnya mereka bawa teksi bolehlah dia cari makan. Jadi saya ingat Pengerusi Lembaga Pelesenan pun ada ini jangan marah ya Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Tolonglah, bagilah individu hendak cari makan. Hendak menarik orang kampung kata. Hendak menarik teksi hendak bela anak isteri dan sebagainya. Dan saya percaya penuh kadang-kadang ada pegawai kerajaan di dalam Kuala Lumpur ini pun dia hendak cari pendapatan lebih, dia tidak mahu benda-benda yang tidak elok dia bawa teksi. Dia kata hari ini *off-day* dia bawa teksi hendak cari makan, hendak bayar duit api air rumah. Kadang-kadang kita kasihan Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang rintihan mereka ini kami ini datuk jadi kulilah sampai ke mati. Mereka juga teringin hendak jadi tauke.

Walaupun dia bawa teksi dia, dia tauke kepada teksinya. Macam itu juga peluang-peluang yang lainlah. Lesen-lesen lain pun macam itulah. Kontrak-kontrak pun macam itulah menteri woi! Timbalan Menteri Kewangan kah apakah. Tengoklah yang kelas-kelas 'F' yang melapuk hisap curut di kampung itu. Bukan curut RM200 hingga RM300, ini corot cap ikan yang asapnya habis jelaga satu pejabat kalau mereka pergi. Mereka pun kasihan hendak cari makan. Bukan banyak kelas 'F'. Kadang-kadang hendak boleh satu projek kelas 'F' pun parahlah. Dia kena *rotate* itu hendak datang balik kepada dia itu. Kadang-kadang kelas 'F' ini hanya mengharap projek wakil rakyat. Kita bolehlah bagi RM10,000 projek. RM10,000 hendak untung berapa 10% bolehlah RM1000.

Saya bersetuju dengan Menteri JKR ini dia kata 10% daripada projek mega itu hendak disalurkan kepada pihak-pihak kelas 'F'. Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat kalau tidak ada orang miskin ini tidak akan ada orang kaya saya hendak beritahu. Kalau semua orang kaya duduk Kuala Lumpur siapa hendak bawa kereta. Tan Sri mana, Datuk-Datuk atau *millionaire*, dia mana hendak bawa kereta. Wakil Rakyat bawa. Saya bawa ini. Lepas sembahyang subuh saya bawa kereta datang Parlimen. Tekan minyak kadang-kadang mata layu pun basuh muka hendak tangkap elaun ini... [Ketawa] Hendak tangkap persidangan ini. Datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak jimat elaun *driver* kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak jimat. Bawa datang *driver* hendak bela mulut dia pula. Kita pun hendak makan juga, gaji bukan banyak mana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dia kena ada sebab itulah kita jangan pandang orang kaya ini, ini hendak nasihat jangan pandang orang miskin ini tidak berguna. Mereka inilah yang menolong. Kalau tidak ada mereka siapa hendak kutip sampah di bandar raya ini, di Kuala Lumpur ini. Nanti sampah bau busuk hendak marah siapa? Jadi kita kena *balance*. Kita bagilah pendapatan dan kekayaan negara ini seimbang. Saya dahulu biasa menyeru kepada kerajaan supaya bagi gaji ini yang mencukupi. Kalau tidak mencukupi inilah berlaku macam-macam. Bagi gaji mencukupi *cost of living* ataupun saraan hidup di Kuala Lumpur di bandar raya ini macam mana. Pendapatan mereka macam mana.

Kadang-kadang duduk di bandar raya gaji seribu lebih pun dianggap sebagai miskin Tuan Yang di-Pertua kerana kos hidup di Kuala Lumpur tinggi. Kalau hidup di Parlimen Jerai RM1500 kira trang tang tanglah. Trang tang-tang ini orang kedah kata oklah tetapi kalau duduk di Kuala Lumpur RM1,500 penat. Api air. *Start* kereta di Kuala Lumpur duit. Hendak pergi buang air kecil pun duit. Tidak bagi duit dia tidak bagi lepas masuk bilik air. Tidakkah fasal? Orang-orang tua datang dia kata aku duduk di kampung bila aku hendak pergi kencing tidak kena bayar duit pun. Fasal apa datang Kuala Lumpur kena bayar? Dia kata pakcik kena bayar kalau tidak, tidak boleh masuk. Nasib baik orang tua tu tertib, kalau tidak dia lepas depan pintu itu tidak kacau.

Di Kuala Lumpur ini semua duit. Saya juga hendak mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya pegawai kerajaan ini semua pakai uniform Tuan Yang di-Pertua barulah dia menjimatkan perbelanjaan mereka. Bagi uniform. Jadi kata pegawai kerajaan macam syarikat-syarikat swasta ini kan dia ada uniform. Pegawai kerajaan bagi pakai uniform. Jadi tidak payahlah kadang-kadang orang perempuanlah bukan hendak mengata. Orang perempuan dia hendaklah *style* sedikit. Tidak akan hari-hari hendak pakai kebaya itu. Hendak juga tukar-tukar kebaya tetapi kalau pakai uniform tidak payah tukar. Hari-hari pakai.

Bagi seorang dua tiga pasang pakai yang itu. Tidak adalah hang kerling telinga aku, aku kerling telinga hang. Hang pakai kebaya bunga tepi, aku pakai kebaya bunga tengah. Ini biasalah dan satu kebaya Tuan Yang di-Pertua bukan murah. RM100 hingga RM200. Itu yang mahal sedikitlah...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Aman bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa fasal? Mahu pakai kebayaakah?

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Bercakap tentang uniform ini saya nampak di Parlimen kita begitu hebat begitu cantik tapi uniform yang kita minta digunakan oleh pembantu-pembantu kita di sini yang kelabu ini tidak ceria betullah. Setujukah Yang Berhormat bagi Jerai kalau kita minta uniform ini ditukar. Kita ada satu nampak di penjurusan, satu di sini. Kalau kita tengok tidak sesuai dengan imej baru Parlimen kita ini. *Color* tidak *matching* sungguh. Setujukah tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya setuju. Tengok Yang Berhormat pun pakai baju warna oren. Umur jangan kira. Umur jangan kira, style mahu. Memanglah kalau boleh tukar, tukarlah *color* yang nampak muda sedikitlah. Kadang-kadang warna pakaian pun Tuan Yang di-Pertua yang muda kalau pakai warna yang tidak seimbang dia nampak tua. Yang tua pun kalau pakai baju yang elok-elok dia jadi muda.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi kita tengok kadang-kadang umur 40 lebih pun nampak muda lagi kahwin dengan yang umur 20 lebih fasal pakaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini hendak apa pula?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang cadangan untuk beri uniform kepada kakitangan awam. Saya tengok yang sudah ada ini pun memang jelas indah cantik sekali kemas segak seperti polis, tentera, kastam, imigresen dan sebagainya.

Kalau kita perhati sekarang ini kita nampak ada satu agensi yang baru, iaitu satu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu KEMAS. Saya ada berjumpa satu program di Pekan baru-baru ini, di mana semua kakitangan KEMAS ini pakai uniform yang sungguh cantik, yang menarik pada saya yang sebelum ini tidak ada. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah Yang Berhormat cadangkan dalam kita membantu pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan supaya uniform diadakan kepada kakitangan awam maknanya kerajaan akan sediakan peruntukan untuk membeli uniform kepada mereka supaya mengurangkan perbelanjaan yang semakin tinggi pada mereka. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya mencadangkan supaya bajet kita tahun depan ini kita bagi uniform, bukan uniform yang lekeh, tidak! Bukan makna pakai kain kaki yang tebal berkuap tidak, bagi yang *smart looking*lah yang nampak cantik, ceria. Jadi bila kita pergi di pejabat dia tidak adalah pegawai pakaian *smart*, hak yang kerani inilah pakailah kadang-kadang baju pun *line* dia dua, tiga *line*. Ada sehelai dok seterika yang itu, jadi lekatlah dua *line*, tiga *line* di tepi itu. Dia lari *lining* itu. Perempuan pun pakai sama *smart-smart style*, jadi tidak adalah kawan itu tudung merah kawan ini tudung hitam tudung ini *smart* semua. Tidak ada dok kerling hang tumit tinggi apa hang kain satinlah, kain apa ini Gelang Patah? Tengok Gelang Patah ini pakai baju batik elok kebaya, ramping elok nampak. Jadi saya cadanglah kepada Kementerian Kewangan supaya terima cadangan saya ini.

Jadi dia tidak ada *class*, dia sama sahaja pegawai kerajaan sama daripada Ketua Pengarah sampai ke bawah uniform dia sama. Ini kadang-kadang kita pergi pejabat tengok kalau budak pejabat itu pakailah uniform budak pejabat. Hak yang di atas bubuh *tie*, *tie* pulak jenis yang mahal-mahal. *Tie* pun Tuan Yang di-Pertua kalau *tie* murah dia jerut tengkuk penat, hak mahal itu dia lembut tengkuk jadi kena pakai hak mahal. Tidak bolehlah kena pakai hak yang Dunhill lah, hak Zacna, kalau pakai hak *made in Malaysia* dia buat gatal-gatal tengkuk, hendak kena pakai *imported*, cara dia.

Jadi saya ingat tidak salah pegawai-pegawai kerajaan pakai uniform *smart* dan baru dia ada nampak silaturahim itu rapat, *togetherness* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, dia rapat. Jadi ini cadangan saya kerana akan mengurangkan kos bagi seseorang pegawai kerajaan untuk hendak beli pakaian hari-hari. Hari-hari hendak beli pakai apa, tukar ini hendak tukarlah takkanlah kalau dia itu hendak pakai baju itu sampai tiga empat hari dia kena juga salin tetapi kalau kerajaan bagi uniform yang..., kita hendak tunjuk ini, jabatan kerajaan yang menjalankan tugas undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan Rakyat ini memakai pakaian yang *smart-smart*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak cadang Ahli Parlimen melawat kawasan pakai uniform?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak apa kalau pegawai kerajaan apa salahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak Ahli Parlimen, Ahli Parlimen Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Menunjukkan kalau dia masuk kampung ini *government officer*, pegawai kerajaan dia mai dah hendak tengok cerita di kampung macam mana. Jadi yang ini tidak apa Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah pegawai luar tidak payahlah pakai *tie*, pakai *tie* duduk dalam panas teruk kawan, tetapi hak yang beri *standard looking* saya boleh cari dua tiga orang konsultan untuk *design* kain uniform-uniform, tidak payahlah setengah belah naik sampai ke paha. Saya biasa tanya ini awat kain dia carik ke tidak, dia kata fesyen. Saya ingatkan kain itu takut terbertas benang bila dia duduk naik sampai ke paha. Rupanya tidak dia kata fesyen.

Jadi kalau kita buat standard uniform ini, uniform yang ada standard bila orang mai ke Malaysia dia tengok rakyat Malaysia, dia tengok pegawai kerajaan, oh pegawai kerajaan di Malaysia semua pakai uniform yang *smart looking* kerana Tuan Yang di-Pertua, apabila kos hidup kita meningkat hari ini disebabkan oleh tekanan harga minyak yang begitu tinggi sudah tentu pendapatan rakyat dan juga pegawai-pegawai macam itu kos dia lebih, jadi kurang pendapatan. Jadi kita cuba hendak menyelamatkan kos-kos yang menimpa mereka ini dengan kita buat apa sahaja yang boleh untuk mengurangkan masalah kewangan untuk hidup pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin hendak membenarkan iaitu tugas dan tanggungjawab kita sebagai orang politik dan juga sebagai pegawai kerajaan. Kita tidak boleh lari sama ada kita suka tidak suka pegawai pentadbir dan orang politik, wakil-wakil rakyat ini dia kena bekerjasama, dia kena seimbang dan dia kena hormat-menghormati di antara satu sama lain. Yang ini kita tidak boleh elak kerana kalau kita bertembung di dalam kita hendak menjalankan tugas untuk rakyat, tugas untuk negara maka yang ruginya rakyat dan juga negara. Kadang-kadang kita ada sedikit tidak memahami di antara satu sama lain ataupun kita berasa curiga di antara satu sama lain perkara ini harus kita ambil sebagai tugas kita bukan sebagai keperibadian kita.

Saya bersetuju dengan rakan-rakan di sini adalah tempat kita menyuarakan masalah rakyat dan pegawai-pegawai yang ada ini mendengar rintihan kami adalah rintihan rakyat. Macam saya bercakap pasal jalan, saya bercakap pasal masalah pendapatan dan sebagainya bukan masalah saya. Ini adalah masalah rakyat dan rintihan-rintihan ini kita dengar semasa kita menjalankan tugas-tugas kita hari-hari dan memang kerja wakil rakyat ialah untuk menyelesaikan masalah rakyat. Masalah rakyat ini tidak boleh diselesaikan oleh orang politik sahaja dia harus diselesaikan bersama.

Bermaknanya kami akan membawa masalah, kalau tidak ada masalah kami tidak bawa, kami akan memberi cadangan. Kami akan membawa masalah yang harus kita berpakat untuk menyelesaikan masalah ini bersama. Contohnya kalaulah seorang miskin datang jumpa dengan saya, dia orang tua yang memerlukan bantuan kebajikan masyarakat. Saya tidak boleh mengeluarkan bantuan kerana saya tidak ada peruntukan dan duit, jadi terpaksa saya akan menulis surat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tolong membuat siasatan dan membantu yang memerlukan.

Jadi bermaknanya kami Ahli-ahli Parlimen bersama Dewan Negeri ataupun Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara adalah perantaraan di antara rakyat dengan kerajaan, di antara rakyat dengan pegawai kerajaan, ini tugas...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya Beluran Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Jerai. Saya setuju dengan pandangan tentang kita sebagai perantara antara rakyat dengan kerajaan, tetapi kalau kita tengok kes isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Jasin. Banyak perkara yang dia dengar daripada bawah dibawa ke Parlimen ini isu-isu yang dibawa tetapi respons yang kita dapat daripada pihak yang terlibat, Kastam umpamanya, ACA umpamanya, KSN umpamanya dia perlukan bukti-bukti. Bukti-bukti yang cukup berat cukup kuat untuk dituduh di mahkamah, itu *burden of proof* itu Jasin yang kemukakan. Setakat isu dibawa ke Parlimen dan sepatutnya pihak yang tertentu inilah yang buat siasatan dan bukannya Jasin yang mengeluarkan bukti-bukti kukuh untuk dibawa ke Parlimen. Jadi soal kita sebagai pengantara tidak lengkap dalam kes Jasin dengan Kastam. Apa pandangan Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Beluran. Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua inilah dikatakan budi bicara yang harus kita guna. Kadang-kadang peraturan dan undang-undang itu memang ada Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita memerlukan budi bicara untuk menyelesaikan masalah-masalah itu. Macam saya katakan tadi kita membawa masalah dan apa juga yang kita lihat di dalam Dewan ini supaya masalah ini dapat diselesaikan kerana ini adalah harapan rakyat kepada kita, kepada kerajaan dan memanglah macam saya kata tadi berbalik kepada pegawai kerajaan yang hendak menolong menyelesaikan masalah ini untuk kepentingan rakyat, dan kadang-kadang yang kita bawa ke Dewan Rakyat ini ialah kerana kita hendakkan benda ini diselesaikan dengan saluran-saluran yang tertentu.

Jadi bermakna Beluran, Wakil Rakyat ada saluran-saluran dia, pegawai pentadbir ada saluran-saluran dia, dia ada dia punya peraturan saluran dia. Jadi kita gunakan saluran ini dengan tidak ada hasrat peribadi ataupun kepentingan peribadi.

Bermaknanya hasrat kita, kalau macam Yang Berhormat bagi Jasin bawa masalah di sini masalah yang dia arif mungkin kerana dia secara tidak langsung berniaga yang melibatkan dia dengan Kastam dan sebagainya, dia lebih memahami. Saya mungkin kurang memahami tentang perjalanan Kastam kerana saya tidak mengalami, jadi kalau dia menyuarakan sesuatu pandangan ini harus diambil sebagai teguran yang membina bukan teguran untuk mengecil-ngecilkan sesiapa, tidak, ataupun hendak merendah-rendahkan sesiapa, tidak kerana bukankah kita ini satu pasukan. Macam kita main bola, kalau *full back* hendak *score* susah kecuali penalti kalau bagi peluang untuk dia hendak *score* tetapi kalau dia hendak *dribble* bola itu daripada pintu gol dia dan dia hendak *score* di pintu gol orang memang sukar. Kalau berlaku itu tidak tahulah sekali-skala...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa kena-mengena bola dengan bajet?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? ..Ini ibarat, ibarat, ibarat Yang Berhormat..., bola pun ada Kementerian Belia..., jadi saya hendak perelaskan di sini kalau kita sesama kita ini masih ada perasaan ego, perasaan syak wasangka, perasaan prejudis maka yang rugi adalah rakyat.

Dan saya berharap macam pegawai-pegawai yang ada ini pun, sudah tentu kadang-kadang pegawai ini pun kalau macam saya pun duduk dalam Dewan ini lama, duduk dengar macam itu pun naik jemu juga, kalau saya jadi pegawai macam itulah duduk macam itu tambah lagi kalau saya ini kaki bercakap. Jadi kalau duduk, tidak bercakap naik lemas, jadi Speaker pun lemas, duduk daripada pagi sampai petang duduk dengar kita bersyarah, saya biasa jadi Speaker.

Geram rasanya kadang-kadang, rasa macam hendak turun bercakap tetapi tidak boleh tetapi tidak upayalah, bermakna kami ini macam contohnya Tuan Yang di-Pertua, apabila harga minyak naik, pak tani-pak tani dalam kawasan pertanian merungut sebab dia kata, *public transport* dapat bantuan, bas sekolah dapat bantuan, kereta mayat pun dapat subsidi minyak semua lain dapat sebab apa kami pak tani menggunakan jentera, *harvester* dan traktor ini tidak dapat subsidi minyak? Sedangkan nelayan dapat subsidi minyak pergi ke laut. Jadi saya sudah beritahu saya kata, saya sudah bercakap nanti lah sekejap, dia kata Dato berapa lama hendak nanti?

Sampai kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi makan kenduri pun tidak pergi, saya pergi makan kenduri dalam kampung mereka asyik bertanya yang itu pada saya. Saya kata kepada mereka, "Kalau duit aku hari ini aku pergi ambil ini bukan duit aku, duit kerajaan, nantilah sekejap". Sebab itulah Menteri ini pun kena prihatin, tidak larat sudah. Cuba menteri turun hari-hari pergi ke kampung tengok, ini macam saya seminggu kalau Dewan Rakyat tidak bersidang, hari Jumaat sahaja duduk dengan anak dan isteri di rumah. Hari lain kita bekerja, kerja turun ke kampung, orang kampung tidak akanlah tidak tahu, dia bercakap kadang-kadang dia bukan kira Yang Berhormat, tidak Yang Berhormat, dia kata, aku pilih engkau, engkau kena buat kerja. Kata saya "Aku hendak buat apa lagi, aku sudah beritahu pada menteri", itu saya cakap kepada orang kampung. Menteri kata nanti sekejap, menteri kata hendak cari kaedah, kaedah apa enam bulan sudah saya bercakap kaedah.. tidak jumpa lagi?...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, kadang-kadang kita naik angin ini Tuan Yang di-Pertua bukan kerana hendak naik angin, sebab apa hendak naik angin sebab kita pun tidak tahan angin asyik datang. Sudah turun, kadang-kadang makan kenduri hendak suap nasi itu, Dato'. Dato' makan untuk kami lah, duduk dalam bendang, aku tahulah, beritahu mereka kadang-kadang letak nasi, suap untuk tuang air tidak tertelan, lekat. Orang kampung dia bukan apa, dia *straight forward*, orang lurus bendul dia bukan tahu hendak berlatih, dia marah. Itu yang saya asyik berkata, *biotech, biotech*, apabila saya kata *biotech* dia kata saya *lawyer* buruk.

Apabila dengar di sini, menteri kata kita akan buat *biotech, biotech...*, menggunakan bioteknologi, bioteknologi pertanian, benda mempelam kecil jadi besar. Beras kecil jadi besar, kita pun balik kampung bersyarah tuan-tuan dan puan-puan, kita sekarang memandang ke arah pertanian, kerajaan akan mempertingkatkan hasil pak tani-pak tani, tuan-tuan sabar, hendak turun datanglah. Hak kecil jadi besar, itu enam bulan dahulu saya turun, turun pula enam bulan, esok Mak Long asyik tanya saya, Dato', Dato' dahulu kata *biotech, biotech*, mempelam saya kecil jadi besar, apa *tech, tech* saya tidak tahu beritahu mereka, asyik menunggu tidak turun lagi... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Buah mempelam yang besar itu dahulu, sekarang ini pun besar itu tidak turun lagi, kenapa?

Seorang Ahli: Hah, tunggu jadi kecil!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Kinabatangan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya? Bung, apa kamu mahu *biotech* juga ya?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pasal biotek lah ini, Yang Berhormat kita pun memang sama masalah kita sebab kementerian, menteri dia berbincang soal *biotech*, teknologi moden dan sebagainya dengan peruntukan tetapi saya tidak nampak ada satu sen pun peruntukan turun ke kawasan saya, saya tidak tahulah di kawasan Yang Berhormat? Kalau tidak ada, apa sudah jadi? Menteri berkenaan cakap bohongkah? Dia janji-janji dengan kita, kita janji dengan rakyat akhirnya kita merana dalam pilihan raya. Di kawasan Yang Berhormat sudah ada sampaikah peruntukan untuk bioteknologi ini? Untuk membantu nelayan, membantu petani, penternak, kalau tidak ada apa sebabnya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang buntu fikiran saya Tuan Yang di-Pertua, kami ini macam bengkok Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang harapan diberi, saya ada dalam Dewan ini kadang-kadang menteri jawab, kita sedang mengkaji, kita sedang merangka, kita sedang menyiasat, 49 tahun asyik duduk sedang apa lagi?

Cukuplah, kerana kami di bawah ini, yang ini Tuan Yang di-Pertua, kita pun cerita masalah kita, kadang-kadang orang tanya, kalau susah hendak jadi Wakil Rakyat, buat apa? Dan saya tidak pernah kata, saya tidak mahu jadi Wakil Rakyat, saya bertanggungjawab kerana saya *sign* borang hendak bertanding dahulu apabila ditawarkan oleh presiden saya, saya *sign* bermakna saya terima tetapi Tuan Yang di-Pertua..., yang kita hendak ialah supaya kalau tidak ada jangan asyik bercerita lagi, kalau tidak berlaku jangan duduk beritahu hendak berlaku. Kalau hendak kaji, buat kaji tidak usah asyik bercerita, sudah selesai kajian, hendak *implement* beritahu. Macam itu baru boleh.

Ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang Perdana Menteri sendiri hendak kena turun ini, Perdana Menteri sendiri hendak kena turun, Timbalan Perdana Menteri hendak kena turun sampai ke bawah. Jadi ini apa kerja Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharaplah masalah pertanian ini tolonglah. Saya memohonlah kerana rintihan di bawah tentang pertanian ini cukup-cukup besar hari ini. Saya tidak boleh kata mereka tidak adil, kerana mereka Tuan Yang di-Pertua mereka tekanan hidup. Kalau buat bendang, serelong, bawa balik ke rumah RM300..., RM325 bawa balik ke rumah..., kalau dia buat tiga relung kita kata RM400 pun tidak apalah, empat kali tiga, RM1,200, enam bulan, dalam setahun dia dapat RM2,400 bahagi dengan 12 bulan. Berapa duit dia hendak makan?

Berapa ratus dia hendak boleh makan, RM200 kan? RM200 sebulan Tuan Yang di-Pertua, susah. Jadi saya pun tidak tahulah jadi kalau biotek, tidak biotek itu cepatlal. Menteri Sains dan Teknologi pun asyik pun duduk tek, tok tek..., apa pun tidak ada lagi, yang pertanian pun tak kurang pergi ke luar negara ini....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bohong sahaja!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nanti, jangan marah Bung, engkau sabar bah, kau ini angin!... [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Aku pun sabar ini..., menteri-menteri pun kurangkan pergi berjalan ke luar negara Tuan Yang di-Pertua, asyik berjalan merata buat apa? Dengar-dengar Australia....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam bangun Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh Ya, ini pakar dadah ini!... [Ketawa]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya lihat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun melaksanakan banyak projek yang berjaya di sana sini. Masalahnya saya lihat ia tidak tersebar luas, dia hanya di kawasan tertentu sahaja, saya kena menyokong Yang Berhormat bagi Jerai dari segi penanam padi ini.

Sebenarnya apabila dia ada satu hektar, kalau di Sabak Bernam dia menggunakan, tiga ekar, orang kata orang tanam padi ini dia punya senang-lenang sebab padi, daripada padi itu beras jadi senang-lenang tetapi daripada kajian yang kita buat sebenarnya, pendapatan kalau daripada Jerai tadi RM2,400 setahun ini tetapi kajian dari Sabak Bernam mungkin dia lebih sedikit dalam RM6,500 setahun.

Jadi petani-petani ini dalam sebulan pendapatan dia tidak melebihi RM500 sebulan. Maknanya taraf mereka ini sudah menjadi taraf keluarga miskin. Oleh kerana itu, sebenarnya pihak kementerian ini saya nyatakan tadi telah pun banyak projek sampingan yang boleh membantu rakyat tetapi tidak begitu tersebar. Contoh, kalau saya hendak paparkan daripada *Agro Jurnal* di televisyen itu, seharusnya pihak kementerian ini dapat menyediakan satu buku panduan ataupun CD yang menunjukkan contoh-contoh. Ini disebarkan kepada semua Ahli Parlimen supaya kita dapat membantu rakyat bersesuaian dengan keadaan setempat dengan menyediakan peruntukan sekali bagi kawasan-kawasan itu. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah dikata *delivery*, penyampaian. Masalahnya begini, bila kita katalah kementerian itu mengeluarkan bahawa kita akan merancang atau kita sedang melancarkan Buku Hijau dan sebagainya, dok balik-balik yang itulah. Jadi masalahnya orang kampung, pak tani-pak tani ini dia akan cari wakil rakyat dan dia hendak benda ini semua. Kita tidak ada peruntukan Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak bagi dia tanam sekelompok, sepuluh orang atau lima orang hendak tanam. Dia tidak bagi kerana...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, ini pun memang bagus. Semalam pun dalam Debat Perdana itu. *Very good, very good.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong, dia bagi jalan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tadi kita berbalik kepada isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi mengenai subsidi minyak kepada petani-petani. Saya hendak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jerai mengenai bukannya kerajaan sekarang ini telah memberikan subsidi kepada hasil pertanian mereka iaitu padi-padi atau beras-beras yang mereka hasilkan itu akan diberikan subsidi dari segi harga dan juga kawalan dari segi kualiti dan seterusnya.

Kalau kita berikan lagi subsidi minyak dan juga diesel, ini bermakna bukannya kerajaan akan memberikan dua jenis subsidi iaitu membantu petani-petani. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerai kalau kita betul-betul ingin membantu ataupun menolong petani-petani dengan cara lain ataupun dengan perancangan yang lebih strategik lain kepada jangka masa panjang dan apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jerai mengenai isu ini? Saya selalu dengar Yang Berhormat sebagai seorang yang betul-betul jadi *fighter* untuk petani. Tahniahlah, teruskan perjuangan ini. Itu sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Memang tidak dinafikan kerajaan bagi subsidi. Yang saya katakan yang bawa balik RM300 lebih tadi itu kerana duit subsidi tadi itulah. Kalau tidak ada duit subsidi itu Tuan Yang di-Pertua, RM100 lebih sahaja dan siapa pun tidak akan buat bendang. Tidak ada siapa. Kita kena ingat pak tani inilah yang menyelamatkan kos kita mengimport beras daripada luar negara.

Macam negeri Kedah ini, kami terpaksa berkorban, suruh orang tanam padi. Sudah memang macam itu kerana Kedah ini jelapang padi Malaysia, sedangkan kalau orang berniaga, memang dia sudah tutup, tidak boleh untung! Jadi maksud saya tadi kita bukan minta subsidi apa, kerana kos minyak naik. Kerajaan sudah bagi subsidi minyak kepada nelayan untuk pergi ke laut, kepada pengangkutan awam dan kepada sebagainya.

Jadi saya sudah bercakap supaya minta bagi kepada pak tani kerana bila kos minyak naik, kos depa kerana padi yang hendak ditanam ini Tuan Yang di-Pertua, dia kena putar bendang itu dua kali, putar kering dan putar basah. Selepas itu baru dia boleh serak.

Selepas serak, dia hendak tunggu padi masak, dia tabur baja. Baja itu kerajaan bagi subsidi. Selepas masak, tunggu punya tunggu, padi pun beranak, masak. Kemudian boleh 120 hari, itu dia Yang Berhormat bagi Arau kata, 120 hari padi sudah beranak, ia bunting. Dia boleh ambil. Dia hendak ambil, dia kena pakai *harvester*. *Harvester* itu dia masuk pergi dan dia ambil padi. Dia pakai minyak, dia bukan pakai 'ayaq'. Jadi kos minyak itu naik dan kos traktor naik...

Seorang Ahli: Yang Berhormat, "ayaq" itu apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Air... [Ketawa] Jadi kos ini naik bermaknanya pendapatan pak tani menurun. Saya sudah berkali-kali mencadangkan supaya kerajaan membuat *biotech*, Yang Berhormat bagi Arau. Yang dok kata *biotech*, *biotech* itu apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau perkataan sahaja, ia tidak akan menolong pak tani. Ya, Yang Berhormat bagi Gua Musang... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah? Minta gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak, saya sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pasal depa minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak bagi tidak bolehlah. Jadi yang saya hendak hari ini kerajaan buat kaedah baru, kaji. Macam baru-baru ini Menteri Pertanian kata hendak bagi sepuluh tan satu hektar. Sepuluh tan satu hektar Tuan Yang di-Pertua, dia kalau tidak ada sistem perairan yang sesuai, ia tidak akan jadi. Sistem perairan MADA yang ada di negeri Kedah ini Tuan Yang di-Pertua, tahun Almarhum Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri kita yang pertama yang adakan sistem perairan MADA di negeri Kedah. Sudah berpuluh tahun!

Sistem itu tidak boleh kerana sistem perairan ia tidak masuk serentak sekali kerana ia lepas di kepala, di takungan ia turun mai, hak hujung masuk kemudian, hak awal masuk awal. Jadi padi itu tidak akan tumbuh dengan serentak. Jadi kena ubah sistem perairan. Saya telah buat kajian, depa kata memerlukan RM1 bilion untuk kos pengairan dan saya biasa tanya kepada Yang Berhormat Menteri, Menteri kata tidak ada duit. Kalau tidak ada duit, pinjamlah di *World Bank* kah, mana bank kah, *Islamic bank* kah atau di mana yang dok ada sekarang, yang mana *interest* nya murah.

Zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman dahulu pun Malaysia lagi tidak ada duit, lagi susah tetapi kenapa boleh ada. Pergilah pinjam di mana-mana. RM1 bilion kita pinjam untuk pak tani, bila pengeluaran pak tani meningkat, mungkin kita boleh kurangkan subsidi dan bila pak tani boleh mengeluarkan padi yang banyak, kita mengurangkan import. Bila kita kurang import, kita kurang pengeluaran wang kita keluar pergi ke negara lain dan demi keselamatan negara...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang BerhormatJerai.

Kalau pertanian ataupun penanaman padi yang biasa ini telah mempunyai banyak masalah yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Jerai, saya setuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerai, bagaimana kalau kementerian menukarkan strategi untuk menggalakkan lebih lagi petani-petani ini untuk menanam padi yang mempunyai nilai tambah yang lebih.

Sebagai contoh, mungkin beras atau tanaman padi ini yang orang kata beras wangi yang saya difahamkan telah diberhentikan sejak sepuluh tahun atau 15 tahun yang lalu kerana takut kepada penyakit dan seterusnya. Adakah setuju Yang Berhormat bagi Jerai bahawa kita mesti menanam padi yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi supaya pendapatan petani dapat dipertingkatkan lagi. Okey? Ini bermakna kalau pendapatan mereka dipertingkatkan lagi dan pergantungan kepada subsidi ini berkurangan. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Memang saya bersetuju dan dalam jangka masa Yang Berhormat bagi Puchong dok tanya, saya rujuk juga kepada Yang Berhormat bagi Arau. Yang Berhormat bagi Arau pakar pertanian. Dia jual macam-macam baja ini, Yang Berhormat bagi Arau. Tengok badan Yang Berhormat bagi Arau... *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendak menggalakkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Minta lalu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, SUP mai dah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasal pertanian padi ini, kawasan saya pun banyak juga tanam padi tetapi tidak banyak macam Kedahlah. Saya percaya masih ada lagi sikap penanam-penanam padi ini, ia dari segi ilmiah dia kurang lagi. Kalau kerajaan bagi baja subsidi, ada lagi yang sayang kepada baja ini, dia hendak tetapi dia simpan, kurang guna. Apatah lagi mereka ini hendak membeli baja. Kalau dia tengok padi dia hijau subur itu, dia fikir padi dia sudah jadi eloklah tetapi baja buah pula dia tidak guna supaya padinya ini berbuah lebat dan juga berat.

Supaya yang sembilan tan, ia boleh jadi 12 tan satu hektar. Saya rasa ini sikap penanam-penanam padi juga perlu kita beri ilmu kepada dia supaya dia faham, hendak jadi petani biar petani yang pandai, penanam padi pun kena pandai juga. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ilmu memanglah Tuan Yang di-Pertua, ilmu ini kena diperturunkan daripada pegawai, pegawai pertanian. Dulu zaman saya muda saya ingat lagi, pegawai pertanian selalu dok ada dalam kampung. Dia mai rumah-rumah, Mak Long nak tanam pokok mempelam macam ini Mak Long, korek dulu, bubuh baja dulu, bubuh benih dan sebagainya. Dia ajar orang dulu, orang kampung had generasi muda tak apalah. Had generasi tua ini, jemlah tak boleh pi dah. Jadi kalau kita dok paksa dia juga, dia bebal. Jadi pegawai pertanian semua berselerak, apa semua berselerak. Jadi kaedah dia hari ini kita nak bawa balik pelajar-pelajar universiti, tengok berapa orang pelajar universiti yang balik bertani di kampung Tuan Yang di-Pertua? Tak ada, kalau ada pun sikit sangat.

Dengan harapan yang kerajaan bagi, dengan segala bantuan yang kerajaan nak bagi tetapi dia nak mula tu tak tahu tang mana nak mula. Pelajar ini dia tak tahu nak mula di mana. Dan kalau dia nak balik di kampung, dia nak mula di kampung, dia kata pak dia buat bendang lima relung, pendapatan banyak ni, aku nak balik mai tumpang pula. Orang tua ni kata yang hang pi belajar tinggi-tinggi ni buat apa?

Dia kata inilah *bio tech* pak, apa *bio tech*? Hang bawa mai apa, aku nak tengok sat. *Tech* mana hang bawa mai aku nak tengok, tak kacau kita Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dah lah, habiskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Habis? Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya nak kan hari ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerai. Saya sangat menyokong sepenuhnya bahawa pegawai kita ini harus diberikan orientasi baru. Kerana yang penting bukan sahaja ilmu, kemahiran tetapi juga kreativiti dan jati diri. Oleh kerana itu, saya mencadangkan selain daripada orientasi baru ini, pegawai ini apabila dia di kawasan masing-masing bukan setakat turun padang. Dia dimestikan untuk mewujudkan projek contoh di mana dia harus bertanggungjawab terhadap kejayaan projek itu. Sebagai contoh seperti yang kita katakan tadi, satu hektar kawasan padi, pendapatannya hanyalah dalam RM6000, maknanya dalam setahun, dalam RM500 sebulan. Jadi dia akan memperkenalkan pendapatan sampingan dan dia diwajibkan, dimestikan dia berjaya dalam pelaksanaan itu sehingga petani itu boleh mendapat RM1000. Kalau dia gagal, dia harus dikaitkan dengan prestasi dia sama ada naik pangkat ataupun pindah dan sebagainya. Yang pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih. Saya bersetuju Yang Berhormat fasal apa, pertanian ini Tuan Yang di-Pertua, dia satu benda yang pelik. Fasal apa, dia bertani dengan tanah tetapi itulah kadang-kadang orang tua-tua dulu dia bercakap dengan pokok Tuan Yang di-Pertua. Dia bercakap dengan semua, pokok ini makhluk. Saya sendiri pengalaman, saya tanam pokok durian belakang rumah. Dia kata lima tahun boleh berbuah Tuan Yang di-Pertua, masuk tahun keenam, buah tak keluar lagi. Saya pi kepada pokok saya cakap dengan pokok, "Hang tak keluar tahun depan, hang tak keluar buah tahun depan, aku terbang hang". Tak, sungguh ini pengalaman saya. Dan tahun depan itu dia keluar buah tapi tak banyak, dia marah dengan saya, dia keluar dua biji sahaja... *[Beberapa Ahli ketawa]*

Durian kahwin ini. Jadi dia makhluk, kalau kita tengok negeri Siam, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham orang jangan kata beras ini tak apa kita import. Beras ini adalah makanan kita dan makanan kita dianggap sebagai keselamatan dalam negara kita ini. Kalau berlaku sesuatu peperangan kah, bala bencana kah, apa-apa yang tidak diingini berlaku, beras kita tak ada, rakyat akan mati kelaparan. Jadi kalau kita nak kena keluarkan duit sikit, tak apa fasal yang ini bukan ini, semua orang makan nasi. Habaq mai siapa tak makan nasi? Tak makan nasi, makan mee, mee daripada apa? Tepung, mai daripada beras juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi saya memohonlah kepada pihak Kementerian, ha kuey tiow pun ini juga. Mee mamak pun daripada beras juga. Jadi hasil daripada beras, kita tengok Siam, fasal apa Siam boleh import? Vietnam negeri yang berperang pun, lepas perang dia boleh eksport beras dia. Burma, negeri yang susah, miskin eksport beras. China eksport beras mai kat kita. Jadi bermaknanya kita tak menggunakan sebaik mungkin bumi yang Tuhan bagi kat kita. Kita hanya merancang sahaja, pandai merancang, implementasi dia tak sampai ke bawah. Ha, Sekijang, saya nak berhenti pun tak boleh, depa tanya, ini masalah negara Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Nak tanya sikit dengan Yang Berhormat sahabat saya ini. Tadi dia kata ada satu teknologi bercakap dengan pokok, jadi saya tak tahu teknologi ini dibawa daripada mana? Sama ada Yang Berhormat belajar daripada Arau ataupun daripada mana teknologi Yang Berhormat perkenalkan ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, makhluk ada perasaan sebab itulah kita bercakap dengan pokok. Pokok pun ada, sebab itu dia sunyi kalau kita tak bercakap dengan dia. Kadang-kadang kita tengok orang dok buat bendang, berjalan dalam bendang, dok bercakap seorang, dak, dia dok habaq, "Pokok padi hampa keluarlah elok-elok. Jangan bagi kutu buah mai makan, rugilah aku. Hampa tumbuhlah elok-elok". Merayu tu, orang kampung. Kita dengan kucing, kadang-kadang orang tak ada anak, depa bela kucing. Kucing itu pun tau, bila kita balik, ngiow-ngiow dia mai celah kaki kita, dia gomol kita. Padahal dia binatang tapi dia pun ada *feeling*. Sebab itu pokok itu ada *feeling* Sekijang, sebab itulah Tuhan marah kalau kita usik makhluk dia makna pokok, binatang, apa semua ini dia ada perasaan. Dan Arau kot, nak tanya apa-apa tak? Jadi benda ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta pada kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, saya nak gulung dah. Tak ada siapa tanya, ha Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Arau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Arau boleh bisik pun nak tanya juga.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat Jerai, saya nak bagi penjelasan sedikitlah oleh kerana nama saya disebut oleh Sekijang. Sebenarnya saya masa di universiti dulu Universiti Pertanian sebelum dia jadi Universiti Putra ini, memang saya dah amal dah cakap dengan pokok tetapi dia tak jawab baliklah kan, dan saya juga minta pelajar-pelajar bila bela haiwan, suruh bercakap. Kerana mereka ini sebagai Yang Berhormat Jerai cakaplah, makhluk. Kita mesti ada satu perasaan kasihan, minta tolong daripada dia, barulah ada orang kata *feeling*, dengan izin. Jadi saya mintalah Yang Berhormat ini, mungkin ada satu kursus untuk bercakap dengan makhluk-makhluk ini... [Ketawa].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mungkin yang ini kita masuk sebagai satu daripada mata pelajaran di Universiti Putra.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Lipis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kuda, kuda Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Cuba kita dok naik, *animal psychology, you are right*, dengan izin. Kuda kalau kita dok naik, kita tarik dia itu, sebab itu lepas tarik bila nak turun, orang dia urut kepala kuda itu. Cuba naik-naik, turun begitu, naik kali ketiga dia terajang turun Tuan Yang di-Pertua, hang dok naik atas aku saja, urut aku pun tak.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ini ada satu cerita ini Yang Berhormat. Saya baru ini pergi ke kampung lah, pergi melawat kawasan. Lepas itu ada orang tua umurnya 60, dia cakap pada saya sambil minum kopi. Dia kata, "Yang Berhormat, kita dengar juta-juta keluar tentang pertanian ini tetapi kata dia kampung ini satu apa pun tak ada, pegawai pertanian pun tak pernah nampak turun. Nak suruh minta apa pun, kita nak minta apa yang kita nak minta? Tak tahu apa nak minta?" Jadi macam mana itu Yang Berhormat, tolong jelas.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah saya merayu Tuan Yang di-Pertua supaya harapan Perdana Menteri kita, harapan kerajaan untuk menebus kemiskinan petani-petani ini harus kita ambil kira Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok kadang-kadang, pertanian ini bukan benda yang rugi, cuma *risk* dia tinggi sedikit. Kita tengok syarikat-syarikat besar, depa ada modal besar, depa buat dalam pertanian, berjaya.

Dan saya nampak juga ada orang kita di kampung, yang meniaga betul-betul, yang buat meniaga kecil-kecil ini dia boleh hidup tetapi saya nak mintalah pihak kementerian, saya pun kasihan kepada Menteri, nanti orang kata saya marah Menteri, bukan marah, tegur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Aman bangun Yang Berhormat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Yang Berhormat Jerai, saya memang memuji sikap Yang Berhormat memperjuangkan nasib penanam padi ini. Saya terbaca sehari dua ini tadi bahawa harga padi, harga beras akan naik dengan mendadak tidak lama lagi oleh kerana penduduk di seluruh dunia makin hari makin meningkat tetapi pengeluaran padi tidak meningkat sehalu. Jadi juga oleh sebab kita menggunakan *substitute* ini untuk membuat biodiesel, jadi sekarang memang diramalkan harga beras dan padi akan meningkat. Jadi adakah Yang Berhormat puas hati dengan persiapan yang kita buat sekarang di Malaysia, untuk mengaut keuntungan apabila harga beras dan padi meningkat secara mendadak nanti.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, saya bersetuju Yang Berhormat, saya ada baca juga artikel itu, maknanya tahun 2000 berapa entah, dunia akan kekurangan beras. Jadi saya juga baca artikel Yang Berhormat Menteri kata, tahun 2009, kita akan kurangkan import, kita tinggal 10%.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Akan tetapi saya nampak, bukanlah saya hendak perlekeh, saya nampak tidak boleh pergi. Mekanisme itu tidak ada, jadi saya tengok Universiti Pertanian dan Universiti Putra ini sudah beberapa puluh tahun sudah, Yang Berhormat bagi Arau?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: 75.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Selama 75 tahun sudah Universiti Putra dan Universiti Pertanian, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap dekat satu jam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, masalah saya dua jam, tetapi saya hendak *short cut* jadi sejam Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi *short cut* jadi satu minit habis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya..., ya. Jadi 75 tahun sudah Universiti Pertanian dan Universiti Putra. Kalau semua pelajar-pelajar ini turun dengan mekanisme yang diadakan oleh kerajaan, insya-Allah kita akan jadi pengeksport beras, pengeksport makanan, pengeksport. Sila Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu boleh berbincang selepas ucapan beliau.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Ini perkara ini tidak boleh bincang Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kalau bincang kita sama sahaja. Ini kita kena bagi tahu umum. Yang Berhormat bagi Jerai kalaulah graduan-graduan itu semua turun ke padang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau pandang ke sini.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: ...Turun ke padang, turun ke ladang, tanah semua berjaya. Saya rasa tidak akan berjaya sekiranya mekanisme itu tidak dikemaskinikan oleh sebab kalaulah graduan itu pergi minta *loan*, minta kredit, tidak diberi, macam mana dia hendak mula. Kalau dia hendak mula, dia hendak pinjam dari bapak dia, bapak dia pun ada lima relung sahaja, apa hendak jadi, tidak boleh buat apa juga. Jadi kerajaan mesti cari satu jalan untuk hendak memudahkan pelajar-pelajar ini yang sudah ada minat kepada pertanian, tetapi tidak ada ruang untuk mereka melibat diri di dalam pertanian. Apa kata Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Pandangan Yang Berhormat bagi Arau, serupa dengan pandangan saya Tuan Yang di-Pertua. Serupa, kalaulah kita dahulu menyuruh orang-orang rakyat berniaga, bangun, jatuh, bangun, jatuh, akhirnya berjaya. Fasal apa untuk pertanian kita tidak boleh buat macam itu juga, bagi peluang dekat dia. Ini kadang-kadang menteri pergi lepas ikan dalam kolam lagi, ikan dalam kolam itu, suruh penghulu saja yang lepas, saya yang lepas pun tidak apalah. Menteri buat dasar tengok, jadi tidak jadi. Setahun sekali kita himpun pertanian, penternak dan nelayan. Himpun buah rambutan, himpun buah ini, buah ini. Tarik kerbau besar-besar bubuh dalam kandang tunjuk. Kadang-kadang kerbau pergi tarik pun tidak tahu kerbau siapa. Kerbau bawa 'mai' daripada Australia biasa teriak dalam bendang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerbau saya tanya, "Awat hang teriak", "Awatnya tak teriak, *climate* berbeza. Di Australia sejuk, di Malaysia panas," dia kata. Jadi kerbau Malaysia mana, jadi masalah Tuan Yang di-Pertua. Jadi benda ini bukan tak boleh buat, boleh buat, dan saya percaya boleh buat. Petani memanglah kita boleh ubah minda dia, tidak boleh ubah minda dia, anak dia ada. Anak dia *educated*, anak dia berpendidikan tinggi. Cuma peluang tidak ada, tidak tahu hendak cari tang mana. Hak inilah saya minta tidak usah buat kajian dah, *implement* sahaja.

Last sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mintalah sekali lagi, supaya, tetapi tidak apalah pembangkang pun tidak ada, jadi saya hendak bercakap pun tidak payah cakaplah fasal Perlembagaan negara ini. Hendak *hot* pun tidak kena gaya juga, cuma di akhir saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah yang saya sarankan tadi, uniform kepada pegawai-pegawai kerajaan, saya sarankan juga tadi, pertanian supaya diseriuskan. Dan insya-Allah kami akan membantu, wakil rakyat akan membantu Kementerian, jangan susah hati. Kalau boleh biar kami wakil rakyat jadi pengerusi pertanian daerah, biar kita wakil rakyat panggil semua, hang pa buat ini, buat ini, buat ini. Jadi kadang-kadang DO pun semua tidak sempat Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagi kami tidak apa, kami ini wakil rakyat pergilah tunggu, bagi tengok benda berjalan, kalau tidak pun orang marah wakil rakyat juga. Jadi biar kami ke depan. Satu lagi saya hendak mintalah antara pentadbiran dan politik ini, kita pakat-pakatlah. Kalau ada sikit-sikit itu, sudahlah, kita hendak pergi ke mana, carik-carik bulu ayam tumbuh balik kah apa? Cantum semula. Tetak air tidak putus.

Kami pun kalau pegawai-pegawai kerajaan tertekan, tertindas mari habaq dekat kami, kita bercakap. Pegawai kerajaan hendak bonus dua bulan, saya bercakap yang ini, bagi, kalau boleh bagi. Pegawai kerajaan hendak naik gaji besar, bagi tetapi jangan lupa kami juga. Tidak bukan melawak, melawak dalam serius ini, kerana kami pembela rakyat. Pegawai Kerajaan pun rakyat, depa juga mengundi, jadi depa mengundi kita pun faham, jadi kita belalah. Kalau rakyat pegawai kata tidak bagus, habaq kami, kami akan bersuara. Jangan kata kami bersuara kerana kehendak kami tidak. Macam saya hendak mai bersyarah apa, lama-lama Tuan Yang di-Pertua pun tak larat dengar juga tetapi saya pun tidak larat dengar juga.

Akan tetapi kita hendak pakat elok-elok, abang-adik dalam kita menjalankan, kita jangan bagi kerajaan pening kepala. Dasar kerajaan turun, Rancangan Malaysia Kesembilan jadi. Ini hendak persembahkan belanjawan negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sambut belanjawan ini, turun betul-betul kepada rakyat. Kerana tidak ada parti lain boleh memerintah Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional sahaja. Parti lain berbohong, tidak bolehlah. PAS pun tidak lama masuk Barisan lah. Mai..., mai..., mai masuk mai! DAP tidak apalah, dia merapu seorang-seorang. Jadi semua untuk rakyat, jadi saya haraplah tolonglah Pegawai Kerajaan, begitu juga menteri-menteri semua, dan insya-Allah kami wakil-wakil rakyat ini, akan membela *without fear* atau pun *favour*. Ini ucapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokonglah yang belanja itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya perbincangan selesai pada hari inilah. Kalau boleh nanti akhirnya saya dapat jemput Timbalan Menteri jawab. Jadi apa yang telah bangkit, saya mintalah tidak payah ulang, ringkaskan supaya semua ketiga-tiga dapat berucaplah. Yang Berhormat bagi Labuan sila.

4.38 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan 2006. Saya mengambil perhatian, nasihat Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak membuang masa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasihlah, kepada kerajaan kerana telah pun memberikan perhatian ke atas masalah semasa yang dihadapi oleh rakyat di Kepulauan Borneo, Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Baru-baru ini saya ada baca artikel Menteri Pengangkutan, mengatakan bahawa beliau akan menyelesaikan dengan secepat mungkin masalah kelewatan penerbangan yang melibatkan MAS dan AirAsia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bukan soal kelewatan sahaja, yang harus Kementerian Pengangkutan berikan perhatian, itu bukan isu pokok. Isu pokoknya ialah bila mana kerajaan mencadangkan atau pun menerima cadangan, nasionalisasi MAS, di sanalah punca pertama berlaku *havoc* dalam sistem pengangkutan awam udara. Saya kesal Tuan Yang di-Pertua, di mana sebenarnya kerajaan dapat calon MD MAS ini, saya kesal. Kerana kalaulah misal kata, pada mulanya saya bangga, kerana dia orang Borneo, tidak kiralah daripada Sarawak, kita bangga, sekurang-kurangnya otak orang Borneo ini dapat di bawa ke tanah Semenanjung tetapi bila sampai jadi begini, kami jadi kecewa dan malu. Malu kerana seolah-olah dia berfikir tidak pakai otak, dia fikir pakai kepala lutut mungkin. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau cadangan untuk mengembalikan kerugian daripada angka merah kepada angka hitam dengan program buang pekerja yang mula-mula dikenali dengan VSS, lepas itu tukar jadi MSS, lepas itu pula kurangkan penerbangan dan naikan tambang, tidak perlu import bekas pekerja daripada *Shell* dan sebagainya. Tidak perlu. Saya ingat anak saya yang lulus universiti pun boleh buat kerja macam itu. Tidak perlulah cari *Chartered Public Accountant*, tidak perlu.

Bila benda ini berlaku saya melihat bahawa MAS tidak membuat kajian terperinci tentang *geo-economics*, *geo-politics*, sesuatu tempat bila mana memutuskan untuk mengurangkan jumlah penerbangan contohnya Johor Bahru. Penerbangan Johor Bahru ke Kuala Lumpur tiba-tiba tidak dimasukkan dalam 19 *trunk line*, sampai MB mengamuk; sedangkan kerajaan negeri dan Pusat bertungkus lumus memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk memajukan Johor, supaya dapat mengimbangi Singapura dalam sektor ekonomi. Labuan, walaupun cuma 95 sq. kilometer dinobatkan sebagai IOFC oleh Kerajaan Pusat. Kita kibarkan bendera Wilayah Persekutuan dan bendera Malaysia sebagai pulau IOFC...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sekejap... [Ketawa] Sebagai pulau IOFC. Perdana Menteri pada tahun 2003 datang ke Labuan mencadangkan dibawa lebih ramai masuk pelancong, *inventors*, *players*, *Malaysia My Second Home Programme*. Pop! Tiba-tiba dipotong dengan secara drastik, dua penerbangan dari Kuala Lumpur ke Labuan setiap hari dan dua dari Labuan ke Kuala Lumpur, tinggal satu. Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Labuan. Saya rasa MD ini ada sakit jiwa, Tuan Yang di-Pertua. Sebab apa, rakyat Sabah, rakyat Sarawak semua marah, marah dengan kerajaan. Sudahlah penerbangan seperti yang dikatakan daripada lapan dari Kota Kinabalu ke Sandakan dipotong menjadi tiga dan *Fly Asian Express* atau FAX, pula masuk, apa FAX?

Saya hendak minta Yang Berhormat supaya bertanya kepada Kementerian Kewangan, Timbalan Menterinya ada di sini, *rational 'sassy'* dipersetujui antara dua syarikat ini. Nampaknya kerajaan begitu berat kepada AirAsia sehingga kita menyediakan LCCT di seluruh negeri ada kepada AirAsia. Siapa AirAsia ini? Dia bukan syarikat milik kerajaan dan MAS pula rasionalisasinya dengan jadual baru, dengan semua yang baru. Tujuannya memotong sebilangan pekerja, 8000 orang iaitu untuk *balance* ia punya pendapatan. Sudahlah ia potong buang pekerja, ia naikan harga.

Yang Berhormat, dahulu tiket MAS dari Kota Kinabalu ke Sandakan RM108, RM216 pergi balik, sekarang ini RM386 pergi balik, ekonomi.

Bayangkan bagaimana MAS dan kerajaan hendak mewujudkan satu kesinambungan antara negeri dengan negeri, antara masyarakat dengan masyarakat? Dahulu kawasan Kinabatangan ini, Yang Berhormat, pelancong-pelancong pergi ke *homestay* lebih kurang 70 hingga 80 orang sehari, sekarang tinggal dua, tiga orang, sebab penerbangan tidak ada, tambang pun sudah naik, gula naik, harga minyak naik. Apa pandangan Yang Berhormat? Apakah Yang Berhormat bercadang supaya MAS ini di *restructure* semula, daripada MDnya, pengkerusinya, buang semua ganti dengan orang yang baru, yang boleh berfikir secara terbuka dan mempunyai kredibiliti kepada rakyat sebab kita menghadapi pilihan raya, mereka tidak. Dia kata mahu mencari untung tetapi jangan bagi susah kerajaan, jangan bagi susah rakyat. Minta pandangan?...

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, itu sebahagian daripada ucapan saya kerana semua pendapat Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya tambah lagi, saya tambah lagi tentang MAS ini sebelum saya pergi ke AirAsia. Seperti yang saya katakan tadi, apakah bila mereka membuat program rasionalisasi mereka tidak membuat kajian seperti yang saya katakan tadi *geo-politik*, *geo-economics*. Johor dan Labuan, dua tempat yang cukup signifikan untuk mereka membuat kajian kenapa dan mengapa tindakan seperti ini tidak patut diambil tetapi akhirnya ia generalisasikan, disamaratakan tanpa mengambil kira musibah dan akibat.

Tuan Yang di-Pertua, program kibar Jalur Gemilang. Saya balik ke Labuan tunggu Timbalan Menteri Penerangan yang patut datang dari Johor ke Labuan. Buat *appointment* tiga minggu dahulu. Gara-gara MAS, yang dahulu ada pagi dan petang, sekarang cuma ada pagi, tidak ada petang, gambar Timbalan Menteri Penerangan, poster ditampal satu Labuan, akhirnya cuma berkirim salam, tidak dapat datang kerana *flight* dari Johor ke Kuala Lumpur pun tidak betul, dari Kuala Lumpur ke Labuan lagi tidak betul. Ini program kerajaan, di mana obligasi kerajaan, integrasi nasional kononnya untuk Sabah dan Sarawak. Mana perginya?

MAS ini bukan syarikat persendirian. Ini milik kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, dan ini salah satu agenda unggul Perdana Menteri untuk menaiktarafkan pengangkutan awam. Udara juga pengangkutan awam. Kita tidak membantah AirAsia dan kita nampak *loophole*, bila mana diberi domestik sektor kepada AirAsia tidak pernah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini penubuhan FAX, syarikat *affiliate* ataupun bersekutu AirAsia. Bila diberikan, Pop! Datang satu *proposal* untuk *rural area* pakai FAX, satu lesen lagi dikeluarkan. Sapa punya FAX ini? Anak syarikat bersekutu.

Percaya atau tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua, dua tahun, *two years down the road* FAX ini, dengan izin, akan pergi lagi ke bursa saham. Ia akan minta lagi, bukan untuk *rural*, ia akan minta lagi untuk beroperasi *domestic regional*, lepas itu *international*. Percayalah. Ini satu manipulasi yang cukup hebat dan ia tidak boleh dibenarkan berterusan kerana yang akan menyambut akibat ini ialah kerajaan. Kerajaan pimpinan Perdana Menteri yang ada pada hari ini...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya satu *flight* dengan seorang ahli perniagaan dari Kota Kinabalu ke KLIA tadi. Bercakap tentang masalah yang sama ini, sukar mendapatkan tempat duduk untuk semua destinasi di Malaysia, sama ada Kota Kinabalu-Sandakan, Kota Kinabalu-Tawau, Kota Kinabalu-Kuala Lumpur, Kuching dan sebagainya, tetapi ia sudah bawa, mengajak saya untuk *check*. Dia kata kerajaan yang bertanggungjawab ini, Kementerian Pengangkutan yang bertanggungjawab, Kabinet yang bertanggungjawab. Ini kerana, katanya, Idris Jala diletakkan di sana untuk menghitamkan akaun MAS.

Apa sekalipun dia tidak akan lari daripada tujuan asal untuk menghitamkan akaun MAS. Lupa fasal nasional karier, lupa pasal tanggungjawab sosialnya, lupa fasal implikasi politik yang akan berlaku nanti, esok di Tawau, di Sandakan ini dan di bandar-bandar di Sarawak. Lupa semua itu tetapi sekadar untuk menguntungkan MAS. Kita balik kepada *statement* yang dibuat oleh Idris Jala tiga, empat minggu yang lalu.

Ia memberitahu dengan kita rasionalisasi ini bukan kehendak MAS, kehendak Kabinet Persekutuan. Nyata diberitahu, dimaklumkan oleh Idris Jala tentang rasionalisasi yang bukan kehendak MAS.

Jadi, saya minta Labuan bawa isu ini. Menteri kena jawab di Dewan ini. Mengapa rasionalisasi begitu tidak mengira faktor-faktor lain selain daripada untuk menguntungkan MAS. Mengapa perkara ini dibiarkan? Soal tidak ada kerusi, soal tidak cukup tempat duduk, soal harga yang tinggi sekarang ini memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada MAS, kepada rakyat tetapi kepada kerajaan *come election* nanti. Saya minta Yang Berhormat bagi Labuan bawa isu ini.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan tadi, kita telah menangani pelbagai masalah seperti kenaikan harga minyak, rakyat terima. Kenaikan harga barangan yang lain-lain, rakyat terima tetapi berapa banyak perkara lagi dalam jangka waktu yang dekat ini yang terpaksa kita berdepan dengan rakyat jelata hanya kesilapan dan kebodohan seseorang.

Kita tidak mahu perkara begitu berterusan. Pembangkang di sebelah sana Tuan Yang di-Pertua, dia menunggu sahaja. Kebodohan kita adalah kemenangan dia. Kenapa kita tidak berwaspada dengan benda-benda seperti ini? Perdana Menteri mengumumkan dalam ucapan belanjawan, lain tetapi yang berlaku dan dilaksanakan oleh tenaga pelaksanaan, lain. Apakah ada unsur-unsur untuk mensabotaj Perdana Menteri. Kalau tidak, kenapa perkara seperti ini dibiarkan? Bukan baru.

Sebagaimana Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengatakan tadi tentang kenaikan tambang. Saya bagi tahu Tuan Yang di-Pertua, saya minta Idris Jala buka mata, buka telinga. Labuan ke Kota Kinabalu, Tuan Yang di-Pertua tahu berapa jaraknya? Cuma 69 *nautical mile*. Tambang sebelum ini, RM74 untuk kelas ekonomi. Untuk kelas pertama RM99 iaitu kelas *business*. Hari ini, untuk penerbangan kelas ekonomi *one way* sahaja RM144 (*hundred forty four*) dengan izin RM144 kali dua iaitu RM288. Dia kata dalam surat khabar, "Oh! Kenaikan cuma 15% hingga 30%". Dia belajar matematik di mana? Dia gagal *math* kah? Orang macam ini dibayar RM30,000 atau RM40,000 oleh MAS. Lembaga Pengarah, Pengerusi MAS *should be sack by now...*

Seorang Ahli: Ya, sokong.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *This is rubbish.* Orang-orang seperti begini tidak layak duduk jadi pengerusi dalam lembaga pengarah MAS. Di dalam Dewan yang mulia ini, *backbenchers*, kita ada doktor, *lawyer*, akauntan, ambil! Ambil! Kalau kekurangan tenaga fikir. *Pick us up. We are more then ready to serve national service.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Satu lagi Yang Berhormat iaitu penipuan daripada MAS. Dia seperti juga AirAsia. Dia kata, "Untuk mendapat tambang murah, layari *website* kami". Saya cuba-cubalah tengok, mungkin dia macam AirAsia juga. Saya *booked* melalui *website* selama tiga bulan *advance* daripada sekarang. Oh! Dia kata tempahan yang dibuat telah penuh. Bayangkan tiga bulan, bermakna dia memang penipu. Macam juga AirAsia, dia tipu rakyat. Rakyat bukan mudah ditipu lagi. Kerajaan dia tipu, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Labuan. Mereka Ahli-ahli Lembaga Pengarah MAS ini tidak layak duduk situ. Daripada dahulu kita rugi. Kerajaan membelanjakan berbilion-bilion tetapi rugi juga. Yang untung mereka. Kerajaan rugi, rakyat rugi, yang untung ahli lembaga pengarah dia, pegawai-pegawai dia. Gaji berpuh-puluh ribu. Kita wakil rakyat kerja 24 jam pun gaji boleh dikira.

Yang Berhormat bersetuju kah kalau minta Kementerian Kewangan, Timbalan Menteri ada di sini sampaikan salam kita, rombak secara besar-besaran secara drastik pentadbiran MAS ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu hendak jawab kah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak tanya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya jawab dahulu. Saya jawab dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Mereka patut ada wibawa dan maruah. Tidak perlu kita suruh berhenti. Mereka sepatutnya bila membaca surat khabar, tahu bahawa kelemahan dan kebodohan mereka sudah boleh melayakkan mereka undur diri tanpa kita berteriak di sini suruh mereka berhenti, termasuk Idris Jala. Saya hari-hari kata dia Idris gila. Kalau salah *spelling*, bukan Idris Jala, tetapi Idris gila. Gila kerana tiga perkara buang orang, turunkan penerbangan dan naikkan tambang. Kalau macam itu, saya kata tidak perlu orang yang ada kelayakan macam dia. Tidak perlu, tidak perlu, tidak perlu...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Bintulu boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bintulu, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Tadi kita ada sebut kerugian ini semua. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Labuan. Tidak tahulah sama MAS ada sedar atau tidak sedar, selalu kita nampak jadual penerbangan.

Sebagai contoh, Bintulu ke Kuala Lumpur, dahulu MAS penerbangan waktu pagi, AirAsia waktu petang tetapi sekarang sudah kira bebas, apa jadual dia orang mahu, boleh disusun balik semula tetapi sekarang MAS dan AirAsia setakat hari ini dia punya jadual penerbangan, perbezaan cuma setengah jam.

Saya mahu tanya macam mana MAS boleh buat keuntungan? Tidak tahulah sama ada atau tidak, nantilah pandangan daripada Yang Berhormat bagi Labuan. Dia punya *flight* murah. AirAsia memang tetap penuh. MAS, saya dengar penerbangan menggunakan Boeing 737 kadang-kadang hanya 30 orang sahaja. Besok rugi, kata naik lagi tambang... *[Disampuk]*

Saya mintalah kementerian kalau boleh minta MAS betul-betul kaji balik semula. Sekurang-kurang dia ada mahal sedikit, ambillah masa pagi, AirAsia beri petanglah, bagi lain-lain orang sama ada pelabur kah, atau apakah daripada orang asing dia boleh guna. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya sudah maklumkan Tuan Yang di-Pertua. Saya kata sejak proses ataupun program rasionalisasi ini berkuat kuasa, ianya bukan menambah baik sistem pengangkutan udara tetapi menghuru-harakan lagi sistem yang sebenarnya sudah hampir baik. *We are almost; we are getting closer*, dengan izin, ke tahap baik tetapi menjadi huru-hara bila mana otak-otak seperti ini yang mencadangkan program rasionalisasi ini diguna pakai daripada baik, sempurna sampai jadi seperti sekarang. Kalau saya seorang bercakap Tuan Yang di-Pertua, mungkin orang berkata *something is wrong with* Datuk Shuhaili tetapi semua orang bercakap, daripada rakyat biasa, warga peniaga, baik semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Baiklah Yang Berhormat, saya fikir MAS sudah kita bangkit banyak, bolehkah Yang Berhormat alih kepada tajuk yang lain.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya gulung, saya bagi Yang Berhormat bagi Bera dahulu. Sekejap!

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih. Yang Berhormat, selain daripada tindakan tadi menggagalkan integrasi nasional, setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa tindakan MAS juga bertanggungjawab akan menggagalkan hasrat kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita?

Kita dalam 'Tahun Melawat Malaysia 2007', hasrat kita untuk menarik 20 juta pelancong tetapi MAS menghentikan penerbangan, memberhentikan penerbangan daripada Calcutta, penerbangan daripada beberapa tempat di negara China, mengurangkan penerbangan terus ke London, menghentikan penerbangan ke Manchester dan sebagainya, bagaimana kita hendak dapatkan pelancong datang ke negara kita? Kita marah kalau pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negara, MAS marah apabila mengadakan pakatan dengan syarikat penerbangan lain seperti SIA, SQ dan sebagainya. Dia kata tidak patriotik dan bagaimana hendak patriotik kalau MAS ini tidak ada penerbangan?

Saya hendak bagi contoh satu lagi Yang Berhormat bagi Labuan. MAS terpaksa kadang-kadang *down grade* jenis kapal terbangnya. Misalnya ke Jakarta Indonesia, kadang-kadang terpaksa menukar daripada *airbus* kepada 737 kerana tidak cukup penumpang. Saya difahamkan daripada kawan yang balik dari Jakarta, dia kata tidak payah pergi naik kapal terbang MAS waktu tengah hari sebab bila pergi, tidak cukup *load*, tidak cukup penumpang, dia akan *transfer* penumpang kepada waktu petang. Kepada kita tidak kompetitif, harga terlampau tinggi. Bayangkan ke Jakarta, *Business Class* untuk *Malaysia Airline* RM2800, dengan KLM cuma RM1000. Siapa yang hendak naik MAS?

Jadi, nampak gayanya apa yang berlaku dalam MAS bukan sahaja menggagalkan hasrat kerajaan untuk merapatkan hubungan antara Semenanjung dengan Sabah, Sarawak tetapi menggagalkan hasrat kerajaan untuk membawa 20 juta pelancong tahun depan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat katakan memang *impossible*, mustahil untuk kita membawa 20 juta pelancong pada tahun 2007 dengan keadaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menggulung ucapan saya, saya hendak sentuh satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Kenapa saya betul-betul marah dengan MAS? Kenapa saya kata tidak ada kajian? Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, Labuan tengah *upgrade airport*, RM368 juta Kementerian Pengangkutan belanjakan untuk panjangkan *runaway* bagi membolehkan *airbus* mendarat, tambah lagi *aerobridge* untuk menambah penerbangan dan bayangkan, semua ini kerajaan tidak pernah ambil kira bila berbincang dengan MAS. Apa faedahnya naik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Kuching, Labuan, Bintulu, Miri? Apa faedahnya? Wah, kata kerajaan tidak ada duit tetapi boleh buang duit untuk suka-suka! Hendak bagi kaya siapa sebenarnya? Yang terakhir, Yang Berhormat Ayer Hitam...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Labuan. Saya rasa di kawasan Yang Berhormat Timbalan Speaker pun menghadapi masalah yang sama. Lapangan Terbang Antarabangsa Senai yang sekarang tidak ada penerbangan antarabangsa, cuma ada domestik.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya setiap tahun kita dengar laporan MAS, dia kata rugi. Rugi itu tafsiran yang perlu diperbetulkan. Kalau kita membelanjakan wang, berikan kepada MAS semata-mata kerana untuk tujuan integrasi antara Sabah, Sarawak ke Semenanjung, saya rasa itu bukan satu kerugian. Ia sepatutnya berlaku, MAS ini sepatutnya berfungsi untung di luar negara dan domestik itu kalau tidak untung pun tidak apa dan kita boleh *offset* melalui cara itu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap perkara ini dan sekarang MAS, dulu kata mana ada sistem, sekarang mustahil ada sistem. Baru-baru ini di Sabah pula orang kata, "Meradang anak Serawak. Mengamuk anak Sabah." Itulah namanya MAS. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Betul. Tuan Yang di-Pertua, itu sebahagian daripada ucapan saya. Itulah yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Lapangan Antarabangsa Senai yang telah di *promote* kan dan pelbagai komitmen kerajaan negeri telah berikan diputuskan begitu sahaja dengan tidak diberikan penerbangan MAS, bayangkan sistem apa yang ada dalam MAS sekarang ini. Jadi tidak salah, apa juga nama jolokan diberikan kepada MAS dengan pengurusannya yang ada sekarang, dengan Lembaga Pengarahnya yang ada sekarang, semuanya tepat.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir, tentang kelewatan penerbangan melibatkan AirAsia dan MAS. Saya rasa kelewatan ini tidak akan dapat diatasi. M-U-S-T-A-H-I-L... *[Mengeja]* Mustahil, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya AirAsia tidak ada kapal terbang. Bila program rasionalisasi dipersetujui dia hendak mewarisi kapal terbang MAS. Angka itulah juga. Dengan MAS sendiri pun kekurangan penerbangan, kekurangan pesawat, diberikan kepada Air Asia, lagilah bertambah kurang.

AirAsia kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak berkemampuan sebenarnya untuk mengambil alih *domestic flight* daripada MAS. Sepatutnya kerajaan yang melaung-laungkan slogan "*Competition is Better for Consumer*", dengan izin, patutnya kekalkan MAS, suruh AirAsia *compete*, baru MAS boleh berlumba-lumba cuba memperbaiki dan memantapkan perkhidmatannya bukan dengan memberikan hak monopoli domestik kepada AirAsia. Kita sudah terbalik, Tuan Yang di-Pertua. *We are reverse actually. We are not moving forward.* Itulah kadang-kadang bila bercakap dengan rakyat kita malu kerana hari ini anak-anak di kampung punyai ijazah sarjana, sarjana muda, Ph.D. Dia kata, "YB, apa ini? Kata *moving forward, it seems that the government is moving backward*".

Jadi, macam mana kita hendak berdepan dengan..., kita kata, oh, kita hendak negara Malaysia 50% penduduknya mesti intelektual. Belum pun sampai 50% kita sudah nazak berdepan dengan budak-budak di bawah sana mempertikaikan keputusan-keputusan yang dibuat, apa lagi 12 tahun yang akan datang. Ya, Kepong, saya bagi *you* jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Eh, Yang Berhormat bagi Kepong tidak bangun, Yang Berhormat!

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Hendak cakap?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tidak? *He waved.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, dia salam kepada Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, beginilah BN. BN *very friendly, very transparent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Belum. Satu minit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Yalah, mungkin kita banyak mempersoalkan tentang *service* ataupun *efficiency*, dengan izin. Yang Berhormat bagi Labuan, bersetuju atau tidak mungkin kita di sini ada kesilapan sedikit. Kita lihat, masalahnya kita sekarang, tidak masuk macam contohnya Bintulu tidak termasuk *Central Trunk Route*, dia pakai AirAsia. Sekarang AirAsia masalahnya tidak beri perkhidmatan kecemasan. Macam Bintulu, sekarang Bintulu bukanlah sebuah kampung nelayan. Sekarang ini Bintulu masuk kawasan *heavy industrial zone* tetapi hospital belum lagi cukup hebat, banyak pakar yang kita tidak ada.

Sekarang apa-apa kita hendak minta seperti perkhidmatan kecemasan ataupun kita perlu perkhidmatan *air ambulance service* pergi ke Kuching. AirAsia kata, kita tidak beri perkhidmatan ini. Nanti rakyat sudah persoalkan kepada wakil rakyat. Dia kata, "Sekarang orang sakit ataupun dalam kes kecemasan apa yang hendak buat? Kita tunggu mati ataupun kita ikut ambulans 15 jam sampai Kuching?" Jadi macam mana masalah ini kita tidak lihat ke atas MAS dan AirAsia dalam perkhidmatan ini?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, *the basic*, asas kepada semua permasalahan ini ialah sama ada kerajaan atau MAS, tidak membuat kajian terperinci sebelum membuat sebarang keputusan.

Tahukah Tuan Yang di-Pertua bahawa tidak semua syarikat membenarkan kakitangannya naik AirAsia kerana AirAsia bukan member AITA. Shell, Petronas, sebagai contoh, dia tidak benarkan kakitangannya untuk naik penerbangan AirAsia. Jadi, bila mana *block seat* ini di *control* oleh syarikat-syarikat besar, penumpang-penumpang *walk-in* sukar untuk mendapat tempat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan membatalkan apa juga rundingan sebelum ini yang melibatkan AirAsia dengan MAS sementara menunggu AirAsia sudah bersiap sedia untuk mengambil alih penerbangan domestik dalam negara ini, kembalikan MAS semula untuk mengatur penerbangan-penerbangan domestik seperti sebelum keadaan menjadi huru-hara seperti sekarang. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, percayalah, perkara ini tidak akan pernah berakhir. Pembangkang akan mengeksploitasi kelemahan-kelemahan yang cukup terdedah ini dan kami sebagai *Backbenchers Club* akan sentiasa terdedah kepada tembakan-tembakan pembangkang. Walaupun dia pakai peluru kapur, *confirm*, matilah pasal sudah tidak ada cara hendak lari lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang berucap lagi. Insya-Allah MAS saya kirim salam, kita ada ucapan *budget* lagi yang mungkin agak panjang. Tidak selesai ini kita sambung lagi selepas ucapan belanjawan, kita akan huraikan lagi mungkin seminggu akan datang Tuan Yang di-Pertua. Banyak lagi kelemahan-kelemahan yang boleh kita kutip daripada *grassroots* kah atau daripada mana kah. Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong saya ingat boleh tunggu masa *budget*. Jadi saya benarkan Yang Berhormat Beluran dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Seorang sepuluh minit, Yang Berhormat Beluran sila.

4.53 ptg.

Datuk Ronald Khandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma menyentuh satu perkara. Sebelum itu saya menyokong seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Labuan terhadap MAS ini. Saya pernah berucap di Dewan ini pada sesi yang lalu. Saya pernah kata tentang kerajaan tidak boleh lepas tangan hubungan antara AirAsia dengan MAS ini kerana pada ketika itu saya tidak yakin bahawa sesuatu yang baik untuk rakyat seluruh negara ini terhadap rasionalisasi yang dirancang bersama oleh AirAsia dengan MAS. Nyata selepas 28 hari, hari ini 28 hari, rasionalisasi ini berjalan dalam banyak perkara-perkara yang dibangkitkan bukan sahaja di Dewan ini, kalau kita baca surat khabar di Sabah dan di Sarawak, semua pihak telah mempertikaikan keberkesanan rasionalisasi yang sedang berjalan antara AirAsia dan MAS ini.

Jadi perkara ini harus dipertimbangkan dan diambil tindakan segera oleh kementerian. Bukan soal *schedule*, bukan soal kelambatan tetapi soal kekurangan tempat duduk dan penerbangan dan soal tambang yang dinaikkan oleh MAS. Menteri Pengangkutan pernah bercakap di Dewan ini, berjanji kepada Dewan ini bahawa beliau akan secara peribadi mengawal, melihat dan juga mengambil sesuatu tindakan jika tambang MAS dinaikkan tetapi hari ini jelas 28 hari rasionalisasi ini berjalan, telah dua kali MAS menaikkan tambang atas alasan kenaikan harga minyak dan ini harus diambil kira oleh kerajaan. Satu lagi tentang makluman, tuduhan dan *exposure* yang dibuat oleh Idris Jala, MD MAS bahawa rasionalisasi ini bukan hendak MAS juga harus dijawab oleh kerajaan kerana ia melibatkan Kabinet Persekutuan.

Beliau secara sendiri memberi ulasan di akhbar bahawa keputusan itu adalah keputusan Kerajaan Malaysia dan ini harus dijawab oleh kerajaan kerana ketika ini, kalau ini keputusan kerajaan bererti kerajaan kena ambil rujuk semula keputusan yang dibuat oleh kerajaan ini. Saya bersimpati dan saya satu perasaan dengan Yang Berhormat bagi Labuan bahawa kemelut yang berlaku antara MAS dengan AirAsia dan rasionalisasi yang dibuat antara mereka ini akan memberi kesan politik kepada negara ini dan kepada Barisan Nasional. Ini harus diambil secara serius oleh kerajaan apatah lagi jika benar tuduhan bahawa rasionalisasi ini adalah kehendak Kabinet. Ini harus diambil tindakan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bawa adalah tentang insiden *break out* yang berlaku di Pusat Tahanan Sementara Menggatal. Pusat tahanan ini yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara dalam masa dua minggu ini telah berlaku dua insiden keluar, *break out* daripada pusat tahanan oleh mereka yang ditahan di bawah Akta Imigresen di pusat tahanan sementara ini. Ini suatu perkara yang harus diambil kira oleh kerajaan dan diambil tindakan segera. Tahun lalu telah berlaku juga insiden keluar daripada pusat tahanan ini oleh mereka yang ditahan dan terdapat juga insiden di mana mereka yang ditahan ini telah merempuh dan melakukan kecederaan terhadap pegawai-pegawai penjara yang mengendalikan pusat tahanan ini di Menggatal di negeri Sabah. Saya kira ini satu pendekatan tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang harus diambil oleh kerajaan.

Tindakan jangka pendek mungkin disebabkan oleh kesesakan. Kerajaan harus mengadakan tambahan pusat tahanan untuk menangani masalah yang berlaku di pusat tahanan di Menggatal. Itu merupakan tindakan jangka pendek tetapi penyelesaian jangka masa panjang ialah kerajaan harus membuat rundingan dengan Kerajaan Filipina dan juga Kerajaan Indonesia yang melibatkan warganegara mereka yang ditahan di pusat tahanan sementara ini. Apa yang berlaku sekarang ini Kerajaan Filipina tidak memberikan kerjasama kepada Kerajaan Malaysia untuk penghantaran balik warganegara mereka yang ditahan di pusat tahanan sementara di negeri Sabah ini. Soal tidak ada kerjasama inilah yang mengakibatkan mereka yang ditahan ini tidak dapat dihantar balik ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Filipina tentu sekali tidak bersedia untuk mengadakan perundingan yang baik dengan kerjasama dalam isu ini. Filipina masih mempunyai tuntutan ke atas negeri Sabah yang mereka rasakan bahawa mereka mempunyai hak sedangkan negara Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan tersebut, tetapi Filipina menggunakan alasan ini untuk tidak bekerjasama dengan Malaysia. Soal untuk satu Pejabat Konsul di negeri Sabah juga tidak dilakukan oleh Kerajaan Filipina. Dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat isu tahanan sementara ini akan menjadi satu isu yang membebankan kerajaan bukan sahaja berlaku *breakout* dan berlaku tindakan kasar terhadap pegawai-pegawai penjara yang mengendalikan pusat tahanan ini, tetapi Kerajaan Malaysia juga mengeluarkan wang yang begitu banyak untuk memberi makan minum kepada mereka yang ditahan. Jadi maknanya, kerajaan harus mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin cadangkan agar masalah ini dibawa ke perundingan dua hala antara Malaysia-Filipina. Kita memberi kerjasama dengan Filipina dalam soal MILF dengan Kerajaan Filipina. Kita menjadi orang tengah tetapi masalah Filipina yang berlaku di negeri Sabah iaitu di negara kita, kita tidak diberi kerjasama oleh Kerajaan Filipina. Perlu rundingan dua hala antara Malaysia dengan Filipina dalam isu ini dan kalau boleh perkara ini dibawa kepada isu perbincangan dalam Mesyuarat ASEAN soal keengganan Filipina untuk menerima semula masyarakat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini harus diambil tindakan segera oleh kerajaan. Insiden yang berlaku dan *breakout* yang berlaku ini harus tidak berulang kerana mereka yang ditahan ini bukan sahaja atas kesalahan imigresen mungkin ada di kalangan mereka ini mempunyai *background criminal*, *background* MILF yang dibawa ke negeri Sabah. Jadi saya menyeru, mencadangkan agar pihak Kementerian Luar Negeri melihat isu ini sebagai satu isu nasional yang harus diambil tindakan dibawa ke perbincangan ASEAN jika perlu, mengadakan rundingan dua hala spesifik terhadap isu ini dan menyelesaikan isu ini. Saya kira tindakan jangka pendek dan soal untuk menambah pusat tahanan bukanlah penyelesaian yang harus diambil oleh kerajaan tetapi lebih daripada isu itu, lebih daripada untuk mengadakan tambahan pusat tahanan sementara tetapi kepada isu rundingan antara dua negara. Jadi dengan kata-kata yang demikian, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Timbalan Menteri boleh jawab.

5.09 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkasnya saya ingin menyentuh tentang beberapa projek yang nyata gagal dan mengaibkan bukan sekadar kementerian yang berkenaan.

Akan tetapi pada saya ianya suatu petanda yang buruk terhadap bagaimana rasa optimis rakyat dan kita semua sebagai Ahli Parlimen terhadap kewibawaan kerajaan di dalam menentukan projek-projeknya mencapai matlamat.

Bercakap mengenai masalah sistem penyampaian, tetapi nampaknya sampai kepada hari ini masih lagi jauh untuk mencapai tahap kecemerlangan yang kita harapkan bersama. Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam bulan Ogos yang lalu telah pun mengumumkan 880 projek bernilai RM15 bilion. Ia mewakili 7% peruntukan RM220 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada lagi beribu-ribu projek yang bernilai RM205 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh 1,800 hari ini. Kita dalam Parlimen ini bercakap mengenai ketelusan, *transparency*, masalah *delivery system*, sistem penyampaian yang kita telah menunaikan tanggung jawab kita sebagai Ahli-ahli Parlimen sama ada daripada pihak kerajaan ataupun kami dari pihak pembangkang, yang merasakan bahawa kita perlu melihat segala projek-projek ini akan mendapat perhatian dan sampai kepada matlamat iaitu rakyat yang di bawah sana.

Dalam masa yang singkat ini Tuan Yang di-Pertua, saya membawa dalam Parlimen ini dua projek terbengkalai yang merupakan penanda aras betapa masalah ketelusan, masalah rasuah, masalah salah guna kuasa, tuduh-menuduh di antara kementerian-kementerian yang terlibat yang akhirnya rakyat jualah yang menjadi mangsanya. Kes pertama yang melibatkan projek pembinaan Pangkalan TLDM Tanjung Gerak Langkawi. Projek Marwila Tanjung Gerak dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama, merangkumi kerja tanah pembinaan pagar dan trek. Jip dilaksanakan di bawah RMK-7. Fasa kedua, merangkumi pembinaan bangunan dan kemudian jeti dan lain-lain dimasukkan di bawah RMK-8. Anggaran projek siap dalam tempoh lima hingga enam tahun. Itu perangkaan ataupun fakta yang tertera yang dilaporkan oleh laporan Audit Negara untuk saya bawa ke dalam Parlimen pada petang ini.

Bagi fasa satu, pelantikan kontraktor dibuat secara tender terhad dari kalangan kontraktor yang berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam kelas 'B' dan 'BX'. Pemilihan kontraktor secara tender terhad diluluskan Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Juru Audit Negara dalam pengauditan yang gagal mencari jawapan kenapa tiada amalan tender terbuka. Bagi fasa dua, pelantikan kontraktor dibuat melalui tender terbuka iaitu terbuka kepada kontraktor kelas 'A' yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Kementerian Kewangan melantik tiga perunding untuk Projek Marwila Tanjung Gerak ini. Empat penender mengemukakan tender untuk fasa satu. Pemilihan berasaskan kriteria harga yang ditawarkan. Spesifikasi teknikal, pengalaman dan keupayaan kontraktor, kesempurnaan dokumen tender dan kemampuan kewangan kontraktor. Akhirnya, penender yang menawarkan harga kedua terendah RM4.24 juta diterima. Perjanjian kontrak ditandatangani pada Oktober 1999. Projek hendaklah disiapkan pada Mei 2000 dengan tempoh penganggaran selama 12 bulan. Tempoh penyelenggaraan selama 12 selepas tarikh projek siap. Fasa satu disiapkan lewat. Ia siap pada Ogos 2000, lewat tiga bulan dan sijil perakuan siap kerja dikeluarkan pada Oktober 2000. Bagi fasa dua, seramai 45 penender mengemukakan tawaran. Harga dengan izin, *cut-off*. Bagi tender fasa dua ialah RM19.16 juta. Proses penyenaraian pendek penender berlangsung seperti berikut:

- (i) saringan pertama, sembilan dari empat puluh lima disenaraikan;
- (ii) saringan kedua, enam dari sembilan disenaraikan; dan
- (iii) saringan ketiga, tiga dari enam disenaraikan.

Nama tiga penender ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Perakuan Kementerian Pertahanan. Jawatankuasa Perakuan memperakukan satu dari tiga penender dan nama penender ini dikemukakan kepada Lembaga Tender Perolehan, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan. Penender ini menawarkan harga RM18.95 juta. Bagaimanapun Lembaga Tender Perolehan Pembangunan, Kementerian Pertahanan tidak memilih penender yang diperakukan Jawatankuasa Perakuan. Sebuah syarikat lain yang tidak memasuki tender dianugerahkan kontrak fasa yang kedua ini.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kenapa penender yang diperakui ditolak dan kontraktor yang tidak pernah masuk tender dianugerahkan projek, merupakan satu misteri kepada Juruaudit Negara sendiri yang gagal mengekorinya. Ini menunjukkan betapa slogan *transparency*, slogan bagaimana sistem penyampaian kerajaan, sistem terbuka yang sepatutnya diperakui tetapi akhirnya dilanggar. Apakah misteri di sebalik projek ini, yang saya rasa satu manifestasi daripada banyaknya projek-projek yang bakal gagal, yang telah pun gagal dalam projek ataupun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan, dan sekarang ini kita sedang masuk kepada satu fasa projek yang beribu-ribu lagi yang bernilai belanja berbilion-bilion ringgit yang bakal juga gagal. Gagal kalau sekiranya, sistem yang sama, cara yang sama digunakan dalam pemilihan kontraktor dalam kes yang seperti ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Kompleks Jabatan Laut Wilayah Selatan, Tanjung Pelepas Johor. Projek RM49.9 juta adalah pusat kawalan dan pengawasan radar bagi mengawasi lalu lintas di Selat Melaka. Permohonan pengambilan tanah dibuat pada Mac 1995, tetapi surat hak milik sementara hanya dikeluarkan Kerajaan Negeri Johor pada Mac tahun 2000, iaitu lima tahun kemudian. Akhirnya projek yang dirancang dilaksanakan dalam RMK-7, ditunda ke dalam RMK-8, dan peruntukan projek meningkat kepada RM55 juta, yakni sebanyak 10%. Pemilihan kontraktor sekali lagi dibuat secara tender terbuka mengikut syarat Surat Pekeliling Ketua Pengarah JKR, Bil.4/1993, tender dibuka pada tahun 2000. Sejumlah 27 penender mengemukakan tawaran. Saringan pertama, 14 penender di senarai pendekkan. Saringan kedua, lima penender di senarai pendekkan. Senarai ketiga, tiga penender di senarai pendekkan. Saringan keempat, satu penender dipilih dan kemudiannya diperakui Jawatankuasa Penilaian Tender.

Bagaimanapun Lembaga Tender Kementerian Kerja Raya menganugerahkan projek kepada kontraktor lain yang tidak melalui proses pemilihan tender secara terbuka. Ini direstui Perbendaharaan Malaysia. Kontraktor kelas 'A' ini bermodal RM5 juta, tetapi Juruaudit Negara tidak dapat menentukan kriteria pemilihan. Audit membuat rumusan bahawa pemilihan kontraktor yang terbabit bertentangan dengan peruntukan yang ditetapkan dalam Pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.

Sijil siap praktikal untuk projek dikeluarkan September 2004, kemudian Juru Audit mendapati bahawa banyak ketidakpatuhan berlaku kepada syarat kontrak dan spesifikasi kerja. Tambahan tanah projek ditetapkan pada 3.3 meter, tetapi JKR bersetuju dikurangkan kepada 2.9 meter. Namun tambakan yang dibuat tidak sampai 2.9 meter, namun JKR membayar harga tambakan 3.3 meter, iaitu RM5.29 juta menyebabkan lebihan bayaran RM0.7 juta kepada kontraktor. JKR juga terlebih bayar RM252,000 kepada kontraktor bagi pembinaan tembok *RD Deck* untuk pampasan, untuk penambahan hakisan ombak. Pelbagai kerosakan lain ke atas projek tersebut. Sementara longkang, saiz kabel...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: ...Yang terdapat dalam projek ini tidak dipatuhi dan tidak menepati syarat-syarat yang dikemukakan seperti mana surat tawaran yang ditetapkan oleh JKR sendiri.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dua kes yang saya sebutkan sebentar tadi adalah merupakan contoh dan manifestasi. Tadi sahabat saya bercakap fasal MAS, fasal agensi-agensi kerajaan yang lain dan seperti mana yang kita maklum bahawa dalam RMK-9 ada ribuan projek lagi, dan tetapi kalau beginilah caranya seperti mana yang pernah di bincang dalam Parlimen ini tentang bangunan MATRADE. Di mana pernah berlaku, JKR menetapkan kontraktor tiba-tiba ia boleh di *override* ataupun ditunjukkan oleh Kementerian Kewangan. Berlaku pertuduhan di antara JKR dan Kementerian Kewangan. Jadi saya mengharapkan Tuan Yang di-Pertua dalam kesempatan ini, di atas nama kepentingan negara, walaupun saya daripada pembangkang tetapi negara ini negara kami, negara kita semua. Saya mengharapkan projek yang bernilai berbilion ringgit ini, masalah *transparency*, masalah wibawa kerajaan.

Tidak ada guna kita ada Pelan Integriti Nasional tetapi sekiranya ketirisan yang seperti ini terus menerus berlaku dan kita hanya hidup di atas slogan yang cukup enak tetapi rakyat di bawah hanya tetap dapat menikmati sisa-sisa yang melibatkan kita sebagai *tax payer* sebagai pembayar cukai hanya mendapat kerugian dalam jangka pendek dan juga dalam jangka yang panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.21 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini. Ini termasuklah Yang Berhormat Ipoh, Jasin, Jerai, Labuan, Beluran dan Kubang Kerian serta Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang banyak memberi pandangan dan celahan semasa perbahasan.

Saya cuba merangka satu jawapan yang boleh memenuhi sebahagian besar daripada soalan-soalan yang ditimbulkan, pada masa yang sama menyedari bahawa banyak juga perkara-perkara yang ditimbulkan di sini adalah berkenaan dengan kementerian-kementerian yang berlainan, yang mana yang ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai peluang yang banyak baik di peringkat jawatankuasa nanti dan lebih-lebih lagi saya yakin dalam perbahasan mengenai Belanjawan 2007 yang akan di bentang dalam beberapa hari sahaja lagi.

Jadi, *I seek your indulgence*, dengan izin, sekiranya saya tidak menjawab soalan-soalan ini dengan penuh dan dengan menyeluruh. Terutama tumpuan mungkin saya berikan kepada soal yang berhubung kait dengan Kementerian Kewangan secara langsung iaitu soal Kastam yang nampaknya mendapat minat yang meluas dan saya rasa kita di dalam dewan ini pada petang ini merasa lega kerana akhir-akhirnya setelah masa yang agak lama isu ini berlarutan dan menjadi hangat, maka pada petang ini kita lihat suatu penyelesaian, satu kesedaran di kalangan kita semua bahawa sebenarnya kita Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai kerajaan mempunyai tugas masing-masing-masing.

Yang kesemuanya adalah menjurus untuk memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada rakyat jelata. Oleh itu, kita perlu bekerjasama, kita perlu hormat-menghormati dan saya pada mulanya bercadang untuk memberi jawapan yang secara terperinci oleh persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tetapi apabila di akhir ucapan Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin beliau menyatakan sekurang-kurangnya beliau sudah berpuas hati hari ini dan beliau tidak akan mengungkitkan lagi persoalan mengenai Kastam ini, maka saya juga tidaklah begitu berminat untuk menjawab soalan-soalan ini kerana ini tidak selaras dengan tujuan kita untuk menamatkan.

Cuma satu perkara sahaja yang saya mahu nyatakan sekurang-kurangnya untuk rekod semua bahawa pertamanya kita tidak boleh menyerahkan senarai penerima atau pun pembeli kereta-kereta ini kerana seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Johor Bahru bahawa kita tertakluk kepada peraturan, kerana kita telah pun menyerahkan perkara yang sama kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Integriti dan sekiranya kita melanggar, mendahului mereka, mungkin ini juga tidak selaras dengan syarat dan peraturan kita.

Keduanya, janganlah kita menganggap bahawa menteri-menteri dan kerajaan tidak berbuat apa-apa ketika apabila kita melihat tidak ada secara kasar atau pun secara *visible* peranan yang ditunjukkan oleh mereka. Kalau kita lihat sebenarnya dalam surat-surat khabar tambah-tambahnya hari ini, kalau kita lihat pandangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kita juga mempunyai Menteri Jabatan Perdana Menteri yang merupakan Menteri Parlimen kita yang akan berbincang pula dengan Menteri Kewangan esok yang seperti mana diumumkan. Maka ini semua merupakan usaha-usaha kita. Jadi saya rasa adalah tidak tepat sekiranya kita mengatakan bahawa menteri-menteri tidak buat kerja, berdiam diri dan sebagainya.

Akan tetapi seperti mana yang saya katakan, saya tidak ingin memanjangkan soal ini dan saya ingin berhenti di situ, semoga harapan kita semua bahawa penyelesaian akan dapat dicari dan perasaan hormat-menghormati, kerjasama bagi kuku dengan isi seperti mana yang Yang Berhormat bagi Jerai sebut bagi irama lagu dan irama ya. Saya rasa ini semua menunjukkan keprihatinan kita dan kesefahaman kita.

Soal-soal lain yang lain yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, satu yang saya mahu sentuh ialah tentang MSS yang dikatakan mengapakah ketua-ketua Kesatuan Sekerja mendapat begitu banyak, ya begitu banyak. Bahkan ada pula mereka yang mendapat lebih daripada jumlah gaji yang akan diperolehinya sekira mereka terus kekal sehingga persaraan.

Saya ingin nyatakan di sini bahawa prinsip utama MSS ini ialah berdasarkan kepada gaji terakhir dan berdasarkan kepada jumlah tahun perkhidmatan yang sudah diberi. Jadi sudah tentulah mereka yang sudah bekerja lama, katalah 35 tahun dan hanya mempunyai setengah tahun lagi nak habis, apa yang diperolehi oleh mereka, sudah tentu jauh daripada gaji setengah tahun yang sekiranya boleh.

Ini satu prinsip yang diterima ramai. Kalau tidak, soal keadilan akan ditimbulkan. Apakah seorang yang bekerja dua tahun yang mempunyai potensi gaji 30 tahun lagi yang begitu besar akan mendapat, perlu diberi yang besar kerana kehilangan gaji sekiranya dia bersara nanti. Saya rasa ini satu prinsip dan kebetulan pula tu sebenarnya kebanyakan ketua-ketua kesatuan ini sebenarnya adalah merupakan mereka yang telah bekerja 30 tahun, 32 tahun, 25 tahun ya. Saya ada *detail* nya sekiranya diperlukan.

Jadi sebab itu saya rasa ini adalah tidak begitu tepat. Saya ingin menyebut tentang Yang Berhormat daripada Kubang Kerian yang menimbulkan dua projek ini. Dah tak ada dah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya rasa kalau dia tak ada tak apalah. Kita teruskan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain sebenarnya seperti Labuan, Beluran sebenarnya menimbulkan soal Air Asia dan MAS dan saya selaku Ketua Pengarah LOFSA yang pertama di Labuan, saya sebenarnya agak prihatin dengan apa yang disuarakan dan saya rasa sedikit sebanyak dia boleh menjejaskan pembangunan Labuan sebagai IOFC sekiranya kemudahan itu tidak diberikan.

Saya berharap bahawa Menteri Pengangkutan, kementerian akan mempunyai peluang yang baik nanti untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan mengenai MAS dan juga AirAsia. Bagi Yang Berhormat bagi Jerai, saya rasa tidak ada masalah tentang cadangan untuk pegawai-pegawai kerajaan pakai uniform. Saya rasa ini sesuatu yang boleh diteliti. Ini sesuatu yang mungkin tidak disuarakan sebelum ini tetapi agak *trivial*, tapi mungkin kalau kita ingin menyelamatkan, *to save money*, dengan izin, bagi pekerja atau pegawai-pegawai dan keduanya mungkin dia boleh menimbulkan semangat profesional dia, atau semangat jabatan dia yang lebih kuat dan sebagainya.

Bagi Yang Berhormat daripada Labuan saya dah sebut tadi. Yang Berhormat bagi Beluran, Kubang Kerian. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian masuk balik. Saya nak sebut Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebagai pengakhirnya iaitu sebenarnya projek-projek yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini mungkin juga merupakan satu pengajaran kepada kita semua. Saya tidak berdiri di sini untuk menegaskan apa-apa jua kelemahan yang terdapat dalam setengah-setengah pelaksanaan projek kita pada masa-masa yang lepas.

Mungkin ada kelemahannya dan kita pelajari dari dan saya rasa oleh kerana projek-projek ini di laksanakan dalam rangka Rancangan Malaysia Ketujuh dan dibawa pula ke Rancangan Malaysia Kelapan, ini masa-masa yang sudah lama ke belakang. Kita perlu mempelajarinya dan saya yakin dengan adanya *task force* untuk pemantauan, sistem pemantauan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, saya rasa yang sebenarnya bertujuan untuk mengatasi apa jua masalah sejak di peringkat awal lagi.

Bukan ditunggu, bukan soal tanah lima tahun pun tidak ada orang membawa soal ini ya, maka saya yakin kelemahan-kelemahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini akan dapat diatasi kemudian kelak dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya cukup peka dengan masa yang ada Tuan Yang di-Pertua dan sekiranya diizinkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua dan menerima jawapan saya yang ringkas ini tetapi dengan penuh keikhlasan dan penuh keprihatinan bahawa apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan diambil kira oleh semua pegawai yang ada.

Baik daripada Kementerian Kewangan mahupun kementerian-kementerian lain, insya-Allah, dengan kerjasama antara kita pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli Yang Berhormat, satu usaha baru, satu permulaan baru dapat kita wujudkan supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik, perkhidmatan yang bermutu, yang cemerlang, gemilang dan terbilang untuk rakyat kita. Sekian, saya ingin mencadang.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup tepatlah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus dua belas juta tiga ratus dua puluh tujuh ribu sembilan ratus sepuluh ringgit (RM4,312,327,910) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12, Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.”

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup, jadi perbincangan di peringkat Jawatankuasa akan kita buat pada hari esok. Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.